



MENDEKATI

PEMEGANG KEPENTINGAN

L a p o r a n T a h u n a n 2 0 1 8



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

MENGENAI LAPORAN INI

Laporan Tahunan ini memberikan gambaran keseluruhan mengenai pencapaian Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) daripada 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. Laporan ini merangkumi aktiviti-aktiviti utama PIDM supaya pemegang kepentingan kami dapat membentuk pandangan komprehensif mengenai usaha kami dalam mewujudkan nilai.

Penyata kewangan pada 31 Disember 2018 disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM)¹ dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards* – MFRS). Ia juga mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards* – IFRS).

Laporan Tahunan ini disediakan dengan merujuk kepada Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Reporting Framework*). Seajar dengan rangka kerja ini, kami berusaha menyediakan laporan yang jelas dan ringkas mengenai strategi, tadbir urus, prestasi dan prospek kami. Objektif utama *integrated reporting* (pelaporan bersepadu) ialah untuk membantu "... pemikiran secara holistik tentang strategi dan pelan mereka, membuat keputusan berdasarkan maklumat dan menangani risiko-risiko utama untuk membina ... keyakinan pemegang kepentingan, pewujudan nilai dan menambah baik prestasi masa depan".²

***Integrated reporting* bertujuan menyampaikan "... laporan yang jelas, ringkas, bersepadu tentang bagaimana semua sumber kami mewujudkan nilai".³**

Lembaga Pengarah PIDM telah menyemak dan meluluskan Laporan Tahunan dan penyata kewangan ini, setelah dicadangkan oleh Jawatankuasa Audit. Lembaga Pengarah juga telah (melalui Jawatankuasa Audit) mengawas pengurusan strategik untuk mengenal pasti dan menilai perkara-perkara material bagi pewujudan nilai oleh PIDM. Lembaga Pengarah juga telah memperoleh perakuan daripada pegawai pengurusan utama serta jaminan kawalan dalaman dan risiko sebagai langkah untuk memastikan bahawa Laporan Tahunan dan penyata kewangan ini menggambarkan prestasi dan hal ehwal PIDM yang sebenar.

Maklum balas mengenai Laporan Tahunan kami boleh dihantar ke info@pidm.gov.my.

Laporan Tahunan 2018 ini, serta laporan tahunan kami yang sebelumnya, boleh didapati melalui laman web kami www.pidm.gov.my.

¹ Dipinda pada tahun 2010 dan 2016.

² *International Integrated Reporting Council (IIRC)*

³ Diterbitkan oleh IIRC. Majlis tersebut adalah pakatan global pengawal selia, pelabur, syarikat, pengasas piawaian, profesion perakaunan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

ISI KANDUNGAN

1

KENALI KAMI

4

2

STRATEGI

7

3

**DARIPADA
KEPEMIMPINAN KAMI**

15

4

**USAHA KAMI
MEWUJUDKAN NILAI**

20

5

TADBIR URUS

25

Tinjauan Tadbir Urus Korporat
Lembaga Pengarah
Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

6

**PERSEKITARAN
OPERASI**

39

Tinjauan Persekitaran Operasi
Tinjauan Keahlian
Prospek

7

**PEMEGANG
KEPENTINGAN**

50

8

**PERKARA-PERKARA
MATERIAL**

58

9

PRESTASI

64

Ulasan Prestasi
Ulasan Kewangan

10

**PERANCANGAN
RESOLUSI**

95

11

**PENYATA
KEWANGAN**

99

Laporan Lembaga Pengarah
Pernyataan Pengarah
Akuan Berkanun
Persijilan Ketua Audit Negara
Penyata Kedudukan Kewangan
Penyata Keuntungan atau Kerugian
dan Pendapatan Komprehensif Lain
Penyata Perubahan dalam Kumpulan
Dana dan Rizab
Penyata Aliran Tunai
Nota kepada Penyata Kewangan

Glosari Istilah

206

Rujukan Teknikal

208

KENALI KAMI

KENALI KAMI

Kami menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan dengan mentadbir perlindungan konsumer kewangan, memperkukuhkan keyakinan orang awam, serta menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan.

Kami adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta PIDM pada tahun 2005. Kami ditubuhkan untuk melindungi konsumer kewangan dan merupakan sebahagian daripada sistem jaringan keselamatan kewangan Malaysia. Mandat kami di bawah seksyen 4 Akta PIDM adalah untuk:

- (a) mentadbir dua sistem perlindungan konsumer kewangan;
- (b) menyediakan perlindungan kepada pendeposit dan pemilik sijil takaful atau polisi insurans sekiranya institusi ahli gagal;
- (c) menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- (d) menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Sistem kewangan yang kukuh dan kompetitif adalah kritikal untuk kemajuan ekonomi. Justeru itu, kewujudan jaringan keselamatan adalah kritikal untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memastikan kestabilan sistem kewangan.

Ekonomi di seluruh dunia menyedari kepentingan untuk memiliki pengaturan jaringan keselamatan kewangan yang kukuh.

Selepas krisis kewangan global pada tahun 2008, ekonomi di seluruh dunia menyedari bahawa mereka perlu membangunkan suatu mekanisme resolusi yang kukuh untuk membolehkan sesebuah institusi kewangan yang mengalami kegagalan ditangani secara teratur supaya kesannya kepada sistem kewangan dapat dihadkan.

Bersama-sama dengan Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan, kami menyasar untuk menyokong kestabilan sistem kewangan Malaysia dengan menyediakan insentif jangka panjang yang sesuai bagi institusi ahli untuk mengguna pakai pengurusan risiko wajar. Pada masa yang sama, kami perlu memastikan operasi kami sentiasa sedia untuk menangani kegagalan institusi ahli dengan segera, sekiranya ia berlaku. Kami bekerjasama erat dengan Bank Negara Malaysia untuk usaha *recovery and resolution planning* (perancangan pemulihan dan resolusi) bagi semua institusi ahli.

KENALI KAMI

Ke arah “kecemerlangan kawal selia”.

Kami sentiasa komited untuk melaporkan kemajuan pencapaian kami berbanding sasaran yang ditetapkan.¹ Kami berusaha untuk mencapai “kecemerlangan kawal selia”² dengan berpanduan pandangan daripada pengawal selia yang berpengalaman.

Antara amalan utama yang kami sasarkan termasuk:³

- (a) Kami menyasar untuk mencapai amalan terbaik dalam tadbir urus korporat sektor awam.
- (b) Dalam melaksanakan apa juga dasar, kami menyelidik secara meluas dan menanda arasnya dengan amalan dalam bidang kuasa lain, menyesuaikan diri mengikut keperluan keadaan khusus industri dan persekitaran operasi kami. Kami memperoleh manfaat dengan pembelajaran daripada pihak lain, termasuk rakan kongsi strategik serta menerusi rakan sejawat antarabangsa yang meluas.
- (c) Kami berunding tentang perkara-perkara utama termasuk peraturan yang mungkin memberi kesan ketara kepada pemegang kepentingan utama. Kami mengambil kira pandangan mereka untuk penyampaian hasil yang bermanfaat kepada orang awam.
- (d) Kami memberi perhatian kepada perkara-perkara yang penting terhadap kemampanan jangka panjang dan kejayaan PIDM serta pencapaian mandat kami. Salah satu kunci utama adalah pelaburan dalam kakitangan kami – kami berusaha untuk mengekalkan tahap kecekapan, sikap dan budaya yang terbaik dalam PIDM.

Sebagai sebuah entiti sektor awam dan untuk memenuhi jangkaan pemegang kepentingan, kami komited untuk memastikan peruntukan sumber, pengurusan prestasi dan pengukuhan akauntabiliti yang efektif.

¹ Rujuk Bahagian Prestasi di *halaman 64 hingga 79*.

² *Achieving Regulatory Excellence*, Cary Coglianese, Editor, Brookings Institute (2016).

³ Tiga ciri-ciri teras kecemerlangan kawal selia adalah integriti yang tinggi, kecekapan cemerlang, dan penglibatan empati. Rujuk “*Listening, Learning, Leading: A Framework for Regulatory Excellence*”, Cary Coglianese.

STRATEGI

STRATEGI

VISI

Memperkukuhkan keyakinan dengan menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik

MISI

Melaksanakan mandat secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti dan kakitangan kami

STRATEGI

Kami akan memenuhi visi dan misi kami melalui strategi yang dinyatakan dalam rancangan korporat kami. Laporan Tahunan 2018 melaporkan pencapaian kami berdasarkan tiga keutamaan strategik dalam Ringkasan Rancangan Korporat 2018 - 2020.

Sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005, kami memberikan tumpuan kepada pembangunan asas yang kukuh bagi insurans deposit. Pada akhir tahun 2010, mandat kami diperluaskan untuk meliputi perlindungan manfaat takaful dan insurans. Dari tahun 2016, kami memulakan perjalanan ke arah melaksanakan rejim resolusi efektif bagi Malaysia.

2005 ASAS

Insurans Deposit

Membina asas yang kukuh menerusi pembentukan amalan, proses dan sistem tadbir urus korporat yang mantap, dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit

2010 PENGIKTIRAFAN

Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Mandat diperluaskan untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Diiktiraf mematuhi piawaian antarabangsa dalam mentadbir sebuah sistem insurans deposit yang efektif

2016 EVOLUSI

Hala Tuju Strategik Jangka Panjang

Mengukuhkan peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi

Keutamaan Strategik Kami

Rejim Resolusi Efektif

Untuk membolehkan institusi ahli ditangani dengan segera secara teratur tanpa gangguan sistemik, dan meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan

Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat

Untuk mengeratkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama dan memupuk kepercayaan serta keyakinan terhadap PIDM, termasuk melalui amalan terbaik dalam tadbir urus korporat

Pengurusan Modal Insan Strategik

Untuk mengekalkan persekitaran kerja kondusif yang menggalakkan kecemerlangan, dengan tumpuan kepada pengurusan modal insan yang aktif dan pembelajaran yang berterusan

STRATEGI

Rejim Resolusi Efektif

ASAS	PENGIKTIRAFAN	
2005 - 2010	2010 - 2015	2016
Telah membangunkan rangka kerja intervensi dan resolusi kegagalan yang komprehensif dan membina asas bagi rejim resolusi yang efektif - Akta PIDM telah diluluskan oleh Parlimen dengan kuasa resolusi yang luas untuk membolehkan kami menangani institusi ahli yang tidak berdaya maju, serta meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan. - Membangunkan rangka kerja intervensi dan resolusi kegagalan komprehensif yang memperincikan pendekatan kami dalam menggunakan instrumen resolusi. - Akta PIDM dipinda untuk memasukkan kuasa institusi perantara (<i>bridge institution</i>), dan kuasa-kuasa berkenaan dengan ahli penginsurans (Rujuk Bahagian <i>Perancangan Resolusi</i> di halaman 95). - Telah membangunkan dan melaksanakan sebuah sistem pembayaran deposit bagi pembayaran balik dengan segera kepada pendeposit yang diinsuranskan. - Institusi ahli dikehendaki memastikan proses dan sistem mereka siap sedia untuk menyediakan maklumat lengkap, tepat dan menepati masa bagi memudahkan pembayaran balik dengan segera. - Menjalankan simulasi untuk menguji pendekatan dan meningkatkan kesediaan keseluruhan kakitangan kami.		Rejim resolusi efektif sebagai satu keutamaan strategik - Membentuk keutamaan strategik untuk mencapai rejim resolusi efektif bagi Malaysia, sejajar dengan saranan antarabangsa. - Terlibat dengan pihak berkuasa berkaitan di dalam dan luar negara bagi tujuan kerjasama, pertukaran maklumat dan penyelarasan berkenaan <i>resolution planning</i>. - Bersama-sama dengan Bank Negara Malaysia, membangunkan draf rangka kerja <i>Recovery and Resolution Planning</i> (Perancangan Pemulihan dan Resolusi). - Membangunkan draf Rangka Kerja <i>Resolution Planning</i>, Garis Panduan <i>Resolution Planning</i> dan keperluan maklumat bagi tujuan latihan rintis yang dirancang dengan bank terpilih.

Kesediaan operasi

Simulasi dan penambahbaikan berterusan

STRATEGI

EVOLUSI

2017	2018	2019	2020
Memastikan kesediaan dan penglibatan dengan industri Menganjurkan seminar industri bersama Bank Negara Malaysia mengenai <i>Recovery and Resolution Planning</i> untuk menyatakan kepentingannya dan menetapkan jangkaan pengawalseliaan bagi penekanan kepada pelan hala tuju strategik bagi pelaksanaan <i>Recovery and Resolution Planning</i> di Malaysia, yang termasuk latihan rintis dan perundingan industri.	Memantapkan kesediaan dan penglibatan dengan industri - Memulakan program dan simulasi proses <i>resolution planning</i> menyeluruh, untuk menguji rangka kerja dan garis panduan resolusi yang berkaitan. - Membangunkan keupayaan dalaman bagi <i>resolution planning</i> menerusi latihan dan pembangunan. - Kerjasama berterusan dengan pihak berkuasa yang berkaitan tentang <i>resolution planning</i>, pengurusan krisis dan tindakan resolusi semasa krisis. - Memulakan kerja untuk memastikan kesediaan industri terhadap garis panduan <i>resolution planning</i>, yang akan dilancarkan secara berfasa mulai tahun 2020. (Rujuk Bahagian Prestasi di halaman 67 hingga 69 untuk butiran terperinci).	Ujian dan rundingan - Memulakan latihan rintis <i>resolution planning</i> dan memantapkan draf garis panduan <i>resolution planning</i> dan keperluan maklumat berdasarkan maklum balas daripada bank perintis. - Membangunkan polisi dan menyokong perundangan resolusi mengikut keperluan. - Meneruskan penglibatan dengan pemegang kepentingan utama, terutamanya anggota jaringan keselamatan dan industri serta rakan sejawat antarabangsa.	Melancarkan <i>resolution planning</i> kepada industri secara berfasa - Menyempurnakan latihan rintis <i>resolution planning</i> dan mengenal pasti strategi resolusi pilihan bagi bank perintis. - Memuktamadkan dan melancarkan garis panduan <i>resolution planning</i> dan keperluan maklumat untuk perundingan dengan industri. - Melaksanakan pelancaran kepada industri secara berfasa. Bekerjasama dengan setiap institusi ahli mengenai pelan resolusi individu. - Membangunkan polisi lain yang berkenaan serta perundangan sokongan, mengikut keperluan. - Meneruskan penglibatan dengan pemegang kepentingan utama, terutamanya anggota jaringan keselamatan dan industri serta rakan sejawat antarabangsa.

STRATEGI

Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat

ASAS		PENGIKTIRAFAN	
2006 - 2010	2010 - 2015	2016 - 2017	2018
Membangunkan kesedaran awam dan penglibatan dengan pemegang kepentingan utama - Melaksanakan kempen pengiklanan – iklan televisyen, radio dan cetak bagi mewujudkan kesedaran awam tentang PIDM, Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. - Mengadakan dialog tahunan bagi pelancaran laporan tahunan dan perundingan awam mengenai pelbagai peraturan dan garis panduan. - Mengendalikan program jangkauan korporat ke negeri-negeri di luar Lembah Klang sebagai sebahagian daripada inisiatif kesedaran awam. - Menyertai persatuan antarabangsa bagi perkongsian pengetahuan dan hubungan kerja. - Melaksanakan program pendidikan sekolah, Projek PIDM MoneySmart untuk meningkatkan kesedaran kewangan dalam kalangan generasi muda.		Membina asas untuk memperkukuhkan kepercayaan dan keyakinan - Memulakan aktiviti bersama masyarakat di Kuala Lumpur Sentral, diikuti dengan negeri-negeri Kedah, Perak dan Pulau Pinang. - Melibatkan industri dengan inisiatif kami, termasuk inisiatif <i>resolution planning</i>. - Menyertai forum antarabangsa dan forum lain bagi tujuan perkongsian pengetahuan. - Menjalankan penilaian persepsi pemegang kepentingan. - Menguji komunikasi kami ketika krisis. (Rujuk Bahagian <i>Prestasi</i> di halaman 70 hingga 74 untuk butiran terperinci).	

Amalan terbaik dalam tadbir urus korporat

(Rujuk Tinjauan Tadbir Urus Korporat di [halaman 25 hingga 29](#) untuk butiran terperinci)

- **Simulasi bagi komunikasi krisis**
- **Biaya diri operasi**
(Rujuk Bahagian *Prestasi* di [halaman 8](#))

STRATEGI

EVOLUSI

2019 - 2021

Memperkuhkan kepercayaan dan keyakinan

- Meneruskan inisiatif kesedaran dan menjalankan aktiviti bersama masyarakat di seluruh negara.
- Mempelbagaikan saluran komunikasi termasuk ruang digital dan media sosial.
- Meneruskan penglibatan dengan industri termasuk berkenaan dengan *resolution planning*.
- Melaksanakan perancangan aspirasi ke arah *thought leadership* (kepimpinan pemikiran).
- Meneruskan simulasi komunikasi kami ketika krisis.
- Merancang dan memulakan pelaksanaan pelan tanggungjawab sosial korporat yang menyeluruh.

2021 dan seterusnya

Mengekalkan kekukuhan kepercayaan dan keyakinan

- Meneruskan penilaian dan menambahbaik program bagi meningkatkan kepercayaan dan keyakinan (termasuk kempen kesedaran awam dan penglibatan) berdasarkan kepada audiens sasaran.
- Meneruskan aspirasi ke arah *thought leadership*.
- Meneruskan penglibatan pemegang kepentingan.
- Meneruskan pelaksanaan pelan tanggungjawab sosial korporat untuk menyumbang kepada peningkatan nilai, kepercayaan dan keyakinan orang awam.

STRATEGI

Pengurusan Modal Insan Strategik

ASAS		PENGIKTIRAFAN	
2005 - 2010	2010	2011 - 2015	2016
Merancang dan membentuk model, falsafah dan polisi utama modal insan		Pembangunan kakitangan dan kepimpinan serta perancangan penggantian	
Sistem Insurans Deposit - Pengambilan tenaga kerja penting, memanfaatkan kepakaran dan sokongan daripada Bank Negara Malaysia. - Membentuk model modal insan, falsafah ganjaran dan manfaat, polisi dan proses modal insan utama lain. - Membangunkan kompetensi dalam bidang insurans deposit, termasuk menerusi perkongsian pengetahuan daripada penginsurans deposit lain. - Membangunkan model dan rangka kerja kompetensi.		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans Melaksanakan gelombang kedua pengambilan kerja kakitangan.	
		- Membangunkan kompetensi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. - Memulakan perancangan penggantian bagi jawatan kepimpinan kanan. - Menumpukan kepada pengurusan tenaga kerja dan pembangunan kepimpinan. - Mengkaji semula model, falsafah dan polisi utama modal insan serta membangunkan Pelan Modal Insan Strategik untuk penyelarasan dengan hala tuju strategik kami.	
		Ke arah <i>learning organisation</i> (organisasi pembelajaran) Memulakan pelaksanaan rangka kerja <i>learning organisation</i>.	

Persekitaran kerja yang kondusif

Menyempurnakan pembentukan

STRATEGI

EVOLUSI

2017

Menyelaraskan modal insan sejajar dengan keutamaan strategik

- Penstrukturan semula bahagian dan unit terpilih serta melatih kakitangan sebagai persediaan bagi pelancaran inisiatif *resolution planning*.
- Melaksanakan perancangan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif.
- Menentukan kompetensi tingkah laku kepimpinan yang unik untuk pengurusan kanan.

2018

Kepemimpinan, komunikasi dan budaya

- Memulakan latihan kompetensi tingkah laku kepimpinan unik bagi pengurusan kanan.
- Melibatkan pengurusan kanan dalam pengurusan aktif modal insan.
- Menubuhkan Bahagian Penilaian Risiko dan Resolusi.
- Melaksanakan latihan intensif bagi inisiatif *resolution planning*.
- Mengadakan perjumpaan secara kerap dengan semua kakitangan di semua bahagian.
- Melaksanakan rangka kerja pengurusan pengetahuan (sebagai salah satu daripada inisiatif *learning organisation*).

(Rujuk Bahagian *Prestasi* di [halaman 75](#) hingga [79](#) untuk butiran terperinci).

2019 dan seterusnya

Penyelarasan seterusnya modal insan untuk memenuhi keperluan PIDM pada masa depan

- Menyempurnakan kajian tenaga kerja dan memaksimumkan penggunaan modal insan kami.
- Membangunkan kemahiran melatih kepimpinan dan memulakan program bimbingan.
- Membina lapisan kepimpinan dan kompetensi teknikal.
- Meneruskan pembangunan PIDM ke arah *learning organisation*.
- Meneruskan latihan bagi kompetensi fungsi unik bahagian. (Rujuk Bahagian *Prestasi* di [halaman 77](#) untuk definisi).

tonggak utama *learning organisation*

Menguatkan budaya komunikasi dan kerja berpasukan

**DARIPADA
KEPEMIMPINAN KAMI**



DARIPADA KEPEMIMPINAN KAMI

Keyakinan dalam sistem kewangan adalah sangat penting. Tanggungjawab menggalak atau menyumbang kepada keyakinan bukan sahaja dipikul oleh anggota jaringan keselamatan – ia juga melibatkan industri, konsumer kewangan, media, dan rakan kongsi strategik yang lain.

Kami menyedari betapa pentingnya untuk membina hubungan yang kukuh dan efektif di kalangan pemegang kepentingan kami, agar dapat menangani cabaran sistemik atau sebaliknya, demi kestabilan sistem kewangan dan ekonomi Malaysia.

KEUTAMAAN STRATEGIK

Pengawal selia perlu mengimbangi keperluan pelbagai pemegang kepentingan. Justeru, cabaran utama kami adalah untuk mempamerkan pencapaian mandat kami. Pengukuran prestasi oleh pengawal selia bukan mudah kerana terdapat banyak faktor yang mempengaruhi hasilnya dan sebahagian faktor itu adalah di luar kawalan kami.

Oleh itu, selain daripada pencapaian sasaran prestasi yang ditetapkan, aspirasi kami juga adalah untuk mempamerkan "kecemerlangan kawal selia".¹ Beberapa ciri kecemerlangan kawal selia yang dinyatakan oleh Dame Deidre Hutton,² adalah seperti yang berikut:

- (a) perlu ada objektif yang jelas dalam undang-undang;
- (b) kakitangannya mestilah benar-benar pakar, dengan memiliki pengetahuan mendalam tentang industri yang dikawal selia;
- (c) bersedia untuk mendengar, dan terlibat dengan pelbagai pemegang kepentingan; dan
- (d) perlu ada ketelusan supaya pemegang kepentingan dapat menilai pencapaian misi.

Seperti yang diuraikan dalam Ringkasan Rancangan Korporat 2016 - 2018, terdapat tiga keutamaan strategik yang menjadi panduan kepada usaha kami ke arah mencapai visi yang ditetapkan. Sehubungan itu, kami berusaha untuk mencapai kecemerlangan kawal selia seperti berikut:

- (a) **Objektif yang jelas.** Peranan kami termasuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan, seperti yang dinyatakan secara jelas dalam Akta PIDM.
- (b) **Pakar resolusi.** Kami sentiasa berusaha mengekalkan tahap kesediaan operasi yang tinggi dalam intervensi dan resolusi kegagalan, melakukan simulasi bagi tujuan menguji kakitangan, sistem dan proses kami. Bagi mencapai aspirasi rejim resolusi efektif di Malaysia, kami memastikan kakitangan kami mempunyai pengetahuan mendalam yang secukupnya untuk bekerja secara efektif dengan pemegang kepentingan utama dalam bidang yang baharu ini. Dalam konteks ini, tahun 2018 menyaksikan pelaksanaan latihan yang intensif – melalui perkongsian pengetahuan, simulasi dan pembelajaran praktikal.
- (c) **Penglibatan dengan pemegang kepentingan yang pelbagai.** Usaha membina keyakinan dalam kalangan pemegang kepentingan adalah antara perkara yang diutamakan. Selain daripada kesedaran awam dan perkongsian strategik, kejayaan inisiatif *resolution planning* (perancangan resolusi) bergantung kepada kerjasama erat yang dijalin dengan industri. Pada tahun 2018, tumpuan utama kami adalah penglibatan kami dengan industri.
- (d) **Ketelusan.** Akhir sekali, ketelusan. Laporan kami menerima pakai piawaian yang ditetapkan bagi pelaporan kewangan. Pada masa yang sama, kami juga menggunakan prinsip *integrated reporting* (pelaporan bersepadu) yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Reporting Framework*).³

¹ Rujuk Bahagian Kenali Kami di [halaman 5](#).

² Pengerusi UK Civil Aviation Authority, *The Role of Stakeholder Relationships in Regulatory Excellence*.

³ Rujuk [Mengenai Laporan Ini](#).

DARIPADA KEPEMIMPINAN KAMI



**Tan Sri Dr. Rahamat
Bivi Yusoff**

Pengerusi Lembaga Pengarah
PIDM

Pengerusi Jawatankuasa
Tadbir Urus



Gloria Goh Ewe Gim

Pengerusi Jawatankuasa Audit



Alex Foong Soo Hah

Pengerusi Jawatankuasa
Ganjaran



Rafiz Azuan Abdullah

Ketua Pegawai Eksekutif

PENGLIBATAN PEMEGANG KEPENTINGAN

“ ... tidak kira sejauh mana objektif anda, atau sejauh mana kecekapan kakitangan anda, ia adalah tidak mencukupi sekiranya tiada hubungan yang baik dengan pemegang kepentingan.”⁴

Kenyataan di atas adalah tepat di dalam konteks PIDM yang diberikan mandat untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Dengan peralihan tampuk pimpinan Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu pada tahun 2017, Lembaga Pengarah telah memutuskan bahawa usaha memperkukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan menjadi teras utama pada tahun 2018. Usaha ini dipertingkatkan lagi apabila berlaku peralihan kerajaan pada Mei 2018. Langkah berkenaan adalah perlu untuk menangani perubahan yang berlaku dalam kalangan pemimpin kanan anggota jaringan keselamatan kewangan dan rakan kongsi strategik lain.

Di peringkat masyarakat awam pula, tahun 2018 juga menjadi titik permulaan peralihan tumpuan kami daripada kesedaran awam tentang PIDM kepada sesuatu yang mampu memberikan impak lebih besar iaitu kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap PIDM. Selain meningkatkan kesedaran menerusi pelancaran kempen pengiklanan baharu, kami juga memulakan kempen Jelajah Komuniti PIDM di Kuala Lumpur dan negeri-negeri Kedah, Perak dan Pulau Pinang, dengan tujuan mengeratkan lagi hubungan dengan komuniti yang disasarkan.

⁴ Dame Deidre Hutton, halaman 1, *The Role of Stakeholder Relationships in Regulatory Excellence*.

DARIPADA KEPEMIMPINAN KAMI

MENGAMBIL KIRA PANDANGAN

Kami sememangnya menyedari bahawa kepercayaan dan keyakinan tidak akan terbina dalam sekelip mata. Namun, kami terus berusaha membina asas kepercayaan dan keyakinan masa depan melalui interaksi dengan pemegang kepentingan utama kami. Butiran terperinci mengenai aktiviti penglibatan pemegang kepentingan kami boleh didapati di [halaman 71 hingga 73](#).

Pada tahun 2018, kami bermula dengan mengenal pasti tanda aras yang membolehkan kami menilai kemajuan kami dalam memperkukuhkan kepercayaan dan keyakinan pada masa depan. Buat masa ini, kaji selidik tahunan kami menunjukkan indeks kesedaran awam terhadap PIDM adalah sebanyak 63%, iaitu tahap yang sama dicapai dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Melangkah ke hadapan, kami akan mengukur indeks kepercayaan kami selaras dengan peralihan fokus kami daripada kesedaran awam kepada kepercayaan dan keyakinan.

Bagi industri dan pemegang kepentingan lain, pada tahun 2018, sebuah agensi telah ditugaskan untuk menjalankan audit persepsi pemegang kepentingan dengan tujuan untuk mengukur persepsi industri, media, dan rakan kongsi strategik lain tentang PIDM dan juga tugas-tugas kami. Secara amnya, kaji selidik itu mendedahkan bahawa pemegang kepentingan kami sedia maklum akan peranan dan mandat PIDM. Terdapat beberapa komen dan juga saranan untuk penambahbaikan seperti lebih banyak pendidikan dibuat tentang *resolution planning*, dan perbelanjaan kami. Laporan ini akan mengetengahkan beberapa tindakan yang kami telah laksanakan serta pelan tindakan masa depan kami berkenaan penambahbaikan terhadap perkara yang disarankan.⁵

PRESTASI KEWANGAN DAN OPERASI

Selaras dengan hasrat pemegang kepentingan, kami telah mengadakan kempen dalaman “*more with less*” (menggunakan sumber kami seoptimum mungkin) pada tahun 2018, untuk menyusun semula dan menambah baik operasi pengurusan kami. Kami telah menyemak semula beberapa perkara – contohnya, kami mengurangkan pengambilan kakitangan baharu, mengambil langkah lebih kritikal dalam menilai keperluan dan pemilihan khidmat pakar perunding, dan secara amnya, menguruskan sumber dan produktiviti dengan lebih baik. Hasilnya, kami mencatatkan varians positif sebanyak 16% dalam perbelanjaan operasi berbanding bajet.

Pada tahun 2018, kami turut mencatatkan satu lagi kejayaan penting apabila pendapatan pelaburan daripada Kumpulan Dana Perlindungan kami adalah mencukupi untuk menampung semua kos operasi kami. Ini bermakna, semua premium dan levi yang diterima daripada institusi ahli akan terus dituju ke arah pengumpulan Kumpulan Dana Pelindungan.

KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

Tahun 2018 juga menyaksikan perubahan dalam komposisi Lembaga Pengarah kami. Dalam tempoh berkenaan, empat Pengarah telah bersara, dan perubahan juga berlaku dalam dua jawatan *ex officio*. Namun begitu, komposisi semasa Lembaga Pengarah masih mengekalkan kepelbagaian dari segi jantina, kepakaran dan latar belakang ahli-ahlinya. Berdasarkan latar belakang dan pengetahuan mereka tentang PIDM, Pengarah *ex officio* memainkan peranan mereka dengan lancar, menyertai perbincangan yang diadakan secara aktif dan memberi pandangan membina yang sewajarnya tentang strategi korporat dan pelaksanaannya.

⁵ Rujuk Bahagian Prestasi di [halaman 64](#).

DARIPADA KEPEMIMPINAN KAMI

TINJAUAN

Dengan mengambil kira kajian kami terhadap persekitaran operasi serta arah aliran global, dan maklum balas pemegang kepentingan utama, kami akan terus melaksanakan pelan tindakan bagi mencapai objektif korporat dalam Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021, yang boleh didapati melalui www.pidm.gov.my. Beberapa sorotan utama adalah seperti berikut:

- (a) **Kesediaan operasi semasa.** Dalam memperkukuhkan peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi, kami harus sentiasa mengawasi persekitaran operasi kami, risiko yang ada, dan kemungkinan impaknya kepada industri. Dalam tempoh terdekat ini, kami akan memberikan tumpuan untuk menambah baik dan menguji kesediaan kami untuk melakukan intervensi sekiranya diperlukan, dan mencari peluang untuk memantapkan cara kerja. Sebagai contoh, kami terus berusaha memudahkan lagi proses pembayaran balik kepada pendeposit dengan menggunakan kemajuan teknologi.
- (b) **Memperkukuhkan peranan sebagai pihak berkuasa resolusi.** Bagi masa depan, kami juga berusaha untuk menambah baik peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi dan menyumbang sebanyak mungkin kepada kestabilan sistem kewangan. Pengalaman menunjukkan bahawa tanpa pencegahan, persediaan dan pengurusan krisis kewangan, boleh menjejaskan dimensi ekonomi dan sosial. Bagi memenuhi jangkaan pemegang kepentingan, kami juga perlu mempunyai instrumen yang mencukupi untuk menangani krisis sekiranya ia berlaku.
- (c) **Menangani persepsi pemegang kepentingan.** Sejalan dengan maklum balas pemegang kepentingan utama, kami memberi perhatian terhadap pandangan yang diberikan. Kami akan mengambil langkah yang munasabah dan praktikal, untuk menangani komen yang diterima. Sebagai contoh, bagi maklum balas mengenai perbelanjaan dan keperluan untuk mengoptimumkan nilai, kami akan meneruskan usaha "*more with less*" yang dimulakan pada tahun 2018 tanpa menjejaskan kecekapan dan keberkesanan penyampaian tugas, fungsi dan pencapaian matlamat kami. Kami telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kos pengeluaran dan percetakan penerbitan korporat kami. Kami juga akan terus menunjukkan standard tadbir urus korporat tertinggi, sebagai penentu reputasi, kepercayaan dan keyakinan terhadap sektor awam.

Salah satu ciri kemampanan kami adalah nilai yang kami perolehi menerusi pengukuhan hubungan kami dengan pemegang kepentingan kami. Oleh itu, kami akan mengekalkan penglibatan bersama mereka secara berterusan.

Ketahanan dan kesediaan kami untuk mencapai pembangunan mampan pada masa depan juga terletak kepada kakitangan kami. Di samping menangani risiko semasa, kami melihat peluang bagi organisasi kami untuk belajar dan berkembang dalam jangka masa panjang menerusi kakitangan kami. Pada tahun 2018, usaha *learning organisation* kami dikekalkan agar kakitangan dapat terus belajar, menyesuaikan diri dan berinovasi. Falsafah yang mendukung usaha ini, dapat disimpulkan menerusi kata-kata pengarang bisnes, Tom Peters, seperti berikut – "*Excellent firms don't believe in excellence - only in constant improvement and constant change.*"

PENGHARGAAN

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah, kakitangan, pemegang kepentingan dan rakan kongsi strategik kami atas maklum balas dan pandangan berharga mereka. Kami mengharapkan sokongan dan kerjasama berterusan mereka ke arah tujuan kolektif kami bagi memastikan kestabilan sistem kewangan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff


Rafiz Azuan Abdullah

**USAHA KAMI
MEWUJUDKAN NILAI**



USAHA KAMI MEWUJUDKAN NILAI

Kami berusaha untuk menyediakan laporan ini dengan prinsip-prinsip *integrated reporting* (pelaporan bersepadu), yang bertujuan untuk menggambarkan matlamat keseluruhan kami dan menaksir hasil atau impak ke atas nilai kepada pelbagai pemegang kepentingan dan komuniti. Gambar rajah di bawah menjelaskan model urusan kami dalam mewujudkan nilai.



USAHA KAMI MEWUJUDKAN NILAI

Bagi menentukan konteksnya, kepentingan nilai yang ingin diterapkan kepada sistem kewangan dinyatakan dalam mandat berkanun kami di bawah seksyen 4 Akta PIDM dan dihuraiikan dalam bahagian pengenalan.

Mandat dan Pengenalan kepada Akta PIDM



Sebagai sebahagian daripada jaringan keselamatan kewangan negara, objektif dasar awam kami termasuk:

- menyediakan perlindungan terhadap kehilangan deposit dan takaful atau manfaat insurans ketika kegagalan sesebuah institusi ahli; dan
- membantu dalam memastikan perjalanan lancar sistem kewangan dan mengekalkannya sebagai pemangkin pertumbuhan.

Ini menjelaskan peranan kami ketika perniagaan beroperasi seperti biasa dan apabila berlakunya intervensi dan resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli. Untuk mengulas lebih lanjut:

- kami menyediakan insentif kepada pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan, dalam membantu mengurangkan ancaman terhadap kestabilan sistem kewangan; dan
- sekiranya sesebuah institusi ahli gagal, kami perlu melaksanakan kuasa kami untuk menjalankan intervensi dan resolusi "dengan cepat dan berkesan" dan "meminimumkan kos kegagalan tersebut terhadap sistem kewangan".¹

¹ Seperti yang dinyatakan dalam pengenalan dan seksyen 4 Akta PIDM.

USAHA KAMI MEWUJUDKAN NILAI

Usaha pewujudan nilai kami adalah dalam memantau kesejahteraan institusi ahli kami sebagai proksi untuk pendeposit, pemilik sijil takaful dan polisi insurans yang kurang sofistikated, serta menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar. Kami harus sentiasa bersedia untuk menjalankan intervensi apabila perlu berbuat demikian. Seperti yang dimandatkan dalam Akta PIDM, peranan kami adalah untuk menyediakan perlindungan kepada pendeposit, pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan deposit atau manfaat takaful atau insurans sekiranya sesebuah institusi ahli mengalami kegagalan operasi. Kewujudan perlindungan ini, dalam beberapa cara memberikan keyakinan kepada konsumer kewangan dan mengurangkan kemungkinan pengeluaran wang oleh pendeposit secara besar-besaran di mana-mana institusi ahli. Dengan cara ini, kami menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Pada asasnya, peranan kami adalah untuk menyumbang kepada atau menggalakkan kestabilan keseluruhan sistem kewangan. Gangguan sistemik kepada sistem kewangan boleh membawa akibat yang amat buruk. Kesan gangguan tersebut adalah berjangka panjang dan secara meluas. Ia memberi kesan terhadap industri perkhidmatan kewangan, pelabur, ekonomi, orang awam, dan seterusnya kepercayaan orang awam, yang amat penting bagi sistem kewangan.

Nilai jangka panjang dalam memastikan kestabilan sistem kewangan yang berterusan, dan mengurangkan kesan gangguan sistemik, jauh lebih penting daripada keuntungan jangka pendek dengan tidak mempunyai perlindungan tersebut.

USAHA KAMI MEWUJUDKAN NILAI

Bagaimana PIDM mewujudkan nilai sejajar dengan mandat berkanunnya

Model urusan kami dalam usaha mewujudkan nilai, selaras dengan mandat berkanun kami dijelaskan secara terperinci dalam jadual di bawah.

Input	Aktiviti Urusan	Output	Hasil	Impak (Nilai Diwujudkan)
Modal kewangan - Pendapatan statutori daripada premium dan levi yang diperolehi daripada institusi ahli. - Pendapatan pelaburan daripada kumpulan dana. - Kepercayaan kredit yang tinggi. Modal sosial dan perhubungan - Hubungan baik dengan rakan jaringan keselamatan (Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan); pihak berkuasa domestik dalam sektor (Jaringan Pendidikan Kewangan); jaringan alumni pengarah industri (FIDE FORUM); rakan sejawat antarabangsa (International Association of Deposit Insurers - IADI dan International Forum of Insurance Guarantee Schemes - IFIGS); dan pembekal utama. 63% kesedaran mengenai PIDM dalam kalangan pihak awam pada tahun 2018. 95% daripada pemegang kepentingan yang ditinjau sedia maklum mengenai peranan dan mandat PIDM.² Modal insan - Kakitangan terlatih dan bermotivasi. - Kakitangan rakan strategik yang merupakan penyedia perkhidmatan luaran. Modal intelek - Pengetahuan dan kepakaran dalam insurans deposit dan skim jaminan insurans. - Pengiktirafan amalan tadbir urus yang baik dan pengiktirafan melalui Program Penilaian Sektor Kewangan. Modal pembuatan - Membangunkan sistem dan infrastruktur untuk operasi harian kami dan untuk menyokong tindakan intervensi dan resolusi kegagalan.	Aspirasi - Mencapai rejim resolusi yang efektif bagi Malaysia. Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans - Mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menurut amalan antarabangsa yang baik, yang disesuaikan dalam konteks kami. - Menggalakkan pengurusan risiko yang wajar melalui sistem premium dan levi berbeza. - Mengumpul kumpulan dana melalui kutipan premium dan levi daripada institusi ahli. - Pengurusan kewangan berhemat berkaitan dengan pelaburan dan perbelanjaan. - Menyokong FIDE FORUM, bagi standard tadbir urus korporat yang tinggi. - Memastikan kesediaan operasi, melalui simulasi berterusan untuk menguji kakitangan, sistem dan proses serta mengemas kini perundangan sekiranya perlu. Tenaga kerja - Mewujudkan proposisi nilai kakitangan (melalui ganjaran yang berdaya saing dan persekitaran kerja yang kondusif kepada kakitangan). - Mengamalkan budaya pembelajaran yang memupuk penambahbaikan berterusan. - Memperoleh pengetahuan dan kepakaran bagi kecemerlangan kawal selia (Rujuk halaman 5). Penglibatan pemegang kepentingan - Berurusan dengan jaringan kerja pemegang kepentingan (Rujuk Bahagian <i>Pemegang Kepentingan</i> di halaman 50). Akauntabiliti - Menerima pakai amalan terbaik dalam tadbir urus, yang mana Lembaga Pengarah dan kepimpinan menunjukkan teladan. - Standard pelaporan yang tinggi. Budaya dan tanggungjawab sosial korporat - Melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat seperti program biasiswa sarjana muda. - Melaksanakan inisiatif penambahbaikan berterusan dan menggalakkan motivasi intrinsik bagi keterlibatan kakitangan.	Amalan terbaik dalam Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans - Pengiktirafan sebagai penginsurans deposit terbaik pada tahun 2011 oleh IADI. - Mencapai pematuhan menyeluruh bagi Program Penilaian Sektor Kewangan pada tahun 2013. - Menyasarkan untuk mencapai elemen teras dalam Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions yang diterbitkan oleh Financial Stability Board. Amalan terbaik dalam tadbir urus - Menerima Anugerah Pelaporan Korporat Tahunan Kebangsaan (<i>National Annual Corporate Report Award</i> – NACRA) dan Anugerah Pelaporan Australasia bagi laporan tahunan PIDM. - Bagi tahun 2018 dan seterusnya, kami hanya menggunakan pendapatan pelaburan untuk membayar perbelanjaan operasi. - Ketelusan dalam pelaporan melalui rancangan korporat dan laporan tahunan sejak tahun 2006. Pengetahuan dan kepakaran warga kerja kami memperoleh pengiktirafan - Menerima lawatan sambil belajar yang kerap daripada rakan sejawat PIDM. - Keanggotaan Majlis Eksekutif IADI sejak tahun 2005. Penglibatan kakitangan mengukuhkan proposisi nilai PIDM - Mengekalkan indeks tahap keterlibatan kakitangan melebihi 80% sejak tahun 2013. - Kadar pusing ganti kakitangan yang rendah dengan purata 6.5% sejak tahun 2013. - Kadar ketidakhadiran sebanyak 5.5% pada tahun 2018.³ - Pembangunan dan pertumbuhan diri melalui <i>learning organisation</i> dan inisiatif lain. Hubungan dengan pemegang kepentingan - Rujuk Bahagian <i>Pemegang Kepentingan</i> di halaman 50. Tahap kesedaran - Daripada 4% pada tahun 2006 ketika penubuhannya, kepada 63% tahap kesedaran awam pada tahun 2018 (Rujuk halaman 72).	Pemegang kepentingan - Kami mengambil pendekatan proaktif dalam hubungan kami dengan penyedia perkhidmatan luaran utama kami dengan matlamat untuk mengekalkan bilangan kakitangan yang kecil ketika beroperasi seperti biasa. Kami hanya memerlukan khidmat penyedia perkhidmatan luaran utama apabila diperlukan (contohnya, semasa intervensi dan resolusi kegagalan). - Kami menyumbang dalam menggalakkan pengurusan risiko yang wajar oleh institusi ahli dengan menyokong FIDE FORUM, yang menggalakkan pengekalan dan peningkatan tadbir urus korporat pada standard yang tinggi dalam sektor kewangan dan kerja-kerja pengurusan penggantian bagi ahli-ahli lembaga pengarah dalam industri. - Kami menyumbang kepada celik kewangan bagi konsumen kewangan dengan menghendaki institusi ahli untuk mematuhi keperluan maklumat dan menjalankan kempen kesedaran awam dan celik kewangan, dengan kerjasama rakan kongsi kami. Konsumer kewangan yang lebih bermaklumat akan lebih memahami PIDM dan kerja-kerja kami, serta memupuk kepercayaan dan keyakinan. Kekal “sentiasa bersedia” - Kami meningkatkan kesediaan operasi bagi sebarang intervensi dan resolusi kegagalan dan sentiasa memastikan bahawa kami mempunyai proses dan sistem yang relevan, dikemas kini, cekap dan berkesan, contohnya bagi penilaian risiko yang lebih efektif dan pembayaran balik segera sekiranya berlaku kegagalan dan resolusi sejajar dengan mandat kami. - Melalui rejim resolusi efektif, lebih banyak maklumat diperolehi dengan lebih awal akan membolehkan intervensi dan resolusi kegagalan yang lebih efektif di samping mengurangkan risiko sistemik. Tenaga kerja - Kami menggalakkan standard yang tinggi dalam organisasi melalui langkah pengurusan tenaga kerja dan pembangunan proposisi nilai kakitangan. Kami juga meningkatkan kepakaran mereka bagi memenuhi jangkaan pemegang kepentingan. Kepercayaan dan keyakinan - Kami menggalakkan kepercayaan dan keyakinan melalui amalan tadbir urus korporat dan etika yang baik (termasuk ketelusan, objektiviti dan integriti) dan menjadi teladan dalam sektor awam. - Kami menggalakkan penglibatan komuniti dan mengembalikan nilai kepada komuniti melalui program tanggungjawab sosial korporat kami, seperti pelajar yang memerlukan bantuan kewangan melalui program biasiswa kami.	Kestabilan sistem kewangan - Kami menyumbang kepada ekonomi Malaysia dengan menyumbang dan menggalakkan persekitaran yang stabil bagi aktiviti ekonomi yang dijana oleh institusi ahli serta memastikan institusi ahli yang gagal keluar daripada sistem kewangan secara teratur. Kami menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar dan memelihara kestabilan sistem kewangan. - Kami menyumbang kepada Kerajaan dan orang awam melalui kutipan premium dan levi melalui industri dan bukan melalui perlindungan tersirat oleh Kerajaan dan wang orang awam. Kami juga mengurangkan risiko bahaya moral bagi jaminan menyeluruh melalui amalan terbaik reka bentuk Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans kami. - Sistem premium dan levi berbeza menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam kalangan institusi ahli, dengan itu meningkatkan lagi kestabilan sistem kewangan. Meningkatkan pewujudan nilai melalui rejim resolusi efektif - Keutamaan strategik “rejim resolusi efektif” berhasrat untuk membantu dalam meningkatkan keupayaan kami untuk menjalankan resolusi ke atas semua institusi ahli dengan lebih efektif. Jika dilaksanakan dengan efektif, ia akan membantu dalam menangani risiko dan kerumitan institusi kewangan yang penting dari segi sistemik, dengan itu menjadikan sistem kewangan negara lebih kukuh terhadap gangguan sistemik. (Rujuk Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021, melalui laman web kami www.pidm.gov.my).

² Responden kepada audit persepsi pemegang kepentingan termasuk institusi ahli, persatuan industri dan media.

³ Kadar ketidakhadiran ialah peratusan waktu kerja, yang dinyatakan sebagai hari bekerja di mana seseorang kakitangan tidak hadir semasa tahun tersebut. Ketidakhadiran bermakna ketidakhadiran yang berada di luar kawalan PIDM, termasuk cuti sakit, cuti rawatan di hospital, cuti ehsan, cuti haji, cuti keibubapaan (bersalin dan paterniti), cuti belajar dan cuti berkahwin.

TADBIR URUS

Tinjauan Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif




TINJAUAN TADBIR URUS KORPORAT

Kami komited terhadap amalan tadbir urus yang baik, yang bertujuan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti kepada semua pemegang kepentingan kami di samping meningkatkan keupayaan kami untuk mewujudkan nilai.

Kami mematuhi semua undang-undang yang diterima pakai. Di samping itu, struktur dan proses tadbir urus adalah tersedia bagi memastikan pelaksanaan strategi dan pengurusan risiko kami. Kawalan dalaman kami merangkumi kod tatalaku dan etika urusan, pengisytiharan konflik kepentingan serta aset dan liabiliti, dan polisi pendedahan maklumat. Lembaga Pengarah kami memainkan peranan penting dalam memastikan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap, khususnya yang berkaitan dengan etika, budaya dan piawaian tingkah laku.

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, kami mengemukakan laporan tahunan dan penyata kewangan kami kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan. Kami diaudit oleh Jabatan Audit Negara.


STRUKTUR TADBIR URUS PIDM



KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengarah bukan eksekutif dari sektor awam dan swasta. Dua daripadanya merupakan *ex officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Selebihnya terdiri daripada gabungan individu dengan pengalaman sektor awam atau swasta atau kedua-duanya. Pengarah-Pengarah bukan *ex officio* dilantik oleh Menteri Kewangan (Rujuk [halaman 30 hingga 35](#) untuk profil dan latar belakang mereka).

Komposisi semasa Lembaga Pengarah kami adalah seperti berikut.



TINJAUAN TADBIR URUS KORPORAT

SOROTAN UTAMA KERJA-KERJA LEMBAGA PENGARAH TAHUN 2018

Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah menetapkan piawaian-piawaian tadbir urus PIDM. Piawaian dari Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan diambil daripada amalan terbaik sektor awam dan sektor swasta yang berkaitan. Piawaian ini telah dibangunkan dan diterima pakai dalam konteks fungsi awam dan mandat perundangan PIDM dan dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan ia mengikuti amalan terbaik yang sesuai dalam tadbir urus korporat. Untuk ketelusan, Laporan Tahunan 2018 kami mendedahkan prestasi Lembaga Pengarah berdasarkan setiap piawaian dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarahnya secara terperinci. Laporan ini boleh didapati melalui laman web kami di www.pidm.gov.my.

Tinjauan ini mengandungi sorotan utama kerja-kerja tadbir urus korporat Lembaga Pengarah pada tahun 2018.

LATIHAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah sentiasa mendapat maklumat dan mengikuti perkembangan persekitaran operasi hal-hal penting yang berkaitan dengan urusan dan hal ehwal kami. Ini membolehkan mereka memberi pandangan dan menyumbang dengan efektif ke arah pencapaian mandat PIDM. Pada tahun 2018, para Pengarah telah mengambil bahagian dalam sesi latihan berikut:

Senarai Latihan yang Dihadiri

Mengurus Risiko Siber Institusi Kewangan (*Managing Cyber Risks in Financial Institutions*)

Mengemudi Dunia Turun Naik, Ketidakpastian, Kerumitan dan Kekaburan
(*Navigating the Volatility, Uncertainty, Complexity and Ambiguity (VUCA) World*)

Mesyuarat Tahunan dan Persidangan Antarabangsa Asia-Pacific Regional Committee (APRC), International Association of Deposit Insurers (IADI)
(*IADI's APRC Annual Meeting and International Conference*)

Memahami Pengurusan Risiko Kecairan Perbankan (*Understanding Liquidity Risk Management in Banking*)

Pengenalan kepada *Recovery and Resolution Planning* (*Introduction to Recovery and Resolution Planning*)

Sesi Perkongsian Pengetahuan oleh Taiwan Insurance Guarantee Fund
(*Knowledge Sharing Session on Recovery and Resolution Planning by Taiwan Insurance Guarantee Fund*)

Pendekatan kepada Pembayaran Balik yang Lancar PIDM (*PIDM's Approach to Seamless Payout*)

Sesi Perkongsian Pengetahuan mengenai *Recovery and Resolution Planning* oleh PwC Jerman
(*Knowledge Sharing Session on Recovery and Resolution Planning by PwC Germany*)

Perlindungan Insurans Deposit untuk Wang Elektronik dan Pihak Berkuasa Resolusi Kebangsaan
(*Deposit Insurance Protection for Electronic Money and National Resolution Authority*)

Keadaan Ekonomi Malaysia (*Malaysian Economic Conditions*)

Malaysia: Fajar Baharu (*Malaysia: A New Dawn*)

Mesyuarat Agung Tahunan dan Persidangan Tahunan IADI ke-17
(*17th IADI Annual General Meeting and Annual Conference*)

GANJARAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN

Lembaga Pengarah diberi kuasa di bawah Akta PIDM untuk menentukan ganjaran kepada kakitangan, yang dikaitkan dengan pencapaian petunjuk prestasi utama mereka. Pada tahun 2018, Lembaga Pengarah telah meluluskan kenaikan gaji bagi tahun 2019 dan bonus prestasi bagi tahun 2018 kepada kakitangan kami. Ganjaran kakitangan pengurusan utama pada tahun 2018 adalah berjumlah RM11.4 juta (Rujuk Bahagian *Penyata Kewangan* di [halaman 185](#) untuk butiran lanjut).

Ganjaran Lembaga Pengarah diluluskan oleh Menteri Kewangan. Jumlah yuran dan ganjaran, termasuk manfaat perubatan, yang diterima oleh para Pengarah pada tahun 2018 berjumlah RM0.9 juta (Rujuk Bahagian *Penyata Kewangan* di [halaman 182](#) untuk butiran lanjut).

TINJAUAN TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menubuhkan tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Tadbir Urus dan Jawatankuasa Ganjaran untuk menyokongnya dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya.

Ringkasan Tanggungjawab Utama Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Tadbir Urus	Jawatankuasa Ganjaran
Membantu Lembaga Pengarah dalam pemantauan: - integriti penyata kewangan, pelaporan kewangan, perakaunan dalaman, kawalan kewangan, audit dalaman; - pengurusan risiko; dan - pematuhan terhadap polisi berkaitan etika, dan keperluan perundangan dan kawal selia.	Membantu Lembaga Pengarah dalam pemantauan: - pengekalan prinsip dan amalan tadbir urus korporat yang efektif; - menilai dan menaksir tugas dan peranan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan; dan - pengurusan perancangan penggantian Pengarah dan pegawai korporat.	Membantu Lembaga Pengarah dalam pemantauan: hal-hal sumber manusia dan pampasan serta pengurusan pelan perancangan penggantian pada umumnya.

Pada tahun 2018, semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab mereka menurut piagam masing-masing. Untuk butiran lanjut, rujuk kepada Penyataan Tadbir Urus Korporat melalui laman web kami di www.pidm.gov.my.

Kehadiran di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Ahli	Kehadiran mesyuarat			
	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Tadbir Urus	Jawatankuasa Ganjaran
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	5/5		2/2	
Tan Sri Muhammad Ibrahim ¹	2/2			
Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus ²	2/3			
Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah ³				
Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir ⁴	1/3			
Encik Alex Foong Soo Hah	5/5	3/5		2/2
Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	5/5		2/2	
Dato' Dr. Gan Wee Beng	5/5	5/5		2/2
Puan Gloria Goh Ewe Gim	4/5	5/5	2/2	
Encik Johan Mahmood Merican ⁵	1/2	1/2		

¹ Tan Sri Muhammad Ibrahim – Pengarah Ex Officio sehingga 6 Jun 2018.

² Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus – Pengarah Ex Officio berkuat kuasa 1 Julai 2018.

³ Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah – Pengarah Ex Officio sehingga 16 Mei 2018.

⁴ Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir – Pengarah Ex Officio berkuat kuasa 12 September 2018.

⁵ Encik Johan Mahmood Merican – meletak jawatan berkuat kuasa 11 Julai 2018.

TINJAUAN TADBIR URUS KORPORAT

PENGURUSAN RISIKO

Rangka Kerja dan Proses Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi kami ditanda aras terhadap Piawaian bagi Pengurusan Risiko Australia/New Zealand (AS/NZS 4360:2004), Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treadway (*Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission* – COSO) Pengurusan Risiko Organisasi – Rangka Kerja Bersepadu, dan Organisasi Piawaian Antarabangsa 31000:2018 (Pengurusan Risiko – Garis Panduan).

Pada tahun 2018, kami melengkapkan satu kitaran penuh proses Pengurusan Risiko Organisasi untuk mengenal pasti, menaksir, menilai, menangani, memantau, melapor dan memaklumkan risiko yang kami hadapi. Tiada perubahan ketara kepada penarafan risiko residual antara tahun 2018 dan tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, arah aliran risiko bagi risiko reputasi dan risiko strategik berubah daripada “stabil” kepada “meningkat”. Bidang risiko utama PIDM kekal sama, iaitu yang timbul daripada kategori risiko kakitangan, insurans, reputasi dan strategik. Rujuk Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2018, halaman 34, untuk penarafan risiko utama kami, melalui laman web kami www.pidm.gov.my.

Susulan aktiviti penilaian risiko yang dijalankan, pelan tindakan telah dirumus untuk mengurus risiko utama yang dinyatakan di atas. Pelan tindakan ini, yang dijadikan sebagai sebahagian daripada inisiatif korporat kami, bagi meningkatkan usaha ke arah pencapaian keutamaan strategik kami. Rujuk Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021 untuk inisiatif korporat utama kami, melalui laman web kami www.pidm.gov.my.

KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja dan Proses Kawalan Dalaman

Rangka Kerja Kawalan Dalaman kami adalah berasaskan rangka kerja yang diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treadway Kawalan Dalaman – Rangka Kerja Bersepadu.

Kami melaksanakan kawalan dalaman yang terdapat dalam polisi dan amalan yang berkaitan bagi memastikan keberkesanan operasi kami. Semakan terhadap kawalan dalaman telah dijalankan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan berdasarkan dua pendekatan yang ditanda aras terhadap komponen Rangka Kerja Kawalan Dalaman.

Bagi tahun 2018, berpandukan penilaian Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan ke atas keadaan kawalan dalaman, tiada peristiwa kelemahan atau kekurangan ketara dilaporkan berhubung kecukupan dan integriti pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang terdapat dalam sistem, polisi dan amalan PIDM.

Maklumat lanjut mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman kami boleh didapati dalam Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, melalui laman web kami www.pidm.gov.my.

TINJAUAN TADBIR URUS KORPORAT

AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan

Laporan Lembaga Pengarah berkaitan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan Pernyataan Pengarah yang disertakan boleh didapati di halaman 99 hingga 104.

Audit

Menurut Akta PIDM, penyata kewangan kami diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Audit 1957. Kami mengekalkan hubungan kerja kolaboratif dengan juruaudit luaran daripada Jabatan Audit Negara, yang mana wakilnya dijemput untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit. Sebagaimana lazimnya, wakil Jabatan Audit Negara menerima semua dokumentasi dan laporan Jawatankuasa Audit sebelum mesyuarat Jawatankuasa Audit.

Wakil Jabatan Audit Negara telah menghadiri dua daripada lima mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan pada tahun 2018. Fi tahunan yang dibayar kepada Jabatan Audit Negara boleh didapati dalam Bahagian *Penyata Kewangan* di halaman 182.

Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan PIDM untuk tahun berakhir 31 Disember 2018 terdapat di halaman 106.

Pematuhan terhadap Prinsip Syariah

Kami memastikan pemuatan terhadap keperluan Syariah yang berkaitan dengan sistem perlindungan Islam yang kami tadbir. Kami mendapatkan nasihat dan pengesahan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia mengenai hal-hal yang berkaitan Syariah.

LEMBAGA PENGARAH

AHLI DAN PROFIL



1 Dato' Dr. Gan Wee Beng

3 Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus

2 Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood

LEMBAGA PENGARAH AHLI DAN PROFIL



4 Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

5 Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir

6 Encik Alex Foong Soo Hah

7 Puan Gloria Goh Ewe Gim

LEMBAGA PENGARAH

AHLI DAN PROFIL

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Pengerusi

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2017

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Pengerusi Lembaga Pengarah PIDM
- Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah, Australian National University, Australia
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Western Michigan University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian), Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Bidang Kepakaran

- Ekonomi

Lantikan Semasa

- Ahli, Lembaga Pengelola, Universiti Multimedia, Malaysia

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengerusi Malaysia Nuclear Power Corporation
- Pengerusi Bersama Malaysia-Thailand Joint Authority
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif IOI Corporation Berhad

Pengalaman

- Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi
- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, yang bertanggungjawab bagi Bahagian Sistem dan Kawalan

Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus

Pengarah *Ex Officio*

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Julai 2018

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Tiada

Kelayakan

- CPA, Australia
- Akauntan Bertauliah Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Sastera Perakaunan, University of South Australia, Australia

Bidang Kepakaran

- Perakaunan dan kewangan, pengawalseliaan perkhidmatan perbankan dan kewangan, pengurusan krisis, insurans, pengurusan sumber manusia

Lantikan Semasa

- Gabenor, Bank Negara Malaysia

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengerusi, Lembaga Pengarah, South East Asian Central Banks (SEACEN)
- Pengerusi, Lembaga Pengarah, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)

Pengalaman

- Penolong Pengarah, Bahagian Monetari dan Pasaran Modal, Tabung Kewangan Antarabangsa
- Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia

LEMBAGA PENGARAH AHLI DAN PROFIL

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir

Pengarah *Ex Officio*

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: September 2018

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Tiada

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Hull, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Tanah dan Hartanah, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara, Malaysia

Bidang Kepakaran

- Ekonomi, kewangan

Lantikan Semasa

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
- Ahli, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat
- Ahli, Panel Pelaburan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengerusi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Pengerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- Pengerusi Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengerusi Cyberview Sdn. Bhd.
- Pengarah Bank Negara Malaysia
- Pengarah DanaInfra Nasional Berhad
- Pengarah Permodalan Nasional Berhad
- Pengarah Lembaga Tabung Haji
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Tenaga Nasional Berhad
- Pengarah Malaysian Development Holdings Sdn. Bhd.

Pengalaman

- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), Kementerian Kewangan
- Pengarah Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan

Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2016

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Undang-Undang, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian Kelas Pertama), Universiti Malaya, Malaysia

Bidang Kepakaran

- Perundangan, pengawalseliaan pasaran modal dan perkhidmatan kewangan, tadbir urus korporat

Lantikan Semasa

- Ahli Senat, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Ahli Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengarah Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti
- Pengarah Permodalan Nasional Berhad
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Amanah Saham Nasional Berhad
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Axiata Group Berhad
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif United Malacca Berhad
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif edotco Group Sdn. Bhd.

Pengalaman

- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Profesor Madya, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Malaysia

LEMBAGA PENGARAH

AHLI DAN PROFIL

Encik Alex Foong Soo Hah

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2011

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran
- Ahli Jawatankuasa Audit

Kelayakan

- Felo Persatuan Aktuari, Amerika Syarikat
- Perancang Kewangan Berdaftar dengan Majlis Perancangan Kewangan Malaysia
- Ijazah Sarjana Sains Aktuari, Northeastern University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Matematik, Universiti Malaya, Malaysia

Bidang Kepakaran

- Insurans, sains aktuari, pengurusan sumber manusia, pengurusan risiko, penyeliaan perkhidmatan perbankan dan kewangan, kewangan dan perakaunan

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif MRCB Quill Management Sdn. Bhd.
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Aviva Ltd. Singapore
- Pengarah Bukan Kepentingan Awam Pentadbir Pencen Swasta Malaysia

Pengalaman

- Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
- Ketua Pegawai Eksekutif, British American Life Insurance Berhad (kini dikenali sebagai Manulife Insurance Berhad)
- Presiden, Persatuan Insurans Hayat Malaysia
- Presiden, Persatuan Aktuari Malaysia

Dato' Dr. Gan Wee Beng

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2016

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli Jawatankuasa Ganjaran
- Ahli Jawatankuasa Audit

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi, Wharton School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia

Bidang Kepakaran

- Ekonomi, pengurusan risiko, perbankan komersial

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengerusi KWEST Sdn Bhd
- Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Pengalaman

- Penasihat, Kumpulan CIMB
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan CIMB
- Pengarah Eksekutif, CIMB Bank
- Penasihat Kanan, Jabatan Ekonomi, Monetary Authority of Singapore
- Perunding kepada Bank Dunia, International Labour Organisation dan Bank Negara Malaysia

LEMBAGA PENGARAH AHLI DAN PROFIL

Puan Gloria Goh Ewe Gim

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Februari 2017

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

Kelayakan

- Felo CPA Australia
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian), University of Melbourne, Australia

Bidang Kepakaran

- Audit, kewangan dan perakaunan, pengurusan risiko, ekonomi, perkhidmatan kewangan termasuk perbankan komersial, insurans nyawa dan am

Lantikan Semasa

- Ahli Lembaga Penasihat, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, University of Melbourne, Australia

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Tiada

Pengalaman

- Rakan Kongsy Ernst & Young, Malaysia
- Ahli Majlis, Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Majlis, Persekutuan Akauntan ASEAN
- Presiden, Persatuan Audit dan Kawalan Sistem Maklumat, Malaysia

Profil terperinci ahli Lembaga Pengarah kami boleh didapati melalui laman web kami www.pidm.gov.my.

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM melaksanakan strategi, memacu prestasi dan sinergi organisasi. Ia juga menyokong Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urusnya.



1 Yogendra Thavakumar
Pengurus Besar,
Komunikasi dan Hal Ehwal
Awam

2 Afiza Abdullah
Pengurus Besar,
Polisi dan Antarabangsa

3 Helena Prema John
Pengurus Besar,
Sumber Manusia

4 Zufar Suleiman Abu Bakar
Ketua Pegawai Risiko
dan Pengurus Besar,
Pengurusan Risiko Organisasi

**5 Wan Ahmad Ikram
Wan Ahmad Lotfi**
Ketua Pegawai Kewangan
dan Pengurus Besar,
Kewangan dan Pentadbiran

6 Lee Yee Ming
Pengurus Besar Kanan,
Penilaian Risiko dan Resolusi

7 Rafiz Azuan Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF



- 8 Lim Yam Poh**
Ketua Pegawai Operasi
dan Kaunsel Am
- 9 Azirruan Arifin**
Ketua,
Perkhidmatan Guna Sama
- 10 Lim Lee Na**
Setiausaha Korporat

- 11 Chua Ee Leen**
Pengurus Besar,
Perancangan Strategik
- 12 Lim Tai Ching**
Pengurus Besar,
Perundangan

- 13 Jazimin Izzat Wan Zoolkifli**
Ketua Juruaudit Dalaman
dan Pengurus Besar,
Audit dan Perkhidmatan
Perundingan
- 14 Lim Kong Kuan**
Pengurus Besar,
Keahlian dan Pembayaran Balik

PERSEKITARAN OPERASI

Tinjauan Persekitaran Operasi

Tinjauan Keahlian

Prospek



TINJAUAN PERSEKITARAN OPERASI

Strategi kami sejajar dengan aspirasi untuk mewujudkan rejim resolusi efektif, dan juga selari dengan objektif dasar awam yang menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Pada masa yang sama, kami perlu memastikan operasi kami siap siaga untuk menangani risiko kegagalan institusi ahli.

Persekitaran ekonomi	Di sebalik meningkatnya ketidaktentuan ekonomi global dan kebimbangan terhadap keadaan fiskal domestik, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan, dengan keluaran dalam negara kasar benar berkembang pada 4.7% pada tahun 2018 (2017: 5.7%).
Keahlian	Tinjauan keahlian PIDM dinyatakan di bawah.
Politik dan kawal selia	Pelan Anti Rasuah Nasional (2019) mencerminkan agenda nasional baharu untuk membasmi rasuah dan menumpukan kepada piawaian akauntabiliti sektor awam. Terdapat beberapa strategi utama untuk membasmi rasuah, termasuk – mengukuhkan integriti politik dan akauntabiliti, meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam, menambah baik keberkesanan dan ketelusan dalam pemerolehan awam, dan menggalakkan tadbir urus yang baik dalam entiti korporat. Kami sentiasa berusaha menerima pakai amalan terbaik dalam tadbir urus, dan terus memantau perkembangan dalam bidang ini (Rujuk laman Tadbir Urus Korporat kami melalui www.pidm.gov.my bagi butiran lanjut mengenai pengatur dan amalan tadbir urus kami). Kami telah berunding mengenai beberapa cadangan perubahan kepada Akta PIDM.¹ Pindaan itu adalah untuk mengemas kini peruntukan tertentu melibatkan kutipan premium dan levi berkaitan dengan institusi ahli yang baharu dan gabungan (<i>amalgamated</i>). Cadangan pindaan Akta PIDM juga bertujuan menerangkan lebih jelas perkara berikut: • peranan kami berkaitan dengan <i>resolution planning</i> (perancangan resolusi); • keupayaan untuk meminjam antara kumpulan dana yang tertakluk kepada syarat-syarat; dan • kuasa untuk memberi rebat, secara bersyarat, berkaitan dengan premium atau levi. Kami juga memantau impak perubahan dalam piawaian perakaunan, seperti Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 17 (<i>Malaysian Financial Reporting Standards 17 – MFRS 17</i>), untuk mengkaji dan menimbang implikasi ke atas institusi ahli dan peraturan-peraturan serta garis panduan kami.
Jangkaan pemegang kepentingan	Lihat Bahagian <i>Pemegang Kepentingan</i> di halaman 50 .
Sosial	Media sosial telah menjadi sebahagian daripada kehidupan rakyat Malaysia. Terdapat kira-kira 25 juta rakyat Malaysia yang mengakses internet, 24 juta pengguna media sosial aktif, dan 22 juta pengguna mudah alih aktif. ² Ini menimbulkan kedua-dua risiko (penyebaran berita yang tidak tepat atau berniat jahat sama ada mengenai PIDM atau institusi ahli) serta peluang untuk mendekati rakyat Malaysia bagi membina keyakinan dan kepercayaan terhadap PIDM dan mendapatkan maklum balas.
Teknologi	Landskap ancaman keselamatan siber di rantau Asia-Pasifik terus kekal, apabila penggodam menggunakan peralatan dan teknik lebih canggih untuk melancarkan serangan. Kebocoran data peribadi kekal menjadi fokus utama serangan, sistem operasi utama juga terdedah kepada risiko keselamatan dan permintaan peras ugut.

Kami menerima pakai proses pengurusan risiko organisasi untuk mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko utama yang boleh menghalang pencapaian objektif kami. Secara keseluruhannya, setakat 31 Disember 2018, risiko-risiko utama ditangani di bawah pelan tindakan kami, dan tiada peningkatan pengawasan diperlukan berkaitan dengan risiko-risiko utama baharu.

Bahagian risiko-risiko utama yang memerlukan perhatian selanjutnya juga dinyatakan dalam Bahagian *Perkara-perkara Material* di [halaman 58](#). Butiran terperinci tentang risiko-risiko utama yang memerlukan perhatian selanjutnya boleh didapati di halaman 34 dalam Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021, melalui laman web kami www.pidm.gov.my.

¹ Kertas Perundingan Mengenai Cadangan Pindaan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011, dikeluarkan pada 9 Januari 2019.

² "DIGITAL IN 2018 IN SOUTHEAST ASIA - Essential Insights Into Internet, Social Media, Mobile and eCommerce Use Across the Region", Hootsuite.



TINJAUAN KEAHLIAN

BANK-BANK AHLI

A. Profil

PIDM memiliki 42 bank ahli.

	2017	2018
Konvensional	27	26
Islam	16	16
Jumlah	43	42

National Bank of Abu Dhabi Malaysia Berhad menghentikan operasi susulan kajian semula strategik oleh bank induknya



Pendeposit MBSB Bank Berhad kini dilindungi (Malaysia Building Society Berhad mengambil alih Asian Finance Bank Berhad)

B. Skop Perlindungan Deposit PIDM

Skop perlindungan deposit semasa kekal mencukupi dan adalah selaras dengan Prinsip Teras International Association of Deposit Insurers (IADI) bagi Sistem Insurans Deposit Efektif berdasarkan kepada kajian semula yang dijalankan pada tahun 2018.

Sistem Insurans Deposit

sehingga **RM250,000**
bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli

Perlindungan berasingan
bagi deposit **Konvensional**
dan **Islam** dipegang oleh



Individu



Pemilik
bersama



Pemegang
amanah



Perniagaan
tunggal




Perniagaan
perkongasian



Syarikat

Bilangan Pendeposit



98%

Jumlah pendeposit dilindungi

97%

Jumlah pendeposit dilindungi
secara penuh

Amaun Deposit

87%

Jumlah deposit boleh
diinsuranskan

30%

Deposit diinsuranskan
sehingga RM250,000

Tidak boleh diinsuranskan

13%

Boleh diinsuranskan





87%

Sumber: Penyerahan statistik bank ahli kepada PIDM

TINJAUAN KEAHLIAN

C. Penilaian ke atas Keselamatan dan Kekukuhan


Bank ahli mencatatkan prestasi baik pada tahun 2018, dengan modal yang kukuh dan kedudukan mudah tunai yang baik.



Sumber: PIDM dan Bank Negara Malaysia

TINJAUAN KEAHLIAN


Dengan prestasi keseluruhan bank ahli yang kukuh, PIDM dijangka dapat mencapai jajaran rendah tahap dana sasaran



Rujuk Rujukan Teknikal mengenai Dana Sasaran di [halaman 208](#).


D. Galakan bagi Pengurusan Risiko Wajar

Pengukuhan berkala rangka kerja Sistem Premium Berbeza untuk memberi insentif kepada amalan pengurusan risiko wajar dan meminimumkan pengambilan risiko berlebihan



TINJAUAN KEAHLIAN

Pertumbuhan premium selari dengan pertumbuhan deposit



E. Jangkaan Masa Depan

Bank ahli dijangka kekal kukuh ketika berlakunya cabaran:

1) Pembangunan kawal selia

Bank ahli dijangka memenuhi keperluan di bawah Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih Basel III, yang dijangka dilaksanakan selepas tahun 2020.

2) Pembangunan industri

Kemungkinan tekanan rosot nilai daripada segmen pinjaman tertentu mungkin meningkatkan kos kredit. Impak keseluruhan ke atas bank ahli dijangka mampu diuruskan.

3) Persekitaran luaran

Dalam keadaan makroekonomi global yang tidak menentu, persekitaran operasi dijangka kekal mencabar.



TINJAUAN KEAHLIAN

AHLI PENGINSURANS

A. Profil

Bilangan ahli penginsurans meningkat kepada 50 susulan pemisahan lesen komposit mereka.

	2017	2018
Syarikat Insurans	32	35
Pengendali Takaful	11	15
Jumlah	43	50

2 ahli penginsurans am baharu

- AIA General Berhad
- Zurich General Insurance Malaysia Berhad

1 ahli penginsurans hayat baharu

- Etiqa Life Insurance Berhad

4 ahli takaful am baharu

- Etiqa General Takaful Berhad
- Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad
- Takaful Ikhlas General Berhad
- Zurich General Takaful Malaysia Berhad

B. Skop Perlindungan PIDM ke atas Manfaat Insurans

Skop perlindungan takaful dan insurans semasa adalah mencukupi untuk membayar sebahagian besar majoriti pemilik sijil takaful dan polisi insurans sepenuhnya.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

sehingga **RM500,000**
untuk manfaat takaful dan insurans
bagi setiap ahli penginsurans

Perlindungan berasingan bagi
sijil **Takaful** dan polisi
Konvensional dipegang oleh



Individu



Kumpulan

dan tuntutan untuk



Diri sendiri



Pihak ketiga

Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

99%

Pemilik sijil
takaful dan polisi
insurans dilindungi
sepenuhnya

Dilindungi
sebahagiannya
1%

Dilindungi
sepenuhnya
99%

Insurans Am dan Takaful Am

Dilindungi
sebahagiannya
4%

Dilindungi
sepenuhnya
96%

96%



Pemilik sijil
takaful dan polisi
insurans dilindungi
sepenuhnya

Sumber: Kaji selidik PIDM

TINJAUAN KEAHLIAN

C. Penilaian Keselamatan dan Kekukuhan

Ahli penginsurans memperlihatkan daya tahan mereka sepanjang tahun 2018 meskipun persekitaran operasinya mencabar.



Sumber: PIDM dan Bank Negara Malaysia

TINJAUAN KEAHLIAN

Pada tahun 2018, kami menyempurnakan rangka kerja bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Dengan keseluruhan prestasi kukuh ahli penginsurans, kami tetap menjangka dapat mencapai jajaran rendah tahap dana sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Dilaksanakan	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Tahap Dana Sasaran	Tahap Semasa	Masa-Capaian-Dana
2015	Dana Perlindungan Insurans Am	80 - 100% daripada Jumlah Jangkaan Kerugian Bersih	Tercapai	–
2016	Dana Perlindungan Insurans Hayat	0.4 - 0.6% daripada Jumlah Liabiliti Penilaian Aktuari	0.26%	4 - 7 tahun
2018	Dana Perlindungan Takaful Am	2.8 - 3.3% daripada Jumlah Liabiliti Takaful Am	1.15%	5 - 7 tahun
	Dana Perlindungan Takaful Keluarga	1.0 - 1.5% daripada Jumlah Liabiliti Takaful Keluarga	0.30%	8 - 11 tahun

Rujuk Rujukan Teknikal mengenai Dana Sasaran di [halaman 208](#).



D. Galakan bagi Pengurusan Risiko Wajar

Kajian semula secara berkala rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk memberi insentif kepada amalan pengurusan risiko wajar dan meminimumkan pengambilan risiko berlebihan.



TINJAUAN KEAHLIAN

Pertumbuhan levi adalah selari dengan premium / sumbangan dan pertumbuhan liabiliti.



E. Jangkaan Masa Depan

Ahli penginsurans akan terus meningkatkan kecekapan operasi berikutan persekitaran operasi yang mencabar:

1) Pembangunan kawal selia

- Penilaian semula kesediaan untuk liberalisasi lanjut perniagaan kenderaan bermotor dan kebakaran.
- Meneruskan inisiatif yang dirancang di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga.

2) Pembangunan industri

Prospek sektor automotif yang lebih perlahan dan peningkatan berterusan kos penjagaan perubatan.

PROSPEK

Pada tahun 2019, risiko kepada prospek pertumbuhan masih wujud dalam ekonomi global dan berkemungkinan memberi kesan kepada negara. Berlatarbelakangkan keadaan makroekonomi global yang tidak menentu dan usaha untuk mengekang defisit kerajaan, persekitaran operasi di Malaysia kekal mencabar. Bagaimanapun, ekonomi Malaysia dijangka terus berada di landasan pertumbuhan yang stabil dengan pertumbuhan diunjurkan berada pada 4.9%³ bagi tahun 2019.

Kepelbagaian struktur dan asas-asas yang kukuh akan menyediakan penampan terhadap faktor luaran yang tidak menentu. Pengembangan ekonomi akan disumbang oleh pertumbuhan permintaan domestik berterusan yang dijana daripada permintaan swasta dan aktiviti pelaburan. Sektor perkhidmatan kewangan dijangka kekal kukuh meskipun persekitaran operasi yang mencabar.

Kami akan terus memantau persekitaran operasi dan mengekalkan tahap kesediaan yang tinggi untuk menjalankan kewajipan berkanun kami sekiranya berlaku intervensi dan resolusi kegagalan. Pelan tindakan adalah tersedia untuk kami menangani peristiwa yang tidak dapat dijangkakan yang mungkin memerlukan pengutamaan semula inisiatif yang dirancang dan pemfokusan semula sumber-sumber kami untuk tugas yang sedang dijalankan. Rujuk Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021, halaman 37 untuk pelan tindakan kami, melalui www.pidm.gov.my.

³ Belanjawan 2019.

PEMEGANG KEPENTINGAN

PEMEGANG KEPENTINGAN

Keseluruhan prestasi dan kejayaan pengawal selia ditentukan menerusi interaksi dengan pemegang kepentingan utama dan kami perlu mengambil kira kepentingan yang pelbagai ini. Memandangkan penglibatan pemegang kepentingan adalah teras kepada banyak aspek prestasi kami, ia merupakan aktiviti yang berterusan (Rujuk Bahagian *Strategi* di halaman 7 untuk strategi keseluruhan berkaitan dengan penglibatan pemegang kepentingan).

 Orang awam termasuk konsumer kewangan	 Institusi ahli / persatuan industri	 Anggota jaringan keselamatan dan agensi Kerajaan	 Media	 Rakan sejawat antarabangsa	 Penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi strategik	 Kakitangan
---	---	--	---	--	--	--

KEPENTINGAN PEMEGANG KEPENTINGAN

Berikut adalah huraian objektif penglibatan pemegang kepentingan kami, kepentingan mereka dan contoh-contoh bagaimana kami melibatkan mereka. Butiran terperinci penglibatan khusus kami pada tahun 2018 boleh didapati dalam Bahagian *Prestasi* di halaman 71 hingga 73.

Pemegang kepentingan utama	Kepentingan pemegang kepentingan	Penglibatan utama
 Orang awam, termasuk konsumer kewangan Objektif – Untuk memupuk kepercayaan dan keyakinan dan mengekalkan reputasi.	Orang awam mengharapkan kami memenuhi objektif polisi mandat berkanun kami (Rujuk Bahagian <i>Usaha Kami Mewujudkan Nilai</i> di <u>halaman 20</u>). Kekurangan kepercayaan dan keyakinan terhadap PIDM dan sistem kewangan serta salah tanggapan juga boleh membawa kepada ketidakstabilan sistem kewangan.	Kempen, taklimat dan pameran / sesi jelajah tentang kesedaran dan juga membina kepercayaan serta keyakinan - Kami menerima pakai amalan terbaik dalam tadbir urus, piawaian tingkah laku dan etika, dan memaklumkan kepada Parlimen dengan menyiarkan amalan kami dalam media, laporan tahunan dan laman web kami. - Kami melaksanakan kempen kesedaran, aktiviti bersama masyarakat dan aktiviti lain melibatkan orang awam. - Kami menerbitkan kertas perundingan mengenai bidang-bidang kepentingan kepada orang awam. - Institusi ahli memaparkan maklumat mengenai PIDM di premis mereka, laman web dan menyediakan maklumat kepada pelanggan mereka. (Rujuk <u>halaman 72</u> untuk keputusan kaji selidik kami mengenai kesedaran awam). Rancangan masa depan Rujuk Bahagian <i>Perkara-perkara Material</i> di <u>halaman 61</u> untuk tindak balas kami terhadap perkara-perkara penting tersebut.

PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan utama	Kepentingan pemegang kepentingan	Penglibatan utama
 Institusi ahli / persatuan industri Objektif – Untuk berunding dan mendengar pandangan berkenaan polisi utama dan peraturan-peraturan yang memberi kesan kepada industri, dan menggalakkan kerjasama dalam bidang berkaitan bagi tujuan memenuhi mandat dan visi kami. Keupayaan kami untuk mempengaruhi pematuhan dan hasil kawal selia, juga memerlukan kami untuk memahami industri dan alasan-alasan bagi sebarang ketidakpatuhan atau tingkah laku yang menjejaskan.	Institusi ahli berkongsi kepentingan yang sama ke arah mencapai kestabilan sistem kewangan supaya mereka boleh terus menjalankan perniagaan dan fungsi-fungsi ekonomi mereka. Sebagai pegawai selia, kami perlu mengekalkan hubungan yang efektif dengan industri tanpa batasan kawal selia. Kepentingan industri adalah: • penggubalan polisi, peraturan-peraturan dan penyelesaian kawal selia bagi hasil polisi yang baik, dibuat selepas mendengar maklum balas industri, serta memahami dengan baik mengenai bagaimana ia beroperasi; • pertindihan dari segi penyerahan maklumat kepada pengawal selia kewangan diminimumkan; • kami membuat keputusan yang saksama dan objektif selaras dengan mandat kami; dan • kami menyediakan maklumat mengenai cara kami menguruskan Kumpulan Dana Perlindungan, dan melaksanakan pengurusan kewangan berhemat.	Perundingan dan dialog • Kami mengamalkan pendekatan perundingan bagi penerimaan lebih meluas dan penggubalan polisi yang lebih efektif menerusi pelbagai platform. • Kami bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk meminimumkan pertindihan penyerahan maklumat dan keperluan lain sebagaimana praktikal. • Kami mengadakan dialog untuk menyediakan maklumat kepada institusi ahli mengenai tugas kami dan polisi, peraturan dan garis panduan yang akan dilaksanakan. • Kami mengadakan perbincangan kumpulan (<i>focus group</i>) mengenai topik-topik khusus apabila perlu. • Kami menyediakan maklumat mengenai cara kami memenuhi objektif dan pengurusan dana kami, serta penyata kewangan kami yang diaudit, dalam laporan tahunan. (Rujuk halaman 87 hingga 91 untuk perbincangan mengenai prestasi berbanding bajet dan kempen dalaman yang dijalankan pada tahun 2018 untuk mengenal pasti cara-cara menambah baik penggunaan berkesan sumber kewangan dan modal insan). Rancangan masa depan Rujuk Bahagian <i>Perkara-perkara Material</i> di halaman 60 untuk tindak balas kami terhadap perkara-perkara penting tersebut.

PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan utama	Kepentingan pemegang kepentingan	Penglibatan utama
 Anggota jaringan keselamatan dan agensi Kerajaan Objektif – Untuk mewujudkan hubungan kerja yang lancar dan penyelarasan yang efektif dalam kalangan anggota jaringan keselamatan dan bekerjasama dengan agensi Kerajaan lain dalam bidang kepentingan bersama.	Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan mempunyai kepentingan bersama dalam kestabilan sistem kewangan. Kepentingan mereka adalah memastikan pemahaman yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing serta komunikasi efektif semasa tempoh berlaku tekanan dalam sistem kewangan. Pemegang-pemegang kepentingan lain, seperti mereka yang berada dalam Jaringan Pendidikan Kewangan, mempunyai kepentingan bersama dalam menggalakkan celik kewangan supaya orang awam lebih bermaklumat. Jabatan Audit Negara yang mengaudit kami, mempunyai kepentingan dalam memastikan kami mematuhi piawaian perakaunan Malaysia dan kami mempunyai pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang efektif serta menerima pakai amalan terbaik tadbir urus.	Sesi perundingan dan perkongsian maklumat - Kami melibatkan diri dan mengadakan perundingan secara tetap dengan pelbagai pemegang kepentingan yang relevan di peringkat yang berbeza. - Kami bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia mengenai perkara-perkara berkaitan dasar sektor kewangan. (Rujuk halaman 73 mengenai beberapa penglibatan pemegang kepentingan ini pada tahun 2018). - Kami memeterai perjanjian dan memorandum persefahaman yang perlu untuk bekerjasama dalam bidang-bidang utama. - Kami bekerjasama dengan agensi yang relevan untuk menjalinkan hubungan; memahami protokol bagi perkara-perkara seperti komunikasi; dan memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing semasa tempoh berlaku tekanan dalam sistem kewangan. - Kami adalah ahli Jaringan Pendidikan Kewangan dan terlibat dengan ahli-ahlinya untuk bekerjasama dan memanfaatkan satu sama lain dalam bidang kepentingan bersama. - Kami mengadakan rundingan dengan agensi berkaitan sebelum sebarang pindaan dibuat kepada Akta PIDM. - Kami menjemput Jabatan Audit Negara menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit kami dan menyediakan maklumat untuk aktiviti audit mereka. Rancangan masa depan Rujuk Bahagian <i>Perkara-perkara Material</i> di halaman 59 untuk tindak balas kami terhadap perkara-perkara penting tersebut.

PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan utama	Kepentingan pemegang kepentingan	Penglibatan utama
 Media Objektif – Untuk memanfaatkan platform mereka bagi penyampaian jenama dan membina reputasi dan ketampakan PIDM. Bagi mewujudkan kesedaran, mendidik, dan membina hubungan untuk meminimumkan pelaporan yang tidak tepat semasa krisis, atau yang mungkin menimbulkan kebimbangan mengenai mana-mana institusi ahli atau kestabilan sistem kewangan.	Kepentingan media dipenuhi dengan menyediakan maklumat mengenai cara PIDM dan sistemnya berfungsi, peranannya dalam masyarakat agar mereka dapat menyebarkan kepada orang awam. Pihak media perlu memahami dengan jelas tentang peranan kami dalam sistem kewangan sebagai pihak berkuasa dalam perlindungan konsumen kewangan dan resolusi. Berita yang baik dengan mesej yang jelas adalah penting untuk meningkatkan minat orang ramai.	Liputan media - Kami bekerjasama dengan agensi media yang relevan untuk liputan lebih meluas dan pemprofilan. Perangkaian media - Kami melibatkan diri dengan pengurusan kanan dan anggota kerja media untuk menjalin hubungan yang baik. - Kami bekerjasama dengan agensi media yang relevan untuk tujuan sesi dialog dan forum.

PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan utama	Kepentingan pemegang kepentingan	Penglibatan utama
 Rakan sejawat antarabangsa Objektif – Untuk memanfaatkan rangkaian antarabangsa bagi perkongsian pengetahuan dan pembelajaran, untuk mewujudkan kerjasama rentas sempadan, untuk menyumbang kepada pengetahuan teknikal dalam bidang kepakaran PIDM seperti perkara-perkara Syariah yang berkaitan dengan insurans deposit, dan menyediakan input bagi pembangunan piawaian dan amalan terbaik dari perspektif Malaysia.	International Association of Deposit Insurers (IADI) dan International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS) adalah forum bagi penginsurans deposit dan skim jaminan insurans dari seluruh dunia untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran. Kepentingan mereka adalah untuk mendapatkan sokongan ahli-ahli bagi mencapai matlamat ini. Crisis Management Groups (CMGs) ditubuhkan untuk membincangkan dan menyelia pembangunan pelan pemulihan dan resolusi bagi setiap kumpulan kewangan mengikut prinsip teras yang digariskan dalam Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions. Kepentingan mereka adalah untuk memahami bidang kuasa undang-undang dan kedudukan negara masing-masing berkaitan dengan institusi ahli di negara mereka, dan mencapai kerjasama dalam isu-isu <i>recovery and resolution planning</i> (perancangan pemulihan dan resolusi) rentas sempadan dalam CMGs. EMEAP¹ Focused Meeting on Resolution (FMR) ditubuhkan untuk menyokong usaha yang sedang dijalankan mengenai resolusi. FMR akan memberi tumpuan kepada perkongsian maklumat, pembinaan kapasiti, koordinasi dan kerjasama dalam kalangan anggota EMEAP memandangkan kompleksiti dan resolusi yang bersifat rentas sempadan.	Acara antarabangsa, sesi perundingan dan perkongsian pengetahuan - Kami menyertai acara antarabangsa IADI dan FIGIS dan Ketua Pegawai Eksekutif kami merupakan Ahli Majlis Eksekutif IADI. - Kami juga menyertai forum antarabangsa sebagai penceramah jemputan atau moderator. - Kami memeterai memorandum persefahaman bagi perkongsian pengetahuan dan kepakaran. - Kami terlibat dengan organisasi antarabangsa lain, terutamanya dalam isu-isu berkaitan pasaran kewangan dan penggalakan pertumbuhan kewangan, kestabilan dan integriti serta pihak berkuasa asing berkaitan dengan <i>recovery and resolution planning</i> rentas sempadan. (Rujuk Bahagian <i>Prestasi</i> di halaman 67 hingga 68 bagi penglibatan dengan CMGs.)

¹ Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks (EMEAP) adalah organisasi kerjasama bank-bank pusat dan pihak berkuasa kewangan yang terdiri daripada bank-bank pusat dari 11 negara iaitu Reserve Bank of Australia, People's Bank of China, Hong Kong Monetary Authority, Bank Indonesia, Bank of Japan, The Bank of Korea, Bank Negara Malaysia, Reserve Bank of New Zealand, Bangko Sentral ng Pilipinas, Monetary Authority of Singapore dan Bank of Thailand.

PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan utama	Kepentingan pemegang kepentingan	Penglibatan utama
 Penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi strategik² Objektif – Model urusan PIDM adalah mengekalkan organisasi pada saiz yang agak kecil dengan profesional, dan menggunakan penyedia perkhidmatan sekiranya diperlukan, terutamanya semasa aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Oleh itu, penyedia perkhidmatan perlu bekerjasama rapat dengan PIDM dan memahami urusan dan prosesnya.	Sebagai pengawal selia, kami dijangkakan telus dan saksama dalam proses pemilihan kami dan semasa berurusan dengan semua penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi strategik kami. Kepentingan mereka adalah untuk membiasakan diri dengan urusan kami bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti.	Sesi perundingan, latihan dan perkongsian pengetahuan - Mereka dilibatkan supaya dapat membiasakan diri dengan perkara berkaitan seperti perundangan, mandat, pendekatan dan proses kami. - Sebagai sebahagian daripada latihan simulasi kami, kami mengadakan latihan dan sesi perkongsian untuk meningkatkan kesediaan penyedia perkhidmatan kami. - Kami juga mempunyai amalan pemerolehan serta proses pemilihan yang saksama yang tertakluk kepada audit oleh Jabatan Audit Negara.

² Merujuk kepada pihak ketiga atau pembekal atau organisasi penyumberan luar yang menyediakan atau berkongsi kepakaran, sumber atau kecekapan dalam mencapai objektif PIDM.

PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan utama	Kepentingan pemegang kepentingan	Penglibatan utama
 Kakitangan Objektif – Prestasi, kepakaran teknikal dan komitmen kakitangan adalah kritikal bagi kejayaan keseluruhan kami.	Bagi kakitangan kami, ia adalah penting: • untuk memahami dan menyelaraskan matlamat organisasi dan memberi sumbangan yang bernilai; • untuk menyumbang kepada pasukan yang kolaboratif dan komunikatif; • untuk kami menyediakan peluang pembelajaran dan pertumbuhan; dan • untuk kami memupuk budaya dan tempat kerja yang berasaskan etika dan integriti yang kukuh, termasuk keterbukaan dan memberi tumpuan kepada kesejahteraan kakitangan.	Interaksi bersemuka • Pengurusan kanan kami sentiasa memberikan maklumat terkini kepada pasukan mereka. • Kami menjalankan sesi taklimat umum setiap suku tahun. Kaji selidik Setiap dua tahun, kami menjalankan: • Kaji Selidik Kepuasan Kerja Kakitangan untuk mengukur tahap keterlibatan kakitangan; dan • Kaji Selidik Kepuasan Perkhidmatan Dalaman untuk mengukur kepuasan kakitangan terhadap perkhidmatan dalaman organisasi kami. Komunikasi dalaman • Kami menerbitkan buletin dalaman untuk memaklumkan kakitangan kami tentang mesej dan maklumat penting. • Kami menyediakan kenyataan secara tetap untuk memastikan kakitangan mengikuti persekitaran ekonomi termasuk perkembangan global. Rujuk Bahagian <i>Prestasi</i> di halaman 77 hingga 78 untuk penglibatan bersama kakitangan kami).

Bagi tahun 2018, penglibatan pemegang kepentingan yang disasarkan adalah penting dalam memastikan kesediaan pemegang kepentingan untuk pelancaran inisiatif *resolution planning* (perancangan resolusi) yang akan dilaksanakan serta bertujuan untuk membiasakan industri dengan Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu (Rujuk Bahagian *Prestasi* di [halaman 71 hingga 73](#) bagi butiran terperinci aktiviti penglibatan yang telah dijalankan pada tahun 2018). Penglibatan masa depan kami boleh didapati di halaman 19, Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021 melalui www.pidm.gov.my.

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA-PERKARA MATERIAL

Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Reporting Framework*),¹ yang dikeluarkan oleh International Integrated Reporting Council menerima pakai maksud “perkara-perkara material” sebagai perkara yang membantu entiti pelapor membuat keputusan tentang maklumat utama untuk dimasukkan dalam laporannya. Perkara-perkara ini juga menjadi panduan bagi meringkaskan pelaporan. Perkara-perkara material merupakan perkara relevan dan penting yang banyak mempengaruhi penilaian luaran terhadap keupayaan kami mewujudkan nilai dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Perkara-perkara material dapat ditentukan dengan menyoal – “Sama ada perkara utamanya yang mempengaruhi, atau berkemungkinan memberikan kesan ketara, sama ada strategi, model urusan kami, atau satu atau lebih daripada satu modal (contohnya kewangan, ... insan, intelektual, ..., sosial, hubungan) yang kami gunakan atau boleh mempengaruhinya”.²

Perkara-perkara material boleh meliputi perkara kewangan dan bukan kewangan, positif dan negatif, termasuk risiko, peluang, keputusan yang baik dan tidak baik.

Sebagai sebahagian daripada pengurusan risiko organisasi dan proses perancangan strategik bersepadu kami, pihak pengurusan kanan telah mengenalpasti dan mengemukakan risiko dan peluang utama untuk pertimbangan Lembaga Pengarah dan telah memperoleh kelulusan Lembaga Pengarah untuk pelan strategik dalam menangani perkara ini. Dalam proses yang sama, pengurusan kanan juga mengemukakan kepada Lembaga Pengarah, perkara-perkara material yang telah dipertimbangkan dari perspektif pemacu nilai,³ isu pemegang kepentingan,⁴ faktor luaran dan dalaman, prestasi semasa,⁵ dan keupayaan PIDM untuk mewujudkan nilai dalam jangka pendek, sederhana dan panjang.⁶

Dalam jadual di bawah, kami menjelaskan masalah dan peluang utama yang dikenal pasti dan kami juga membincangkan tentang ancaman atau risiko yang cuba dikurangkan atau dielak serta usaha kami untuk menambah baik keadaan.

¹ Kertas latar belakang materialiti oleh International Integrated Reporting Council, Mac 2013: <http://integratedreporting.org/wp-content/uploads/2013/03/IR-Background-Paper-Materiality.pdf>.

² Ibid.

³ Ini adalah mandat perundangan kami yang jelas dan kuasa yang luas, pengaturan dan amalan tadbir urus korporat (akauntabiliti), tenaga kerja dan perhubungan pemegang kepentingan.

⁴ Rujuk Bahagian Pemegang Kepentingan di [halaman 50](#).

⁵ Rujuk Bahagian Prestasi di [halaman 64](#).

⁶ Rujuk Bahagian Usaha Kami Mewujudkan Nilai di [halaman 20](#).

PERKARA-PERKARA MATERIAL

R: Risiko P: Peluang

Perkara Material	Tindak Balas Kami (pelan tindakan yang menyokong Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021)	Keutamaan Strategik / Pelan Tindakan
Proposisi nilai mandat kami (mentadbir sistem, melindungi pendeposit, pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli, memberi insentif kepada pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan, menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan). Usaha kami memantau keseluruhan keadaan ekonomi, risiko dalam sistem kewangan dan keteguhan institusi ahli, membolehkan kami untuk bersiap siaga dan menangani risiko terhadap Kumpulan Dana Perlindungan dan kestabilan sistem kewangan, sekiranya ada.		
R Memastikan kesediaan operasi memenuhi objektif berkanun kami bagi melindungi konsumer kewangan dan menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan adalah penting bagi mencapai mandat kami. (Ini juga menangani risiko insurans kami). Keupayaan kami melakukan intervensi awal dan efektif menggunakan instrumen resolusi yang sesuai akan dapat membantu mengurangkan kos kepada sistem kewangan. Keupayaan ini termasuk memastikan terdapat perancangan penyelarasan dan komunikasi dalam kalangan anggota jaringan keselamatan, supaya akan ada tindak balas yang selaras semasa berlakunya intervensi dan resolusi kegagalan atau krisis kewangan.	- Sentiasa memastikan kami mengekalkan tahap kesediaan operasi yang tinggi terhadap sebarang kemungkinan berlakunya kegagalan institusi ahli dengan menguji secara kerap pelbagai aspek kesediaan dan melakukan penilaian bagi penambahbaikan. - Terus bekerjasama dengan anggota jaringan keselamatan kewangan dan rakan kongsi strategik bagi komunikasi dan penyelarasan efektif serta pemahaman protokol. - Menjalankan simulasi antara agensi bagi mencapai pemahaman yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing semasa berlakunya intervensi atau resolusi kegagalan.	Rejim resolusi efektif – ujian dan simulasi berterusan bagi kesediaan operasi
P Membentuk rejim resolusi yang efektif di Malaysia akan membantu mengurangkan kelemahan sistemik dan menjadikan sistem kewangan lebih mantap. Sebelum berlaku krisis kewangan global, penginsurans deposit dianggap untuk berperanan sebagai sebahagian daripada jaringan keselamatan menerusi resolusi kegagalan institusi ahli yang idiosinkratik. Selalunya, penginsurans deposit tidak mempunyai persediaan untuk memainkan peranan penting apabila berlaku kegagalan yang mempunyai kesan sistemik. Pendekatan pasca krisis mengiktiraf keperluan pihak berkuasa resolusi mengenal pasti dan menangani kelemahan yang berpunca daripada kemungkinan kegagalan institusi kewangan penting sehingga menjejaskan sistem kewangan negara dan ekonomi secara keseluruhannya. Pembentukan satu rejim resolusi efektif membantu mengurangkan risiko kegagalan sistemik yang boleh menghentikan operasi sistem kewangan dan menjejaskan ekonomi secara keseluruhannya.	- Mengenal pasti dan mengiktiraf kelemahan ini terlebih dahulu sebelum berlaku sebarang kegagalan. Ini membolehkan langkah-langkah diambil untuk menghapus atau mengurangkan risiko-risiko berkaitan. - Berusaha ke arah mencapai rejim resolusi efektif dengan objektif untuk memastikan sistem kewangan kita cukup kukuh untuk menangani dan bertahan daripada kegagalan institusi ahli menerusi perancangan awal, usaha menghapuskan kelemahan dan melakukan pindaan undang-undang untuk menyokong keputusan dasar (sekiranya perlu). (Rujuk Bahagian <i>Perancangan Resolusi</i> di halaman 95).	Rejim resolusi efektif – <i>resolution planning</i>

PERKARA-PERKARA MATERIAL

Perkara Material		Tindak Balas Kami (pelan tindakan yang menyokong Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021)	Keutamaan Strategik / Pelan Tindakan
R	Mempromosikan manfaat usaha ke arah membentuk rejim resolusi efektif dan ke arah kesediaan luaran. (Ini juga akan menangani risiko reputasi dan menyebabkan risiko projek meningkat, sekiranya tidak dilaksanakan secara efektif). Pemahaman yang tidak mencukupi dan bukti manfaat mewujudkan elemen-elemen utama bagi rejim resolusi efektif kepada industri, rakan kongsi strategik, dan media atau pemegang kepentingan lain, boleh menghalang keberkesanan pelaksanaan rancangan kami untuk mempunyai rejim resolusi yang efektif.	- Bertemu dan berbincang dengan pegawai kanan industri dan pemegang kepentingan lain untuk menjelaskan manfaat memulakan <i>resolution planning</i> serta apakah yang boleh dijangka dan bagaimana untuk bersiap sedia. - Mendapatkan maklum balas secara kerap bagi memastikan persepsi negatif boleh ditangani. - Meluaskan program komunikasi kami, menggunakan media dan saluran lain, bagi meningkatkan pemahaman tentang perkara tersebut. (Rujuk Bahagian Perancangan Resolusi di halaman 95).	Rejim resolusi efektif – penglibatan pemegang kepentingan
R/P	Memantau kemungkinan perubahan persekitaran operasi yang boleh memberi impak kepada mandat, model urus PIDM, atau bagaimana ia melaksanakan mandatnya. (Ini memastikan kami memantau risiko strategik, dan mengesahkan secara berterusan andaian-andaian semasa perancangan strategik kami).	- Memantau arah aliran dan perkembangan dalam landskap perkhidmatan kewangan yang mungkin memberi kesan kepada kestabilan sistem kewangan atau mandat kami atau berkaitan dengannya. - Memantau ciri-ciri institusi ahli, kuasa pasaran yang memberi kesan kepada mereka, tahap kelemahan keselamatan siber di institusi ahli, tahap celik kewangan konsumer dan tingkah laku mereka, serta kemungkinan impak bukan institusi ahli dalam sistem kewangan dan teknologi kewangan. - Memantau perkembangan di negara-negara lain dan di peringkat antarabangsa dengan tujuan untuk belajar dan membantu kami menilai kemungkinan risiko dalam sistem kewangan dari perspektif makro.	Tadbir urus korporat – pemantauan lingkungan strategik
Pemacu nilai dalam penglibatan dengan pemegang kepentingan			
R/P	Memahami dan menangani isu-isu pemegang kepentingan dan kemungkinan impak tindakan utama kami adalah perlu bagi meraih sokongan, kerjasama daripada mereka yang dikawal selia, serta mendapat kepercayaan daripada anggota jaringan keselamatan lain dan orang awam. (Ini dapat menangani risiko reputasi kami dan menggalakkan kepercayaan dan keyakinan terhadap keupayaan kami sebagai pengawal selia).	- Terus memantau apa yang boleh dan tidak boleh diterima pakai dari segi hasil tindakan pengawalseliaan kami, termasuk ketidakpatuhan dan tingkah laku digalakkan. - Meneruskan usaha melaksanakan proses yang adil, dari segi perundingan, tindak balas, ketepatan masa, keputusan, kebolehramalan dan ihsan. - Terus mendengar pernyataan pemegang kepentingan mengenai impak dasar dan cadangan kawal selia. Mengambil kira ciri-ciri perbezaannya, seperti saiz, kuasa pasaran, masalah biasa atau unik dalam proses membuat keputusan, dan mengimbangi pertimbangan-pertimbangan ini dalam konteks tugas awam kami.	Penglibatan pemegang kepentingan

PERKARA-PERKARA MATERIAL

Perkara Material		Tindak Balas Kami (pelan tindakan yang menyokong Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021)	Keutamaan Strategik / Pelan Tindakan
P	Mengiktiraf peningkatan permintaan awam dan perubahan dalam landskap media. Perkara ini penting terutamanya apabila maklumat yang tidak tepat mudah tersebar pada masa kini dan memberi kesan kepada kami dan juga usaha yang dilakukan. (Ini dapat menangani risiko reputasi kami, kemungkinan risiko orang awam panik (risiko insurans), dan juga keberkesanan dalam memenuhi mandat kami untuk menggalakkan keyakinan terhadap kestabilan sistem kewangan).	- Meneruskan usaha memantau dan mengurus semua bentuk media, terutamanya media sosial. Ini adalah bagi menangani kemungkinan risiko dan cabaran kepada kestabilan sistem kewangan serta melindungi reputasi kami. - Terus mendidik media dan orang awam, bagi meminimumkan tanggapan yang salah. - Terus menguji kesiapsiagaan komunikasi krisis kami.	Penglibatan pemegang kepentingan
R	Membina kepercayaan dan keyakinan. Perkara ini penting kepada kami dalam memenuhi mandat untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.	- Meneruskan penglibatan dengan orang awam. (Rujuk Bahagian <i>Pemegang Kepentingan</i> di halaman 50 untuk aktiviti penglibatan utama). - Terus memantau hasil perantaraan daripada inisiatif untuk membina kepercayaan dan keyakinan, pemahaman serta penerimaan terhadap perlunya PIDM, dan meningkatkan pendekatannya. (Rujuk Bahagian <i>Prestasi</i> di halaman 71 hingga 72).	Penglibatan pemegang kepentingan
Pemacu nilai dalam usaha PIDM untuk mencapai “kecemerlangan kawal selia (Rujuk Bahagian <i>Daripada Kepemimpinan Kami</i> di halaman 15).			
R	Membina keupayaan dalaman bagi keperluan segera, jangka masa sederhana dan panjang. Terutamanya dalam konteks kami, dalam mendapatkan kepercayaan dan keyakinan dan mempengaruhi pemegang kepentingan, “mereka yang berkhidmat dalam organisasi kawal selia perlu mempunyai pengetahuan teknikal dan sangat cekap”.⁷ (Ini dapat menangani risiko kakitangan, termasuk risiko kami tidak memiliki kemahiran dan pengalaman yang mencukupi untuk melaksanakan mandat dan mencapai visi kami dengan efektif).	- Memastikan cukupnya pengetahuan, pengalaman dan kepakaran keupayaan dalaman untuk menyokong pelaksanaan inisiatif <i>resolution planning</i> dengan efektif. - Mengkaji dan memperhalusi model kecekapan dengan tujuan memastikan kami mampu menjejaki dan memantau pembinaan keupayaan bagi memenuhi keperluan segera serta aspirasi kami dalam jangka masa sederhana hingga ke jangka masa panjang. (Rujuk Bahagian <i>Prestasi</i> di halaman 76 hingga 77).	Pengurusan modal insan – latihan dan pembangunan dan model kecekapan

⁷ Achieving Regulatory Excellence – The Challenge of Regulatory Excellence, Cary Coglianese, Editor, (Brooking Institutions Press, 2017), halaman 13.

PERKARA-PERKARA MATERIAL

Perkara Material		Tindak Balas Kami (pelan tindakan yang menyokong Ringkasan Rancangan Korporat 2019 - 2021)	Keutamaan Strategik / Pelan Tindakan
R	Menyediakan persekitaran kerja yang kondusif. Model urusan kami melibatkan satu pasukan yang sarat dengan profesional, dan penyedia perkhidmatan luar digunakan apabila perlu, sekali gus menyebabkan struktur organisasi yang mendatar dengan kemungkinan kemajuan kerjaya dalaman yang terhad. (Ini berkaitan dengan risiko kehilangan kakitangan setelah pelaburan dibuat untuk membangunkan mereka).	Terus mengusahakan proposisi nilai untuk menarik dan mengekalkan kakitangan berkualiti tinggi. Proposisi nilai ketika ini merangkumi ganjaran, persekitaran kerja yang kondusif dengan peluang untuk melaksanakan kerja yang mencabar, serta menyumbang kepada khidmat awam, dan menyediakan skop untuk pembangunan diri. Jangkaan daripada pemimpin untuk terus melibatkan kakitangan mereka telah dilaksanakan. (Rujuk Bahagian <i>Prestasi</i> di halaman 77 hingga 78).	Pengurusan modal insan – penglibatan kakitangan
P	Membangunkan budaya “kecemerlangan kawal selia” bagi kemampuan jangka panjang. (Rujuk Bahagian <i>Kenali Kami</i> di halaman 5).	Berusaha mencapai budaya di mana kakitangan kami “... komited melakukan yang terbaik untuk menyampaikan nilai dan pembelajaran serta menambah baik keupayaan mereka bagi menyampaikan nilai menerusi penglibatan secara terhormat dengan individu lain”.⁸ (Rujuk Bahagian <i>Prestasi</i> di halaman 78 hingga 79).	Pengurusan modal insan – <i>learning organisation</i>

⁸ Ibid.

PRESTASI

Ulasan Prestasi

Ulasan Kewangan

ULASAN PRESTASI

EVOLUSI

Ketika krisis kewangan global, kebimbangan terhadap berlakunya kegagalan sistemik memaksa kebanyakan kerajaan di seluruh dunia menyelamatkan bank-bank yang besar dan kompleks serta institusi kewangan lain. Pada tahun 2011, bagi menangani isu ini, Financial Stability Board menerbitkan Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions (*Key Attributes*). *Key Attributes* menggariskan unsur-unsur teras yang diperlukan dalam ekonomi bagi membolehkan kegagalan institusi kewangan sistemik yang kompleks, besar dan penting ditangani secara teratur sambil mengekalkan fungsi ekonomi yang penting.

Aspirasi kami adalah untuk Malaysia memiliki rejim resolusi yang efektif. Dalam jangka masa panjang, kewujudan rejim resolusi ini akan memudahkan resolusi sesebuah institusi ahli – termasuk institusi besar dan kompleks – dan membolehkan kegagalan berlaku secara teratur supaya jaringan keselamatan kewangan kita lebih kukuh dalam melindungi sistem kewangan, ekonomi sebenar dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Dalam tempoh terdekat, keutamaan penting PIDM adalah memastikan terdapatnya pelan resolusi bagi semua institusi ahli. Hasil utama adalah, menjelang tahun 2020, kami menjangka dapat memuktamadkan garis panduan *resolution planning* (Rujuk Bahagian Strategi di [halaman 7](#) untuk tinjauan keutamaan strategik tersebut).

KAD SKOR KORPORAT 2018

Pada tahun 2018, kami berjaya menyempurnakan semua inisiatif yang dirancang berdasarkan rancangan kewangan yang diluluskan, walaupun terdapat kekurangan marginal yang dicatatkan dalam sasaran kesedaran awam. Kemajuan dan prestasi kami berbanding sasaran yang ditetapkan, dipantau menggunakan pendekatan kad skor berimbang. Ini diringkaskan dalam Kad Skor Korporat 2018 di bawah.

A Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan P Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet F Belum dimulakan / tarikh akan datang N Sasaran tidak dicapai, tersasar daripada tempoh penyempurnaan; dan / atau di bawah sasaran				
Objektif Korporat	Bil.	Inisiatif Korporat	Sasaran 2018	Keputusan Dis 2018
Rejim Resolusi Efektif				
Keupayaan penilaian, pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh	1.	Rejim Resolusi Efektif:		
		a. <i>Resolution planning</i> (perancangan resolusi) bagi institusi kewangan:		
		i. Latihan rintis	Dilaksanakan	P¹
		ii. Rangka kerja dan metodologi	Dikaji semula	P²
		iii. Pelaksanaan peringkat industri	–	F³
		iv. Rangka kerja dan metodologi penarafan kebolehsesediaan	Penyelidikan	P⁴

ULASAN PRESTASI

Objektif Korporat	Bil.	Inisiatif Korporat	Sasaran 2018	Keputusan Dis 2018
Rejim Resolusi Efektif				
Keupayaan penilaian, pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh		b. Akta PIDM (penggubalan undang-undang berkaitan <i>resolution planning</i>)	Dibangunkan	P
		c. Simulasi antara agensi	Dibangunkan	A
		d. Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:		
		i. Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	Penyelidikan	A
		ii. Sistem Pengurusan Pembayaran	Disempurnakan	A
		e. Peraturan-peraturan manfaat yang dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	P ⁵
		f. Perintah manfaat yang dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	P ⁵
		g. Peraturan-peraturan maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	P ⁶
		h. Pembiayaan:		
		i. Aturan pembiayaan alternatif	Disempurnakan	P ⁷
		ii. Dana Sasaran – kumpulan dana takaful	Dilaksanakan	A
Tadbir Urus Korporat				
Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	2.	a. Amalan terbaik tadbir urus yang diterima pakai dan dikekalkan	Pematuhan	A
		b. Perundangan serta polisi dan amalan korporat utama yang dipatuhi serta kekal terkini dan relevan	Pematuhan penuh dan dikemas kini	A
		c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi	A
	3.	Pelaporan melalui:		
		a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	A
		b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	A
	4.	Pematuhan kawalan dalaman dan pengurusan risiko	Kukuh	A
Amalan urusan dan kewangan yang mantap	5.	Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	A ⁸
	6.	Portal industri dalam talian (platform dalam talian untuk mengurus pengemukaan format fail standard oleh bank ahli, serta pengemukaan maklumat berkaitan premium dan levi. Bertindak sebagai platform komunikasi masa nyata bagi institusi ahli dan sebagai laman mikro bagi tujuan pembayaran balik)	Dibangunkan	P ⁹



ULASAN PRESTASI

Objektif Korporat	Bil.	Inisiatif Korporat	Sasaran 2018	Keputusan Dis 2018
Pengurusan Pemegang Kepentingan				
Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	7.	Indeks kesedaran awam:		
	a.	Kesedaran umum mengenai PIDM	65%	63% N¹⁰
	b.	Kesedaran umum mengenai Sistem Insurans Deposit	57%	53% N¹⁰
	c.	Kesedaran umum mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	41%	37% N¹⁰
	8.	Program pendidikan kewangan	Dibangunkan dan dilaksanakan	P¹¹
Penglibatan efektif	9.	Hubungan PIDM dengan pemegang kepentingan utama	Kukuh	A
	10.	FIDE FORUM, alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Menyokong	A
	11.	Forum tempatan dan antarabangsa	Menyertai	A
Pengurusan Modal Insan Strategik				
Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	12.	Pelan modal insan strategik:		
	a.	Model kompetensi	Dilaksanakan	P¹²
	b.	Strategi penglibatan	Dibangunkan	A
	c.	Learning organisation (organisasi pembelajaran)	Dilaksanakan	A
Persekitaran korporat yang kondusif	13.	Indeks Keterlibatan Berterusan	—	F¹³

¹ Latihan rintis recovery planning (perancangan pemulihan) telah disempurnakan. Garis panduan resolution planning (dalam bentuk draf) akan dikeluarkan untuk latihan rintis pada tahun 2019. Rujuk Bahagian Perancangan Resolusi di [halaman 95](#).

² Kajian semula rangka kerja dan garis panduan resolution planning yang merangkumi maklum balas yang diterima daripada bank perintis yang terlibat dalam latihan rintis recovery planning masih dijalankan dan akan diteruskan pada tahun 2019.

³ Pelaksanaan resolution planning kepada industri akan bermula pada tahun 2020 sejajar dengan Rancangan Korporat 2018 - 2020, dan akan dijalankan secara berfasa. Ini dijelaskan pada [halaman 67](#).

⁴ Penyelidikan ke atas pembangunan rangka kerja penarafan kebolehelesaian untuk memasukkan skor daripada penilaian kebolehelesaian ke dalam sistem premium berbeza PIDM sedang dijalankan. Kami menyasarkan untuk merumus pendekatan yang dicadangkan bagi rangka kerja tersebut menjelang penghujung tahun 2019.

⁵ Peraturan dan perintah mengenai manfaat yang dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menjelaskan manfaat takaful dan insurans serta had masing-masing. Rundingan bersama industri akan diadakan mengenai cadangan pindaan kepada peraturan dan perintah ini.

⁶ Peraturan maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menentukan keperluan bagi ahli-ahli penginsurans untuk menyediakan maklumat kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans mengenai perlindungan PIDM di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Peraturan tersebut akan dimuktamadkan bersama peraturan dan perintah mengenai manfaat yang dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

⁷ Aturan pembiayaan alternatif adalah untuk menjamin akses segera kepada dana-dana mudah tunai bagi pembayaran balik dalam tempoh tiga hari kepada pendeposit ketika berlaku pembubaran. Perbincangan berhubung salah satu aturan bagi pembiayaan alternatif akan diteruskan pada tahun 2019.

⁸ Kami mencatatkan perbezaan positif bagi perbelanjaan operasi dan modal dengan lebih bersih dalam varians sebanyak 10%.

⁹ Portal industri dalam talian bertujuan untuk memudahkan cara penglibatan yang lebih cekap dan selamat antara PIDM dan institusi ahli. Pembangunan portal industri dalam talian masih dijalankan seperti yang dijadualkan dan akan diteruskan pada tahun 2019.

¹⁰ Rujuk [halaman 72](#) untuk butiran lanjut.

¹¹ Jaringan Pendidikan Kewangan merupakan platform antara agensi untuk membangunkan dan merumus strategi literasi kewangan kebangsaan untuk menangani pendidikan kecekapan kewangan bagi setiap peringkat kehidupan rakyat Malaysia. Inisiatif usaha sama oleh ahli-ahli Jaringan Pendidikan Kewangan masih dijalankan dan akan diteruskan dalam tempoh perancangan seterusnya.

¹² Kajian semula kompetensi unik dan tingkah laku yang dipertingkatkan bagi kakitangan masih dijalankan. Rujuk [halaman 77](#) untuk penjelasan lanjut mengenai kompetensi kakitangan.

¹³ Tinjauan Kepuasan Kerja Kakitangan yang seterusnya akan dijalankan pada tahun 2019 sejajar dengan Rancangan Korporat 2018 - 2020.

ULASAN PRESTASI

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2018

Berikut merupakan huraian pencapaian utama kami pada tahun 2018 berkaitan dengan setiap keutamaan strategik.

KEUTAMAAN STRATEGIK: REJIM RESOLUSI EFEKTIF

Memantapkan kesediaan dan penglibatan dengan industri (Rujuk Bahagian Strategi di [halaman 9](#) untuk butiran terperinci)

Kesediaan *Resolution Planning*

Rejim resolusi Malaysia memenuhi beberapa elemen teras dalam *Key Attributes*. Bagaimanapun, banyak lagi usaha yang diperlukan dalam beberapa bidang lain. Keutamaan kami dalam tahun yang mendatang adalah untuk mewujudkan pelan pemulihan dan resolusi yang sewajarnya bagi setiap institusi ahli kami (Rujuk Bahagian *Perancangan Resolusi* di [halaman 95](#)).

Kami merancang untuk melaksanakan latihan *resolution planning* bagi bank perintis pada tahun 2019. Ini merupakan sebahagian daripada rancangan persediaan bagi pelaksanaan yang efektif ke seluruh industri pada tahun 2020 secara berfasa.¹

Sebagai persediaan kepada pelaksanaan garis panduan resolusi dan keperluan maklumat pada tahun 2020, dan keperluan untuk bekerjasama erat dengan institusi ahli, aktiviti-aktiviti utama kami pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

- (a) **Rangka kerja awal *Resolution Planning* dan rangka kerja *Resolvability Review and Assessment*, draf garis panduan *resolution planning* dan keperluan maklumat.** Kesemua telah diuji dan diperhalusi melalui simulasi menggunakan data sebenar dan data simulasi serta melalui penyertaan kami dalam latihan rintis *recovery planning* yang diterajui oleh Bank Negara Malaysia;
- (b) **Kesediaan pemegang kepentingan luaran.** Kami telah memulakan usaha untuk membiasakan industri dengan perkara ini. Kami turut mengambil bahagian dalam Crisis Management Groups (CMGs)² dalam bidang kuasa lain untuk isu-isu kerjasama rentas sempadan, memberi input dari perspektif Malaysia; dan
- (c) **Kesediaan dan peningkatan keupayaan dalaman.** Kami berusaha memastikan kakitangan memiliki pengetahuan mendalam yang mencukupi untuk bekerja secara efektif dengan pemegang kepentingan. Perubahan terhadap organisasi dalaman juga dilakukan bagi memastikan struktur organisasi kami menyokong pelaksanaan efektif inisiatif tersebut. Berikutan penggabungan bahagian-bahagian dan unit untuk membentuk Bahagian Penilaian Risiko dan Resolusi, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran semua tenaga kerja dalam Bahagian Penilaian Risiko dan Resolusi ke tahap yang sama mengenai semua aspek utama dalam seluruh proses bagi penilaian risiko dan resolusi. Rujuk laporan mengenai modal insan di [halaman 76](#) untuk butiran lanjut.

¹ Pelaksanaan *resolution planning* kepada industri akan sejajar dengan pendekatan pelaksanaan *recovery planning* oleh Bank Negara Malaysia.

² CMGs menyediakan forum bagi pihak berkuasa tempatan dan hos utama bagi semua institusi kewangan sistemik global yang penting untuk meningkatkan persediaan, dan memudahcarakan pengurusan dan resolusi krisis kewangan rentas sempadan.



ULASAN PRESTASI

Pencapaian utama pada tahun 2018 dan rancangan masa depan

RESOLUTION PLANNING

Elemen Teras Bil. 11 Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions

Manfaat resolution planning



Garis panduan akhir resolution planning pada tahun 2020



Rangka kerja, garis panduan resolution planning dan keperluan maklumat

2018	Rancangan masa depan
- Menguji dua rangka kerja utama berkaitan resolusi dengan menggunakan data sebenar dan data simulasi. - Menyiapkan peningkatan kepada garis panduan resolution planning dan keperluan maklumat.	- Menguji lagi rangka kerja, garis panduan dan keperluan maklumat melalui latihan rintis resolution planning (2019). - Pelaksanaan akhir ke seluruh industri (2020).



Penglibatan bersama industri

2018	Rancangan masa depan
- Mengadakan penglibatan bersama bank perintis dan Bank Negara Malaysia berkaitan dengan latihan rintis recovery planning (diterajui oleh Bank Negara Malaysia). - Terus membiasakan semua institusi ahli dengan PIDM dan resolution planning. - Mengambil bahagian di mesyuarat-mesyuarat CMG. - Mengadakan perbincangan dua hala dengan pihak berkuasa asing. (Rujuk Penglibatan Pemegang Kepentingan di halaman 73)	- Meneruskan penglibatan bersama institusi ahli dan melaksanakan program untuk menggalakkan kefahaman yang jelas mengenai resolution planning. - Terus mengambil bahagian dalam CMGs dan mengadakan penglibatan dengan pihak berkuasa resolusi lain.



Peningkatan keupayaan dalaman

2018	Rancangan masa depan
- Menubuhkan Bahagian Penilaian Risiko dan Resolusi. - Mengadakan sesi perkongsian pengetahuan, program latihan dan sesi simulasi menyeluruh mengenai proses resolution planning. (Rujuk Pengurusan Modal Insan Strategik di halaman 76)	Meneruskan program perkongsian pengetahuan dan latihan.

ULASAN PRESTASI

Kesediaan Operasi

Mengekalkan tahap kesediaan operasi yang tinggi bagi intervensi dan resolusi kegagalan juga bermakna perlunya pengujian secara berterusan terhadap aspek-aspek proses dan sistem kami yang berbeza-beza, serta ia menjadi bahagian yang penting dalam rejim resolusi yang efektif.

Inisiatif kesediaan operasi utama pada tahun 2018

Kesediaan operasi yang berterusan

2018	Rancangan Masa Depan
- Dua simulasi – Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta komunikasi ketika krisis - Pembangunan sistem teknologi maklumat bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans – Sistem Pengurusan Pembayaran	- Simulasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (2019) - Simulasi Sistem Insurans Deposit (2019) - Simulasi antara agensi (2020) - Pembangunan sistem teknologi maklumat bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans – Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi (2021) - Opsyen pembayaran balik yang lancar untuk pendeposit (2021)



ULASAN PRESTASI

KEUTAMAAN STRATEGIK: PENGURUSAN PEMEGANG KEPENTINGAN DAN TADBIR URUS KORPORAT

Membina asas untuk memperkukuhkan kepercayaan dan keyakinan (Rujuk Bahagian Strategi di [halaman 10](#) untuk butiran terperinci)

Penglibatan Pemegang Kepentingan

Penglibatan pemegang kepentingan sentiasa menjadi aspek penting dalam usaha kami sebagai pengawal selia.

Pada tahun 2018, aktiviti bersama pemegang kepentingan PIDM adalah lebih menonjol dengan tumpuan untuk memperkenalkan Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu kepada pihak industri, termasuk pelaksanaan inisiatif *resolution planning*. Kami meneruskan pelaksanaan kempen kesedaran awam untuk meningkatkan keyakinan terhadap kestabilan sistem kewangan dan mendidik orang awam tentang PIDM dan kerja-kerja yang kami lakukan.

ULASAN PRESTASI

Pihak Awam

2018
Kesedaran awam
mengenai PIDM

63%



Masa depan
Kesedaran awam
mengenai PIDM

65%



Kepercayaan dan Keyakinan
(Kami akan memantau indeks
kepercayaan pada masa depan)



40

Aktiviti
Bersama
Masyarakat



Mendekati

10,800



Individu

10

Siaran
Media /
Wawancara



5 Wawancara media diadakan
Siaran media dikeluarkan

Kolaborasi

Rakan Kongsi

Bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat (atau Bomba), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (Ombudsman for Financial Services – OFS) dalam kempen kesedaran Jelajah Komuniti PIDM kami

Inisiatif pendidikan kewangan bersama:

- Jaringan Pendidikan Kewangan
- OpenLearning Malaysia
- EduNation Malaysia

22

Sesi Taklimat / Pameran

Termasuk **tujuh** pameran bersempena:

- Karnival Kewangan Kedah 2018
- Hari Terbuka Kementerian Kewangan
- Persidangan Antarabangsa Malaysian Financial Planning Council (MFPC) ke-5 mengenai Pengurusan Kekayaan & Perancangan Kewangan Islam
- Simposium Tahunan Kewangan Signature 2018
- Minggu Kesedaran Pematuhan 2018 oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad
- InvestSmart® Fest 2018
- Hari Pengguna Malaysia 2018

Mendekati


2,072



Peserta

Indeks Kesedaran (Rujuk [halaman 72](#) untuk lebih lanjut)

Indeks kesedaran yang dicatatkan



Saiz sampel seramai
1,014 Responden


ULASAN PRESTASI

Aktiviti PIDM bersama masyarakat

Jelajah Komuniti PIDM memberi tumpuan kepada penglibatan secara langsung dengan orang awam di lokasi-lokasi sasaran. Berdasarkan tinjauan pasca acara, purata sebanyak 61% pengunjung dan peserta menyatakan bahawa mereka memperoleh kefahaman yang lebih jelas mengenai sistem perlindungan konsumen kewangan yang ditadbir oleh PIDM, dan 70% mengatakan pengetahuan kewangan mereka meningkat dengan ketara melalui program penglibatan ini.

Perkongsian kami dengan AKPK dan OFS membolehkan para pengunjung dan peserta mempunyai kefahaman yang lebih baik mengenai kewangan peribadi mereka.

Indeks kesedaran awam PIDM



Tahap kesedaran telah meningkat secara menyeluruh berbanding tahun 2017, kecuali yang berkaitan dengan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kekal tidak berubah. Namun begitu, tahap kesedaran ini adalah sedikit rendah berbanding sasaran bagi tahun 2018.

Penilaian kami berdasarkan keputusan tinjauan pada tahun-tahun kebelakangan ini menunjukkan indeks-indeks ini berkemungkinan mencapai tahap mendatar, dan mungkin tidak akan meningkat dengan ketara dalam beberapa tahun akan datang kerana pendekatan komunikasi dan perbelanjaan pengiklanan yang sama digunakan. Oleh itu, strategi komunikasi kami beralih kepada usaha membina kepercayaan dan keyakinan, berbanding dengan tumpuan kepada indeks kesedaran awam. Bagaimanapun, kami akan terus mengekalkan indeks kesedaran awam terhadap PIDM seperti berikut:

Tahun	Sasaran
2019	65% kesedaran awam
2020 - 2021	Minimum 65% kesedaran awam

Melangkah ke depan, strategi ini menyaksikan kami mempelbagaikan pendekatan komunikasi dengan mengurangkan perbelanjaan pengiklanan untuk kesedaran awam, dan pada masa sama meningkatkan langkah lain untuk memperkukuhkan kepercayaan dan keyakinan.

ULASAN PRESTASI

Industri dan Pemegang Kepentingan Lain

(Rujuk Bahagian Pemegang Kepentingan di [halaman 50](#) yang menggariskan pelbagai kepentingan pemegang kepentingan)

69 Penglibatan Industri

Institusi Ahli dan Persatuan Industri

- Dialog industri bersama pengarah institusi ahli (dengan kerjasama FIDE FORUM)
- Lima sesi dialog industri mengenai Laporan Tahunan PIDM 2017 bersama pengurusan kanan institusi ahli
- Lima pembentangan *resolution planning* kepada pengarah dan ketua pegawai eksekutif institusi kewangan sebagai sebahagian daripada Program Teras FIDE, The Iclif Leadership and Governance Centre
- Dialog industri mengenai Sistem Levi Berbeza PIDM bersama pengarah syarikat insurans hayat
- Empat sesi penglibatan bersama institusi ahli mengenai portal industri PIDM bagi pengemukaan kawal selia
- 53 sesi taklimat kesedaran mengenai sistem perlindungan PIDM kepada 2,129 kakitangan dan ejen institusi ahli



Penglibatan Dalam Pengucapan

Penglibatan dalam pengucapan mengenai topik-topik:

Tempatan

- *Resolution planning*
- Tadbir urus dan kepelbagaian
- *Integrated reporting* (pelaporan bersepadu)

Antarabangsa

- Rejim resolusi, termasuk *resolution planning* dan resolusi rentas sempadan
- Persediaan krisis bagi bank Islam
- Perlindungan konsumen kewangan dan pendidikan



Penglibatan Lain

Kementerian Kewangan

- Mengambil bahagian dalam Pesta Sukan Kementerian Kewangan (PSKK) 2018 bersama 11 agensi lain
- Menjadi tuan rumah Larian Kewangan 2018 dan menarik seramai 2,777 peserta dari agensi di bawah Kementerian Kewangan

Bank Negara Malaysia

- Bekerjasama erat mengenai penilaian risiko, *recovery and resolution planning* (perancangan pemulihan dan resolusi) serta hal-hal dasar sektor kewangan lain

Satu Memorandum Persefahaman

telah dimeterai bersama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (Paynet)



Program Biasiswa

Memberi biasiswa kepada 21 pelajar untuk menambah kepada kumpulan tenaga kerja, khususnya bagi sektor perkhidmatan kewangan

Bekerjasama dengan:

- Schoollah Malaysia
- Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera

Sesi taklimat biasiswa di:

- Karnival Kewangan Kedah 2018
- Hari Terbuka Kementerian Kewangan
- Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)
- Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA)
- Pertandingan Perancangan Kewangan Kebangsaan MFPC ke-4



Penglibatan Peringkat Antarabangsa

- Keahlian aktif dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI) dan International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS)
- Mengambil bahagian dalam pelbagai forum antarabangsa
- Menerima empat lawatan sambil belajar rakan sejawat antarabangsa
- Mengambil bahagian dalam mesyuarat-mesyuarat CMG mengenai *recovery and resolution planning*

Satu Memorandum Persefahaman

telah dimeterai bersama Lembaga Penjamin Simpanan, Indonesia

ULASAN PRESTASI

Maklum balas industri

Penglibatan kami melalui sesi dialog menyaksikan penerimaan yang agak baik. Berdasarkan maklum balas yang diterima:

- para pengarah institusi ahli mengetahui tentang mandat PIDM tetapi kurang arif mengenai insentif pengurusan risiko yang kukuh dan bagaimana kami menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan;
- institusi ahli menyatakan minat terhadap penglibatan yang lebih kerap dan ingin mempelajari dengan lebih mendalam mengenai kami;
- para pengarah institusi ahli mendapati Laporan Tahunan dan Rancangan Korporat adalah bermanfaat, namun demikian, kami ambil maklum mengenai saranan untuk menyediakan ringkasan dokumen-dokumen ini dan mengurangkan penerbitan bercetak; dan
- majoriti pengarah mempunyai tahap kefahaman peringkat awal berkaitan *resolution planning* dan berminat untuk meningkatkan kefahaman mereka dalam bidang ini.

(Rujuk Bahagian *Pemegang Kepentingan* di [halaman 51](#)).

Tadbir Urus

Kami, seperti biasa, terus mematuhi amalan-amalan terbaik dalam tadbir urus (Rujuk Tinjauan Tadbir Urus Korporat di [halaman 25 hingga 29](#)).

ULASAN PRESTASI

KEUTAMAAN STRATEGIK: PENGURUSAN MODAL INSAN STRATEGIK

Kepemimpinan, komunikasi dan budaya (Rujuk Bahagian Strategi di [halaman 13](#) untuk butiran terperinci)

Pelan Modal Insan Strategik kami dibangunkan pada tahun 2015 untuk memastikan strategi modal insan adalah sejajar dengan hala tuju strategik dan memastikan pertumbuhan yang mampan. Elemen penting dalam strategi modal insan kami adalah untuk mewujudkan budaya yang sesuai dalam organisasi.


Bagi kemampanan jangka panjang, kami menyediakan persekitaran kerja yang kondusif bagi kakitangan untuk mereka belajar, menyesuaikan dan meningkatkan diri mereka, agar kami sentiasa berupaya mempamerkan kompetensi pada tahap tertinggi yang dijangkakan sebagai pengawal selia.

Kecemerlangan warga kerja

Pembelajaran dan pembangunan	Model kompetensi	Penglibatan kakitangan	Learning organisation	Budaya
Kepakaran teknikal	Kompetensi dan sikap yang sesuai	Mengekalkan tenaga kerja utama	Tenaga kerja yang boleh menyesuaikan diri dan lincah	Etika dan integriti

Profil Modal Insan PIDM


Secara keseluruhan, persekitaran kerja kami ketika ini adalah kondusif dan tenaga kerja kami memberi tumpuan penuh kepada tugas mereka. Pada tahun 2018, Indeks Keterlibatan Berterusan kekal pada tahap 88%, melebihi sasaran kami. Daripada statistik di bawah, kami mendapati wujud kepelbagaian dan keterangkuman di tempat kerja. Kakitangan kami mempunyai kemahiran yang relevan dan dilatih mengikut keperluan. Kami mempunyai kakitangan yang komited. Secara purata, mereka telah berkhidmat selama enam tahun dengan kami, dan kami mempunyai kadar pengekalan kakitangan yang agak tinggi.



ULASAN PRESTASI

Sebagai pengawal selia, kepakaran teknikal dan kefahaman yang mendalam tentang industri adalah penting bagi kami untuk menjalankan peranan kami secara efektif. Oleh itu, tumpuan penting diberikan kepada kakitangan kami berkaitan pembelajaran dan pembangunan. Dalam jangka pendek dan sederhana, latihan kami juga ditumpukan kepada persediaan bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama dalam keutamaan strategik “rejim resolusi efektif”.

Pembelajaran dan Pembangunan



Pada tahun ini, kami terus memantapkan kakitangan kami dalam kemahiran profesional dan teknikal dengan pelbagai cara termasuk pembelajaran semasa bekerja. Purata hari latihan bagi setiap kakitangan pada tahun 2018 adalah berjumlah 10 hari. Daripada jumlah ini, 44% adalah berkaitan latihan teknikal manakala 15% dan 41% masing-masing berkaitan kemahiran insaniah dan bidang-bidang lain, seperti keselamatan dan kesihatan. Secara khususnya, sejumlah besar masa telah dimanfaatkan untuk berkongsi pengetahuan dalam Bahagian Penilaian Risiko dan Resolusi berikutan berlaku penggabungan melibatkan dua bahagian dan satu unit. Perkongsian pengetahuan, latihan dan pembelajaran semasa bekerja menerusi “*immersion programmes*” telah dijalankan untuk memastikan kakitangan yang relevan dilatih dan diberi maklumat terkini berkenaan keseluruhan spektrum kompetensi yang diperlukan untuk kerja-kerja penilaian risiko dan resolusi. Sebanyak 45 sesi ini telah diadakan bagi 57 orang kakitangan.

Model Kompetensi

Untuk menyelaraskan strategi modal insan dengan hala tuju korporat kami, model kompetensi kami sentiasa dikaji semula dan dikemas kini. Ini bertujuan untuk mengukuhkan pendekatan pengurusan bakat tenaga kerja kami, termasuk merekrut, pengurusan prestasi, latihan dan pembangunan, serta perancangan penggantian, untuk memenuhi keperluan jangka pendek dan jangka sederhana. Pada tahun 2018, tumpuan utama adalah terhadap kompetensi fungsian untuk Bahagian Penilaian Risiko dan Resolusi. Kami juga telah menjalankan latihan berkaitan kompetensi tingkah laku kepimpinan unik yang dibangunkan pada tahun 2017, dan kami menyemak semula kompetensi tingkah laku kami untuk mereka yang berjawatan pengurus kanan dan ke bawah.

ULASAN PRESTASI

Aktiviti utama pada tahun 2018



Penglibatan Kakitangan

Pengendalian urusan kami tidak memerlukan tenaga kerja yang besar. Oleh itu, kami berusaha ke arah kecekapan struktur, memanfaatkan penyedia perkhidmatan luaran dan mewujudkan rakan kongsi strategik sekiranya perlu. Ini bermakna, kami beroperasi sebagai sebuah struktur organisasi yang agak mendatar, dengan tenaga kerja yang kebanyakannya terdiri daripada para profesional – dan kemungkinan peningkatan kerjaya yang terhad. Justeru, penglibatan kakitangan adalah penting untuk mengekalkan tenaga kerja kami.

Selain daripada strategi penglibatan kakitangan, kami menjangkakan semua kepimpinan kami mengambil bahagian secara aktif dalam pengurusan modal insan bersama dengan Bahagian Sumber Manusia, serta menggalakkan pembelajaran berterusan dalam kalangan kakitangan.

ULASAN PRESTASI

Penglibatan dalaman pada tahun 2018



Penglibatan kakitangan

- Menubuhkan Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM
- Program pembinaan pasukan dengan aktiviti berpasukan antara bahagian
- Menyertai PSKK bersama-sama agensi lain di bawah Kementerian Kewangan
- Menjadi tuan rumah bagi Larian Kewangan 2018
- Aktiviti tanggungjawab sosial korporat seperti kutipan derma dan kitar semula fabrik



Penglibatan Ketua Pegawai Eksekutif bersama kakitangan

- Sesi interaksi dan riadah bersama Ketua Pegawai Eksekutif
- Sesi taklimat umum (*townhall*) setiap suku tahun

Kakitangan juga menjadi duta PIDM dalam Jelajah Komuniti PIDM pada tahun 2018 (Rujuk Penglibatan Pemegang Kepentingan di [halaman 71](#)).


Learning Organisation (Organisasi Pembelajaran)

Dengan meningkatnya permintaan agar pengawal selia mampu menyesuaikan diri dan lincah bagi mencapai kemampanan jangka panjang, kami harus terus menggalakkan budaya pembelajaran. Kami berusaha untuk menjalin kolaborasi, mempunyai kakitangan yang berpemikiran kritikal, dan responsif terhadap perubahan – bagi memastikan organisasi kami terus berusaha ke arah penambahbaikan. Ini juga bermaksud mewujudkan budaya dan kepemimpinan, yang disokong dengan proses, menggalakkan pemerolehan, penguasaan dan pemindahan pengetahuan.

ULASAN PRESTASI

Asas-asas pembinaan rangka kerja *learning organisation*³ di PIDM melibatkan (i) pemupukan persekitaran pembelajaran, (ii) mewujudkan proses pembelajaran yang padu, dengan (iii) sokongan kepimpinan.

Aktiviti pada tahun 2018 dan penilaian tinjauan dalaman bagi tahap kematangan yang berkaitan dengan setiap asas pembinaan *learning organisation*



* Jajaran bagi skor penanda aras Harvard's Learning Organization Survey (LOS), Garvin, Edmondson & Gino, 2008 adalah seperti berikut: Kuartil Terendah => Kuartil Kedua => Median => Kuartil Ketiga => Kuartil Teratas.

Asas-asas pembinaan *learning organisation*:

- Persekitaran pembelajaran – persekitaran yang menyokong keselamatan psikologi, menghargai perbezaan pendapat, keterbukaan kepada idea, dan masa untuk refleksi
- Proses pembelajaran – melibatkan penghasilan, pengumpulan, penafsiran, dan penyebaran maklumat
- Kepimpinan yang mengukuh pembelajaran – tingkah laku pemimpin yang menggalakkan pembelajaran, antara lainnya, melalui pertanyaan dan pendengaran aktif

Budaya

Selaku kakitangan perkhidmatan awam, kami dikehendaki mengamalkan prinsip, etika dan integriti, dan standard profesionalisme dan kecemerlangan yang tinggi. Integriti dan kelakuan etika mengukuhkan proses pembuatan keputusan dan memastikan keyakinan dan kepercayaan orang awam. Sebagai sebahagian daripada rangka kerja tadbir urusnya, pendekatan PIDM adalah untuk menanamkan etika dan integriti yang kukuh dalam budaya tempat kerja. Lembaga Pengarah menunjukkan teladan, meluluskan kod tatalaku perniagaan dan etika serta memastikan pematuhan dengan kod tersebut melalui kawalan dalaman dan Jawatankuasa Audit (Rujuk Bahagian *Tadbir Urus* di [halaman 25](#)). Pada tahun 2018, latihan tahunan mengenai etika diadakan untuk memberi penekanan terhadap kepentingan budaya beretika. Pengisytiharan aset dan pengesahan pematuhan dengan kod relevan telah dipatuhi.

Sebagai mengiktiraf persepsi pemegang kepentingan dan sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk terus menambah baik, kempen "*more with less*" (mengoptimalkan sumber yang ada) dilaksanakan mulai tahun 2018. Kakitangan digalakkan memaksimumkan nilai dengan menggunakan sumber secara terbaik. Seperti yang diuraikan dalam Ulasan Kewangan pada [halaman 87 hingga 91](#), kempen ini telah menyumbang kepada pengurangan ketara dalam perbelanjaan operasi pada tahun 2018 dan terus dipergiatkan sebagai sebahagian daripada budaya yang perlu diamalkan di PIDM pada masa depan.

³ Iaitu menggambarkan sebuah organisasi yang secara berterusan mewujudkan, memperoleh, dan memindahkan pengetahuan, supaya ia bertambah baik secara berterusan.



ULASAN KEWANGAN


KEPUTUSAN OPERASI

	2018 Sebenar RM'000	2018 Bajet RM'000	Perbezaan %	2017 Sebenar RM'000
Hasil premium dan levi	468,179	459,000	2	474,338
Pendapatan pelaburan	120,292	116,000	4	101,080
Jumlah pendapatan	588,471	575,000	2	575,418
Perbelanjaan pengurusan modal insan	64,544	74,160	13	72,209
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	23,637	26,880	12	24,798
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	12,037	18,960	37	15,321
Jumlah perbelanjaan	100,218	120,000	16	112,328
Lebih bersih bagi tahun semasa Pendapatan komprehensif lain:	488,253	455,000	7	463,090
Pengukuran semula liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	113	–	–	(102)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	488,366	455,000	7	462,988

Arah Aliran 5 Tahun bagi Pendapatan



Arah Aliran 5 Tahun bagi Perbelanjaan Operasi




PERBELANJAAN MODAL

	2018 Sebenar RM'000	2018 Bajet RM'000	Perbezaan %	2017 Sebenar RM'000
Perabot, kelengkapan dan ubah suai pejabat	95	1,280	93	261
Peralatan pejabat dan sistem komputer	2,594	6,200	58	5,720
Kenderaan motor	188	220	15	–
Jumlah perbelanjaan modal	2,877	7,700	63	5,981

ULASAN KEWANGAN

2018 ULASAN KEWANGAN – PENCAPAIAN TAHAP BIAYA DIRI OPERASI

Biaya Diri Operasi (Pendapatan Pelaburan Berbanding Perbelanjaan Operasi)




Pada tahun 2018, kami mencapai satu lagi kejayaan penting, yang mana kami telah mencapai suatu tahap biaya diri operasi.

Pada tahun 2018, pendapatan pelaburan kami telah menjana hasil yang mencukupi untuk menampung semua kos operasi kami. Ini bermakna bahawa semua premium dan levi yang diterima dari institusi ahli akan terus dituju ke arah pengumpulan Kumpulan Dana Perlindungan. Selain itu, kebanyakan infrastruktur operasi utama kami telah dibangunkan, dan kami tidak menjangkakan perubahan ketara terhadap operasi harian kami. Oleh yang demikian, kami akan dapat mengawal dengan baik perbelanjaan operasi harian secara berterusan.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, lebih bersih kami semakin berkembang, dan kini berada dalam lingkungan RM0.5 bilion setiap tahun. Seterusnya, kami menjangka tahap pertumbuhan kumpulan dana akan terus meningkat sejajar dengan peningkatan pendapatan pelaburan dan tahap perbelanjaan operasi yang stabil.

Arah Aliran Kewangan Utama



ULASAN KEWANGAN

JUMLAH PENDAPATAN – PERTUMBUHAN PENDAPATAN YANG MAPAN



Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, kami mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM588.5 juta, peningkatan sebanyak RM13.1 juta atau 2% berbanding tahun sebelumnya. Walaupun pendapatan premium dan levi lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya, ianya diimbangi oleh pendapatan pelaburan yang lebih tinggi berikutan peningkatan saiz dana yang boleh dilabur, serta peningkatan kadar efektif pulangan purata berwajaran (KEPPB) bagi instrumen yang dilaburkan.

ULASAN KEWANGAN

Premium dan Levi – Insentif untuk Pengurusan Risiko yang baik

Mandat kami termasuk menyediakan insentif kepada bank ahli dan ahli penginsurans untuk pengurusan risiko yang baik. Antara lain, kami mencapai mandat ini menerusi rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli serta rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans. Kedua-dua rangka kerja ini bertujuan untuk memastikan bahawa institusi ahli dengan profil risiko yang lebih rendah akan membayar premium atau levi yang lebih rendah daripada yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi. Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza menyediakan insentif bagi institusi ahli untuk meningkatkan amalan pengurusan risiko mereka dan meminimumkan pengambilan risiko berlebihan. Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza juga adalah lebih adil daripada sistem “kadar rata”. Kami mengkaji semula Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza secara berkala untuk memastikan ianya kekal relevan.

PREMIUM

- KONVENSIONAL
- ISLAM

2018**RM381
JUTA****2017****RM400
JUTA****LEVI**

- INSURANS AM
- INSURANS HAYAT
- TAKAFUL AM
- TAKAFUL KELUARGA

2018**RM87
JUTA****2017****RM74
JUTA**

Premium yang diterima pada tahun 2018 adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya berikutan penambahbaikan pengkategorian di dalam Sistem Premium Berbeza untuk beberapa bank ahli, di samping pertumbuhan yang mapan bagi Deposit Jumlah Diinsuranskan.

Levi yang diterima daripada ahli penginsurans adalah lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya, selaras dengan aliran pertumbuhan liabiliti penilaian aktuari dan caruman dan premium bersih.

Analisis dan maklumat selanjutnya berkaitan dengan premium dan levi adalah dibincangkan dalam Tinjauan Keahlian di [halaman 40 hingga 47](#).

ULASAN KEWANGAN

Pendapatan Pelaburan – Dilindungi dan Dipelihara

Falsafah pelaburan kami terus kekal konservatif, bagi tujuan untuk memelihara modal dan mengekalkan kecairan aset kewangan yang secukupnya untuk memenuhi obligasi kewangan sekiranya perlu. Objektif pelaburan kami tidak didorong oleh pulangan atas pelaburan tetapi sebaliknya berdasarkan ketersediaan instrumen pelaburan konservatif dan terjamin yang dapat memenuhi keperluan pelaburan kami. Oleh kerana instrumen pelaburan yang bersesuaian mungkin tidak selalu tersedia, kami secara proaktif menguruskan dana lebihan melalui penempatan dalam pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap untuk meminimumkan dana terbiar dan menjaga pulangan yang munasabah sehingga instrumen pelaburan yang sesuai boleh diperolehi.


**Sekuriti dan Pelaburan
Kerajaan Malaysia**

**Nota Kewangan
Bank Negara Malaysia**

**Sekuriti Hutang
Swasta**

Sumber pendapatan pelaburan utama kami adalah Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII). Walau bagaimanapun, apabila dana yang dilaburkan meningkat, ketersediaan instrumen pelaburan yang sesuai yang memenuhi objektif pelaburan kami menjadi terhad. Oleh itu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, menurut dasar pelaburan kami yang diluluskan, kami telah melabur dalam Sekuriti Hutang Swasta dengan penarafan AAA yang dikeluarkan oleh entiti yang berkaitan dengan kerajaan. Kami sentiasa memantau dan menguruskan portfolio pelaburan secara proaktif untuk memastikan objektif pelaburan kami dipenuhi.


Arah Aliran Pendapatan Pelaburan dan KEPPB (Mengikut Jenis Instrumen)



ULASAN KEWANGAN

Pendapatan Pelaburan – Dilindungi dan Dipelihara (sambungan)

Komposisi Pelaburan pada 31 Disember 2018 dan 2017



Melangkah ke hadapan, walaupun komposisi aset pelaburan dijangka kekal sama, kami menjangkakan pendapatan pelaburan kami akan terus berkembang selaras dengan peningkatan tahap dana yang boleh dilabur serta peningkatan berterusan dalam kadar efektif pulangan purata berwajaran untuk tahun yang akan datang. Kami juga akan mengoptimumkan penggunaan instrumen perantaraan seperti deposit tetap untuk menguruskan keperluan aliran tunai operasi kami dengan lebih baik.


Bagi tahun 2018, kami telah melabur dalam pelaburan dengan tempoh matang yang lebih panjang berbanding tahun-tahun sebelum ini. Namun yang demikian, pelaburan tersebut adalah dalam parameter polisi pelaburan yang diluluskan. Profil matang pelaburan kami diperincikan seperti berikut.

ULASAN KEWANGAN

Profil Matang pada 31 Disember 2018


Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia

2018



■ Dalam tempoh 3 bulan
 ■ 4 - 12 bulan
 ■ 13 - 36 bulan


2017



■ Dalam tempoh 3 bulan
 ■ 4 - 12 bulan
 ■ 13 - 36 bulan


Sekuriti Hutang Swasta

2018



■ Dalam tempoh 3 bulan
 ■ 4 - 12 bulan
 ■ 13 - 36 bulan


2017



■ Dalam tempoh 3 bulan
 ■ 4 - 12 bulan
 ■ 13 - 36 bulan
 ■ 37 - 60 bulan


Penempatan dalam Pasaran Wang Jangka-pendek dan Deposit Tetap

2018



■ Dalam tempoh 3 bulan
 ■ 4 - 12 bulan

2017



■ Dalam tempoh 3 bulan

ULASAN KEWANGAN

PERBELANJAAN OPERASI – PENGURUSAN KEWANGAN YANG BERHEMAT, MENCAPAI IMPAK MAKSIMUM, PENGGUNAAN SUMBER YANG MINIMUM (“MORE WITH LESS”)



Perbelanjaan operasi bagi tahun 2018 berjumlah RM100.2 juta, penurunan sebanyak RM12.1 juta atau 11% daripada RM112.3 juta pada tahun 2017. Ianya juga adalah RM19.8 juta atau 16% lebih rendah berbanding bajet.



Terdapat penurunan keseluruhan dalam semua kategori perbelanjaan operasi dimana kami mempraktikkan pengurusan kewangan yang berhemat, dan mengoptimumkan penggunaan sumber dalam menjalankan operasi harian kami.

ULASAN KEWANGAN

Perbelanjaan Pengurusan Modal Insan


Memandangkan sifat operasi kami, kos yang berkaitan dengan modal insan terus menjadi perbelanjaan yang paling signifikan, merangkumi 64% daripada jumlah perbelanjaan operasi kami.

Peningkatan arah aliran perbelanjaan berkaitan dengan modal insan adalah disebabkan oleh kenaikan bilangan kakitangan, memandangkan kami akan terus meningkatkan kapasiti kakitangan untuk kesediaan operasi dan kemampunan jangka panjang. Walaubagaimanapun, kos purata bagi setiap kakitangan kekal stabil.

Kami juga telah mengkaji dan mempertingkatkan kaedah pembelajaran dan pembangunan, contohnya melalui latihan dalaman dan perkongsian pengetahuan. Ini membawa kepada pengurangan yang signifikan dalam kos pembelajaran dan pembangunan, disamping mengekalkan hasil pembelajaran yang dikehendaki.

Perbelanjaan berkaitan dengan modal insan juga adalah 13% di bawah bajet, kerana kami mengurangkan pengambilan kakitangan sepanjang tahun dan melaksanakan langkah-langkah penjimatan kos lain.

Arah Aliran Perbelanjaan Pengurusan Modal Insan dan Bilangan Kakitangan



Maklumat terperinci mengenai statistik dan aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan modal insan terdapat di bahagian Ulasan Prestasi di [halaman 75 hingga 79](#).

ULASAN KEWANGAN

Perbelanjaan operasi dan pentadbiran

Perbelanjaan operasi dan pentadbiran kami adalah perbelanjaan operasi bagi menyokong operasi harian. Tahap perbelanjaan telah berkurang sedikit dari tahun sebelumnya, hasil kawalan yang dikenakan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan perbelanjaan operasi.


Perbelanjaan operasi dan pentadbiran kami adalah sebanyak RM1.2 juta atau 5% lebih rendah daripada tahun sebelumnya, serta RM3.2 juta atau 12% di bawah bajet. Bahagian utama pengurangan dalam kategori perbelanjaan ini adalah berkaitan dengan kos premis pejabat, perbelanjaan telekomunikasi serta perbelanjaan pentadbiran pejabat untuk item seperti langganan, pencetakan dan alat tulis. Kami juga telah mengurangkan perbelanjaan penerbitan kami dengan ketara, terutamanya untuk laporan tahunan dan rancangan korporat menerusi pengurangan percetakan salinan cetak, di samping menuju ke arah penerbitan digital.

Purata Operasi dan Kos Pentadbiran bagi setiap Kakitangan



Analisis operasi dan perbelanjaan pentadbiran terhadap pamacu kos utama, iaitu bilangan kakitangan, menunjukkan penurunan arah aliran kos operasi purata bagi setiap kakitangan, khususnya untuk tiga tahun yang lalu. Ini membuktikan peningkatan berterusan dalam kecekapan operasi dan pengurusan perbelanjaan. Dalam erti kata lain, kami mampu mengekalkan tahap perbelanjaan operasi yang berkaitan, walaupun terdapat peningkatan bilangan kakitangan, dengan mengoptimumkan sumber yang sedia ada serta meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi.

Arah Aliran Perbelanjaan Operasi dan Pentadbiran



Huraian

- Premis pejabat dan penyewaan peralatan serta kos penyelenggaraan kekal stabil, dengan sedikit pengurangan bagi tahun 2018, hasil kawalan yang lebih ketat terhadap pengurusan perbelanjaan.
- Perbelanjaan berkaitan ICT kekal stabil dengan sedikit pengurangan untuk tahun 2018, hasil penyemakan dan penyelarasan lesen dan penyelenggaraan sistem IT.
- Perbelanjaan pentadbiran pejabat adalah berkaitan dengan item seperti langganan, percetakan dan alat tulis serta yuran audit. Terdapat sedikit pengurangan disebabkan kawalan yang lebih ketat terhadap pengurusan perbelanjaan.
- Perbelanjaan operasi dan pentadbiran lain adalah berkaitan dengan perbelanjaan korporat lain seperti penerbitan laporan tahunan dan rancangan korporat, perbelanjaan berkaitan para Pengarah serta perbelanjaan bukan tunai lain seperti susut nilai.

ULASAN KEWANGAN

Perbelanjaan berkaitan inisiatif


Perbelanjaan berkaitan inisiatif adalah kos (selain daripada perbelanjaan berkaitan dengan modal insan) yang khusus dikaitkan dengan inisiatif yang dirancang untuk tahun 2018 seperti yang tertera di dalam Rancangan Korporat. Perbelanjaan tersebut dikelaskan kepada dua kategori utama iaitu rejim resolusi efektif serta penglibatan pemegang kepentingan dan tanggungjawab sosial korporat (termasuk aktiviti berkaitan komunikasi seperti pengiklanan dan perhubungan awam).

Sepanjang tahun ini, kami telah mengkaji semula pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan inisiatif dengan mengoptimumkan sumber bagi mencapai hasil yang terbaik. Ini membawa kepada perbelanjaan yang lebih rendah untuk inisiatif pada tahun 2018 berbanding dengan tahun sebelumnya, serta terhadap bajet.

Butiran aktiviti dan pencapaian yang berkaitan dengan dua kategori ini diperincikan dalam Ulasan Prestasi pada [halaman 67 hingga 74](#). Analisis perbelanjaan diperincikan di bawah.

i. Rejim Resolusi Efektif

Arah Aliran Perbelanjaan Kesediaan Operasi dan *Resolution Planning*




Huraian

- Pada tahun 2016, PIDM memulakan kerja-kerja *resolution planning*, dengan merangka draf rangka kerja dan garis panduan untuk *Recovery and Resolution Planning*. Pakar-pakar yang berkenaan telah terlibat untuk memastikan rangka kerja telah dibangunkan dan dirujuk terhadap amalan terbaik. Untuk fasa utama seterusnya, pelaksanaan latihan perintis bagi bank terpilih akan dijalankan dalam tahun 2019 (Rujuk [halaman 67 hingga 68](#) untuk maklumat lanjut).
- Mengenai kesediaan operasi, perbelanjaan utama yang ditanggung adalah berkaitan dengan simulasi pembayaran balik serta intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli (Rujuk [halaman 69](#) untuk maklumat lanjut).

ULASAN KEWANGAN

ii. Penglibatan pemegang kepentingan dan tanggungjawab sosial korporat


Perbelanjaan Komunikasi



Huraian

- Arah aliran bagi perbelanjaan pengiklanan secara umumnya telah menurun hasil kajian semula serta pendekatan yang diperkukuhkan bagi aktiviti kesedaran awam. Perubahan termasuk mengambil pendekatan yang khusus untuk segmen sasaran tertentu dan menggunakan lebih banyak saluran media digital dan sosial. Terdapat sedikit peningkatan perbelanjaan pengiklanan pada 2018 hasil daripada kempen pengiklanan baharu.
- Arah aliran perbelanjaan perhubungan awam telah menaik kerana kami menumpukan kepada aktiviti penglibatan secara langsung bagi meningkatkan kesedaran dan tahap pemahaman tentang sistem perlindungan (Rujuk [halaman 71 hingga 72](#) untuk maklumat lanjut).

Arah Aliran Perbelanjaan Pengiklanan





Arah Aliran Perbelanjaan Perhubungan Awam



ULASAN KEWANGAN



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Komposisi Dana Perlindungan



Jumlah Dana Perlindungan pada 31 Disember 2018 berjumlah RM4.08 bilion, di mana aset berjumlah RM4.11 bilion dan liabiliti berjumlah RM0.03 bilion.


Komposisi Aset



Aset PIDM kekal cair dengan aset kewangan terdiri daripada tunai dan kesetaraan tunai, pelaburan dan pendapatan pelaburan belum terima yang berjumlah RM4.05 bilion, mewakili 97.4% daripada jumlah aset pada 31 Disember 2018. Baki aset bukan kewangan adalah berkaitan dengan hartanah dan peralatan yang berjumlah RM0.04 bilion serta RM0.02 bilion daripada "aset berkaitan hak penggunaan" untuk pajakan premis pejabat. Hartanah dan peralatan pada akhir tahun 2018 terutamanya terdiri daripada pusat pemulihan bencana serta sistem teknologi maklumat.

ULASAN KEWANGAN

Komposisi Liabiliti



Sebahagian besar daripada liabiliti terdiri daripada akaun belum bayar operasi serta peruntukan untuk cuti yang tidak terambil dan peruntukan liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang.

Butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota kepada Penyata Kewangan.

PERANCANGAN RESOLUSI



PERANCANGAN RESOLUSI

PENGENALAN

Sebagai anggota jaringan keselamatan kewangan yang mendapat mandat untuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan, kami beraspirasi untuk menubuhkan rejim resolusi yang efektif untuk Malaysia. Rejim ini membolehkan institusi ahli yang gagal ditangani secara teratur dengan kadar segera, tanpa menyebabkan sebarang gangguan sistemik.

Resolution planning (perancangan resolusi) merupakan satu aspek penting bagi rejim resolusi ini. Ia merupakan sebahagian daripada rangka kerja dasar Perancangan Pemulihan dan Resolusi yang dibangunkan secara bersama oleh Bank Negara Malaysia dan PIDM pada tahun 2016. Bank Negara Malaysia menerajui proses *recovery planning* (perancangan pemulihan) ini dan telah melaksanakan latihan-latihan rintis *recovery planning* pada tahun 2018.

Resolution planning melibatkan, antaranya, penilaian struktur perniagaan, kesalingbergantungan operasi dan kewangan, pembangunan strategi dan rancangan yang berkemungkinan, yang khusus kepada institusi ahli. Ini adalah penting untuk peningkatan kesediaan operasi kami tanpa mengetepikan pembangunan tindakan alternatif, bergantung kepada keadaan dan kedudukan keseluruhan sistem kewangan ketika resolusi dijalankan.

PIDM menerajui proses *resolution planning*. Pembangunan pelan resolusi yang mantap dan boleh dipercayai ketika perniagaan beroperasi seperti biasa, meningkatkan kemungkinan perlaksanaan tindakan resolusi yang lancar, seterusnya mampu menyumbang kepada kemantapan sistem kewangan. Berikutan selesainya latihan-latihan rintis *recovery planning* pada tahun 2019, kami akan memulakan latihan-latihan rintis *resolution planning* bersama-sama institusi ahli terpilih.

PENDEKATAN KAMI KEPADA PROSES *RESOLUTION PLANNING*

Gambar rajah berikut menunjukkan pendekatan kami kepada *resolution planning* bagi institusi ahli dan memperlihatkan nilai yang diperoleh daripada *resolution planning* tersebut.

RESOLUTION PLANNING			
APA	MENGAPA	BILA	SIAPA
Merancang untuk sebarang kemungkinan kegagalan institusi ahli ketika kedudukan mereka masih kukuh	Ini membolehkan institusi ahli boleh ditangani secara berstruktur dan teratur dengan segera	Perancangan dilakukan jauh lebih awal ketika perniagaan beroperasi seperti biasa, tanpa mengira bila kegagalan itu boleh berlaku kepada institusi ahli	- Setiap institusi ahli, tanpa mengira saiz dan kepentingan sistemik, akan mempunyai pelan resolusi yang boleh dilaksanakan dan berwibawa - PIDM bekerjasama dengan institusi ahli

PERANCANGAN RESOLUSI

BAGAIMANA

- (1) Penyelarasan rapi antara pemegang kepentingan strategik adalah penting

Institusi Ahli	PIDM	Bank Negara Malaysia	Pengawal selia negara asing dan tuan rumah
----------------	------	----------------------	--

- (2) Institusi ahli menyediakan dan mengemukakan maklumat kuantitatif dan kualitatif berkualiti

- (3) Pembangunan plan resolusi

Langkah 1: Analisis perniagaan strategik	Langkah 2: Strategi Resolusi Pilihan dan plan operasi	Langkah 3: Penilaian kebolehsesediaan	Langkah 4: Pemulihan halangan
---	--	--	----------------------------------

Proses interaktif dan berulang

Objektif	Menyediakan gambaran keseluruhan institusi ahli untuk menilai:	Strategi Resolusi Pilihan menetapkan pendekatan resolusi yang diinginkan	Menilai sama ada Strategi Resolusi Pilihan boleh dilaksanakan dan boleh dipercayai	Menyingkir / mengurang / memulih halangan kepada resolusi
Apakah yang berlaku selanjutnya	Kepentingan sistemik Kebolehpisahan Struktur korporat (undang-undang, kewangan dan operasi) Memahami kerumitan struktur institusi ahli Model perniagaan, bidang perniagaan teras dan entiti undang-undang penting Mengetahui pasti bidang perniagaan dan entiti yang teras kepada operasi atau keuntungan; mempunyai kepentingan strategik atau menjalankan fungsi kritikal Fungsi kritikal dan perkhidmatan guna sama kritikal Menilai dan mengenalpasti fungsi (dan perkhidmatan sokongannya, infrastruktur dan sistem) yang dilaksanakan oleh institusi ahli yang kritikal dan di mana kegagalan atau penamatan akan menjejaskan fungsi ekonomi dan kestabilan kewangan yang sebenar Kesalingbergantungan luaran dan dalaman Mengetahui pasti kesalingbergantungan yang mungkin menghalang pelaksanaan strategi resolusi yang berkesan	Pelan operasi menetapkan pengaturan untuk pelaksanaan Strategi Resolusi Pilihan <i>Resolution planning melibatkan mengenalpastian opsyen resolusi khusus kepada sesebuah institusi ahli, yang termasuk opsyen untuk meneruskan operasi utama atau penutupan institusi ahli</i> Opsyen resolusi: Penstrukturan semula perniagaan, aset dan / atau liabiliti institusi ahli Jualan atau pemindahan perniagaan / saham institusi ahli kepada pengambil alih pihak ketiga Institusi perantara (bridge institution) melibatkan pemindahan fungsi, perniagaan dan / atau aset terpilih institusi ahli kepada institusi perantara, sementara menunggu penjualan kepada pengambil alih pihak ketiga Pembubaran Penutupan perniagaan dan operasi institusi ahli di bawah proses pembubaran Strategi keluar (exit strategy) Merangka strategi keluar untuk melengkapkan proses resolusi	Menilai sama ada Strategi Resolusi Pilihan boleh dilaksanakan dan boleh dipercayai Menggariskan halangan kepada resolusi Kebolehlaksanaan Menilai keupayaan praktikal bagi PIDM untuk menerapkan strategi resolusi dan kesediaan operasi institusi ahli Kredibiliti Menilai kesan yang mungkin terjadi akibat strategi resolusi pada institusi ahli serta sistem kewangan dan ekonomi sebenar	Menyingkir / mengurang / memulih halangan kepada resolusi Mengenalpasti senarai halangan untuk mencapai resolusi efektif dan tindakan untuk mengurangkan atau menyingkirkan halangan tersebut

Manfaat resolution planning



PERANCANGAN RESOLUSI

KESIMPULAN

Perjalanan ke arah kebolehselesaian ibarat maraton,¹ dan kami akan memerlukan kerjasama pelari-pelari yang terlibat dalam larian tersebut. Pada peringkat awalnya, kami memerlukan persetujuan dan komitmen daripada semua pemegang kepentingan strategik, khususnya institusi ahli kami. Institusi ahli yang berpengetahuan mendalam tentang operasi dan struktur perniagaan mereka berada pada kedudukan paling sesuai untuk memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif *resolution planning*.

Kami akan terus melibatkan diri secara kerap dan bekerjasama dengan institusi ahli dalam pelaksanaan *resolution planning* ini. Kami menjangka institusi ahli akan mewujudkan aturan tadbir urus yang sewajarnya dan meluangkan masa serta menyediakan sumber yang mencukupi untuk menyokong proses *resolution planning* ini. Penglibatan awal dan komitmen daripada institusi ahli – terutamanya di peringkat lembaga pengarah dan pengurusan kanan – adalah penting, untuk perancangan lebih baik dan pelaksanaan yang lancar kelak.

Seperti pelari maraton, latihan lanjutan, dan kelajuan yang konsisten, akan memberi manfaat kepada kita semua, untuk bukan sahaja mampu melepasi garisan penamat, malah memiliki kecergasan dan kekuatan keseluruhan yang lebih baik. Dalam konteks kami, pada akhir inisiatif *resolution planning*, institusi ahli diharap agar lebih siap siaga dengan pelaksanaan resolusi, dan sistem kewangan negara, menjadi lebih mantap dalam menangani sebarang kegagalan institusi ahli. Perjalanan ini adalah amat bernilai – bukan sahaja kepada industri – malah kepada negara secara keseluruhannya.

“Most people overestimate what they can do in one year and underestimate what they can do in ten years.” – Bill Gates

¹ Elke König, Pengerusi Single Resolution Board.

PENYATA KEWANGAN

Laporan Lembaga Pengarah

Pernyataan Pengarah

Akuan Berkanun

Persijilan Ketua Audit Negara

Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain

Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab

Penyata Aliran Tunai

Nota kepada Penyata Kewangan



LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

31 Disember 2018

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

AKTIVITI UTAMA

PIDM ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi:

- deposit Islam dan konvensional; dan
- manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Tiada percampuran dana di antara Dana-dana yang berasingan tersebut.

KEPUTUSAN KEWANGAN

Lebih bersih bagi tahun kewangan:

Kumpulan Dana Insurans Deposit
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
(tidak termasuk Pendapatan Komprehensif lain)

2018 RM'000	2017 RM'000
373,074	368,705
115,179	94,385
488,253	463,090

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam "Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab".



LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

31 Disember 2018

KEPUTUSAN KEWANGAN (sambungan)

Para Pengarah berpendapat bahawa hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Jumlah Dana terkumpul pada akhir tahun kewangan ialah:

	2018 RM'000	2017 RM'000
Kumpulan Dana Insurans Deposit:		
Dana Insurans Deposit Konvensional	1,978,991	1,684,676
Dana Insurans Deposit Islam	417,998	339,150
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit	2,396,989	2,023,826
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
Dana Perlindungan Insurans Am	1,253,455	1,216,735
Dana Perlindungan Insurans Hayat	346,341	283,073
Dana Perlindungan Takaful Am	25,761	22,307
Dana Perlindungan Takaful Keluarga	56,287	44,526
Jumlah Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	1,681,844	1,566,641

PARA PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 ialah:

- Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff (Pengerusi)
- Datuk Seri Dr Ismail bin Bakar (ex officio di antara 12 Jun 2018 dan 28 Ogos 2018)
- Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir (ex officio dari 12 September 2018)
- Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus (ex officio dari 1 Julai 2018)
- Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood
- Dato' Dr. Gan Wee Beng
- Alex Foong Soo Hah
- Gloria Goh Ewe Gim
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah (bersara pada 16 Mei 2018)
- Tan Sri Muhammad bin Ibrahim (bersara pada 6 Jun 2018)
- Johan Mahmood Merican (bersara pada 11 Julai 2018)

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir dan Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus adalah Pengarah ex officio atas dasar jawatan mereka, menurut subseksyen 11(2) Akta PIDM. Selain daripada Pengarah ex officio, ahli Lembaga Pengarah PIDM telah dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut subseksyen 11(2) Akta PIDM.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

31 Disember 2018

MANFAAT PENGARAH

Tidak wujud pada akhir tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, sebarang pengaturan yang melibatkan PIDM, di mana para Pengarah berkemungkinan menerima apa-apa manfaat menerusi perolehan saham atau debentur mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat daripada emolumen diterima atau berbayar kepada para Pengarah, seperti mana dinyatakan di Nota 16 kepada penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM atau perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah itu ialah seorang ahli atau dengan syarikat yang mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

PENJEJASAN NILAI DAN KAEDAH PENILAIAN

Sebelum Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain serta Penyata Kedudukan Kewangan disediakan, para Pengarah telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan penjejasan nilai yang ketara perlu dibuat, dan para Pengarah juga tidak mengetahui akan apa-apa keadaan yang memerlukan penjejasan nilai yang perlu dibuat. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang akan memerlukan sebarang penjejasan nilai dalam penyata kewangan PIDM.

Para Pengarah juga telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menentukan nilai-nilai aset dan liabiliti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan PIDM. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

PERKARA LUAR BIASA

Sepanjang tempoh antara tahun kewangan berakhir dengan tarikh laporan ini, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa yang mana laporan ini disediakan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

31 Disember 2018

LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

Sepanjang tahun semasa, tiada kejadian berlaku yang memerlukan PIDM membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerjasama rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Jika suatu institusi ahli dianggap tidak berdaya maju oleh badan kawal selia, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa yang perlu untuk campur tangan dan menyelesaikan institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan rizab di dalam setiap Dananya menerusi pengumpulan lebihan bersih operasi tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi.

Lebih terkumpul disimpan di dalam setiap Dana bagi memenuhi obligasi untuk menampung kerugian bersih apabila berlaku. Seperti yang dibincangkan di Nota 12(a) dan (b) dalam penyata kewangan, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Konvensional Perlindungan Insurans dan menyediakan tahap dana yang mencukupi untuk memenuhi kerugian bersih yang dijangka daripada aktiviti-aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Dalam tahun semasa, PIDM telah melaksanakan rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga. Butiran lanjut dibentangkan di Nota 12(b).

Sekiranya sesuatu Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi obligasinya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun, mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium atau levi yang lebih tinggi bagi Dana dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Pendedahan Operasi

Kontraktor utama yang bertanggungjawab terhadap pembinaan pusat pemulihan bencana PIDM telah membuat tuntutan terhadap PIDM melalui prosiding timbang tara. PIDM telah memfailkan kes pembelaan dan membuat tuntutan balas sebagai tindak balas terhadap tuntutan kontraktor utama tersebut. Pendedahan tuntutan terhadap PIDM adalah kira-kira RM1.2 juta. Selepas pertimbangan nasihat undang-undang yang sewajarnya, walaupun berkemungkinan tuntutan tersebut berjaya, kebarangkaliannya adalah rendah. Oleh itu, tiada peruntukan telah dibuat di dalam penyata kewangan.

Lain-lain liabiliti luar jangka

Berdasarkan pernyataan yang dibuat oleh pihak Pengurusan, para Pengarah berpendapat bahawa selain daripada pendedahan kepada kerugian yang dibincangkan di atas, tidak wujud:

- (i) sebarang liabiliti luar jangka selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuat kuasa atau berkemungkinan akan berkuat kuasa dalam tempoh 12 bulan selepas berakhir tahun kewangan ini, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan PIDM untuk memenuhi obligasinya apabila tiba masanya.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

31 Disember 2018

PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

PIDM telah memperbadankan lima subsidiari sebagai sebahagian daripada usaha PIDM bagi memastikan kesediaan operasi untuk melaksanakan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Menurut seksyen 10, Akta PIDM, PIDM boleh menubuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi menjalankan fungsi, kuasa dan obligasinya. Subsidiari tersebut diperbadankan awal sebagai sebahagian daripada kesediaan operasi PIDM sebelum berlakunya sebarang kegagalan institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dormant sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan yang perlu. Asas perakaunan serta butiran subsidiari-subsidiari dihuraikan dengan lanjut di Nota 2.2(c), Nota 3.1(a) dan Nota 7 kepada penyata kewangan.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN


Dalam memberikan pendapat berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- (i) Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – IFRS*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2018, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
- (ii) Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.


JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah



Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Pengerusi Lembaga Pengarah



Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
21 Februari 2019

PERNYATAAN PENGARAH

Kami, Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff dan Gloria Goh Ewe Gim, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan telah disediakan dan dibentangkan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan *Malaysian Financial Reporting Standards* dan mematuhi International Financial Reporting Standards yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2018, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah



Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Pengerusi Lembaga Pengarah



Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
21 Februari 2019

AKUAN BERKANUN OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards* – MFRS) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards* – IFRS) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2018, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan. Kepatuhan kepada sistem kawalan dan amalan disahkan oleh fungsi audit dalaman yang bebas yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa transaksi telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM serta Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses kepada semua dokumen dan rekod PIDM semasa melaksanakan audit. Juruaudit juga mempunyai akses kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.


Penyata kewangan telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui resolusi yang telah diluluskan pada 21 Februari 2019.

Kami, Rafiz Azuan bin Abdullah dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 21 Februari 2019




Rafiz Azuan bin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif



Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi
Ketua Pegawai Kewangan

Di hadapan saya,
Pesuruhjaya Sumpah



G1-1-2, Ground Floor, Menara 1 Dutamas,
Solaris Dutamas, No. 1, Jalan Dutamas 1,
50480 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Dana dan Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain seperti dinyatakan pada muka surat 110 hingga 205.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *the International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *the International Standards of Supreme Audit Institutions*.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *the International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *the International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720) untuk disimpan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720).

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(JOHARI BIN SMAIL)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 MAC 2019





PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	133,123	26,163
Pelaburan	5	3,873,567	3,498,582
Aset lain	6	44,710	39,591
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	—*	—*
Hartanah dan peralatan	8	36,100	38,275
Aset berkaitan hak penggunaan	9	23,924	—
Jumlah Aset		4,111,424	3,602,611
LIABILITI			
Akaun belum bayar	11	7,856	12,144
Liabiliti pajakan	10	24,735	—
Jumlah Liabiliti		32,591	12,144
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
Kumpulan Dana Insurans Deposit <i>Lebihan terkumpul</i>	12a	2,396,989	2,023,826
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans <i>Lebihan terkumpul</i>	12b	1,681,844	1,566,641
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		4,078,833	3,590,467
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		4,111,424	3,602,611

* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran. Sila rujuk Nota 7 untuk butiran lanjut.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

bagi tahun berakhir 31 Disember

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
Hasil premium dan levi	13	468,179	474,338
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	14	120,292	101,080
Jumlah pendapatan		588,471	575,418
Perbelanjaan pengurusan modal insan	15	64,544	72,209
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	16	23,637	24,798
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	17	12,037	15,321
Jumlah perbelanjaan		100,218	112,328
Lebihan bersih bagi tahun semasa		488,253	463,090
Pendapatan komprehensif lain			
Pengukuran semula liabiliti Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	11ii	113	(102)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	21	488,366	462,988

Nota: Sila rujuk Nota 2.4 untuk butiran lanjut perubahan kepada pembentangan Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB

bagi tahun berakhir 31 Disember

KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

	Nota	Dana Insurans Deposit Konvensional RM'000	Dana Insurans Deposit Islam RM'000	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
LEBIHAN TERKUMPUL				
Pada 1 Januari 2017	12a	1,388,304	266,896	1,655,200
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		296,372	72,254	368,626
Pada 31 Disember 2017	12a	1,684,676	339,150	2,023,826
Pada 1 Januari 2018	12a	1,684,676	339,150	2,023,826
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		294,315	78,848	373,163
Pada 31 Disember 2018	12a	1,978,991	417,998	2,396,989

KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

	Nota	Dana Perlindungan Insurans Am RM'000	Dana Perlindungan Insurans Hayat RM'000	Dana Perlindungan Takaful Am RM'000	Dana Perlindungan Takaful Keluarga RM'000	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
LEBIHAN TERKUMPUL						
Pada 1 Januari 2017	12b	1,183,067	236,969	17,758	34,485	1,472,279
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		33,668	46,104	4,549	10,041	94,362
Pada 31 Disember 2017	12b	1,216,735	283,073	22,307	44,526	1,566,641
Pada 1 Januari 2018	12b	1,216,735	283,073	22,307	44,526	1,566,641
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		36,720	63,268	3,454	11,761	115,203
Pada 31 Disember 2018	12b	1,253,455	346,341	25,761	56,287	1,681,844

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember

		2018 RM'000	2017 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli		468,179	474,338
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(89,953)	(108,020)
Pembayaran kos kewangan bagi pajakan	9	(1,487)	–
Penerimaan pendapatan pelaburan		168,191	134,059
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		544,930	500,377
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan/kematangan sekuriti pelaburan		4,639,207	2,657,117
Pembelian sekuriti pelaburan		(5,067,377)	(3,144,312)
Pembelian hartanah dan peralatan		(5,673)	(7,774)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(433,843)	(494,969)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN			
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	9	(4,127)	–
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan		(4,127)	–
Peningkatan / (pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		106,960	5,408
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		26,163	20,755
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a	133,123	26,163

Nota 1: Penyata Aliran Tunai menunjukkan bagaimana tunai dan kesetaraan tunai telah berubah sepanjang tempoh pelaporan di PIDM. Selaras dengan MFRS 107, aliran tunai dibahagikan kepada aliran tunai daripada aktiviti operasi dan pelaburan. Tunai dan kesetaraan tunai yang dinyatakan dalam Penyata Aliran Tunai adalah bersesuaian dengan Penyata Kedudukan Kewangan bagi butir tunai dan kesetaraan tunai. Jumlah aset cair yang tersedia bagi PIDM turut merangkumi pelaburan (diterangkan di dalam Nota 5) dan pendapatan pelaburan belum terima (diterangkan di dalam Nota 6). Rujuk kepada Nota 22(c) untuk maklumat lanjut mengenai pengurusan risiko kecairan PIDM.

Nota 2: Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi;

- i. deposit Islam dan konvensional; dan
- ii. manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Tiada percampuran dana diantara Dana-dana berasingan tersebut.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti utama sepanjang tahun kewangan semasa.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Penyata Kewangan ini melalui resolusinya pada 21 Februari 2019.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Reporting Standards – MFRS*) yang berkaitan.

Penyata kewangan ini mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – IFRS*) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (*International Accounting Standards Board – IASB*).

Asas-asas pengukuran yang diguna pakai, dan polisi perakaunan yang digunakan bagi penyediaan penyata kewangan diterangkan di dalam Nota 2.2. Penilaian dan anggaran perakaunan ketara diterangkan di dalam Nota 3.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.1 Asas penyediaan (sambungan)**

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans oleh PIDM. Kumpulan Dana Perlindungan Islam disenggara dan ditadbir menurut keperluan Syariah dan mematuhi Akta PIDM.

PIDM membentangkan Penyata Kedudukan Kewangan mengikut urutan kecairan. Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan hanya apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktirafkan serta terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak diimbangi dalam Penyata Untung Rugi dan Lain-lain Pendapatan Komprehensif melainkan jika dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana piawaian perakaunan atau tafsiran, dan seperti yang dinyatakan secara khusus di dalam polisi penting perakaunan PIDM.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000), melainkan ianya dinyatakan sebaliknya.

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan**(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018)**

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila PIDM menjadi pihak yang terikat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut.

Kaedah pengukuran

Kos terlunas dan kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan

Kos terlunas ialah amaun di mana aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur ketika pengiktirafan awal, yang telah ditolak pembayaran balik prinsipal, serta dicampur atau ditolak pelunasan terkumpul yang dikira menggunakan kaedah kadar efektif bagi faedah atau pulangan untuk perbezaan di antara amaun permulaan dan amaun kematangan. Juga, bagi aset kewangan, ianya diselaraskan bagi sebarang peruntukan kerugian. Amaun bawaan kasar suatu aset kewangan adalah kos terlunas suatu aset kewangan sebelum diselaraskan bagi sebarang peruntukan kerugian.

Kaedah kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan ialah satu kaedah untuk mengira kos terlunas suatu instrumen hutang dan memperuntukkan pendapatan faedah atau pulangan sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan ialah kadar sebenar yang mendiskaun penerimaan atau pembayaran tunai masa hadapan sepanjang jangkaan tempoh hayat aset kewangan atau liabiliti kewangan terhadap amaun bawaan kasar suatu aset kewangan (iaitu kos terlunasnya sebelum sebarang peruntukan penjejasan nilai) atau terhadap kos terlunas suatu liabiliti kewangan ketika pengiktirafan awal. Pengiraan tersebut tidak mengambil kira jangkaan kerugian kredit, dan termasuk kos urus niaga, premium atau diskaun dan yuran serta perkara lain yang dibayar atau diterima yang ketara terhadap kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan, seperti yuran permulaan. Bagi aset kewangan yang dibeli atau asalnya terjejas kredit (POCI) iaitu aset kewangan yang terjejas kredit ketika pengiktirafan awal, PIDM mengira kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan yang diselaraskan kredit, yang berdasarkan kos terlunas aset kewangan tersebut dan bukan amaun bawaan kasarnya, dan yang telah mengambil kira impak jangkaan kerugian kredit bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)

Pendapatan faedah atau pulangan yang diperolehi

Pendapatan faedah atau pulangan yang diperolehi dikira berdasarkan kadar efektif bagi faedah atau pulangan terhadap amaun bawaan kasar aset kewangan, kecuali bagi:

- Aset kewangan POCI, yang mana kadar efektif asal bagi faedah atau pulangan yang telah diselaras kredit digunakan terhadap kos terlunas aset kewangan; atau
- Aset kewangan yang bukan 'POCI' tetapi kemudiannya menjadi terjejas kredit (atau dikenali sebagai 'Peringkat 3'), di mana pendapatan faedah atau pulangan yang diperolehi dikira berdasarkan kadar efektif bagi faedah atau pulangan terhadap kos terlunas berkenaan (iaitu selepas ditolak peruntukan bagi jangkaan kerugian kredit).

Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama ialah harga yang akan diterima untuk menjual suatu aset kewangan atau dibayar untuk memindahkan liabiliti kewangan dalam urus niaga teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran nilai. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan anggapan bahawa urus niaga penjualan aset kewangan atau pemindahan liabiliti kewangan tersebut berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan; atau
- Jika tiada pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut.

Pasaran utama atau yang paling berfaedah tersebut hendaklah boleh diakses oleh PIDM.

Nilai saksama bagi suatu aset kewangan atau liabiliti kewangan dikira dengan menggunakan andaian yang diguna oleh peserta pasaran bagi menetapkan harga aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut, dengan anggapan bahawa peserta pasaran akan bertindak berdasarkan kepentingan ekonomi yang terbaik bagi mereka.

PIDM menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan yang mana data mencukupi boleh diperolehi untuk mengukur nilai saksama, dengan memaksimumkan input boleh diperhatikan yang relevan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)****(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)**

Semua nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan menurut hierarki nilai saksama yang dinyatakan di bawah, berdasarkan input tahap terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1 – Sebut harga pasaran yang tidak diubah bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang serupa, yang diperoleh dari pasaran aktif.

Tahap 2 – Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3 – Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan.

PIDM menyediakan maklumat nilai saksama mengenai pelaburannya bagi tujuan pededahan pelaporan.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, PIDM akan menentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam hierarki dengan menilai semula kategori yang digunakan (berdasarkan input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan dan liabiliti kewangan pada asalnya diukur pada nilai saksama. Kos langsung transaksi terhadap perolehan atau terbitan aset kewangan dan liabiliti kewangan (selain daripada aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) adalah ditambah kepada atau ditolak daripada nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan tersebut, sekiranya perlu, ketika pengiktirafan awal. Kos langsung transaksi terhadap perolehan aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian diiktiraf terus di dalam keuntungan dan kerugian.

Semua kaedah biasa pembelian atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf berdasarkan tarikh dagangan, iaitu tarikh apabila PIDM terikat untuk membeli atau menjual aset tersebut. Kaedah pembelian atau penjualan biasa merupakan pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen pasaran.

Klasifikasi dan pengukuran seterusnya

Semua aset kewangan yang diiktiraf diukur seterusnya secara keseluruhan sama ada pada kos terlunas atau nilai saksama, bergantung kepada klasifikasi aset kewangan tersebut.

Semua liabiliti kewangan diklasifikasi dan diukur seterusnya pada kos terlunas, melainkan ia dinyatakan sebaliknya.

Dalam menentukan klasifikasi aset kewangan, PIDM mempertimbangkan syarat-syarat berikut:

- Model urusniaga PIDM bagi mengurus aset kewangan tersebut; dan
- Ciri-ciri aliran tunai aset kewangan tersebut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)

Model perniagaan

Model perniagaan menunjukkan bagaimana PIDM mengurus aset kewangannya untuk menghasilkan aliran tunai. Iaitu, sama ada objektif PIDM adalah hanya untuk mengumpul aliran tunai berkontrak daripada aset atau untuk mengumpul kedua-dua aliran tunai berkontrak dan aliran tunai daripada penjualan aset. Sekiranya kedua-duanya tidak diguna pakai (contohnya aset kewangan yang dipegang bagi tujuan dagangan), aset kewangan tersebut diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada modal perniagaan 'lain' dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Model perniagaan PIDM tidak dinilai mengikut instrumen, tetapi pada peringkat tinggi atau peringkat portfolio beragregat dan berpandukan faktor-faktor seperti:

- Bagaimana prestasi model perniagaan dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut dinilai dan dilaporkan kepada kakitangan pengurusan utama PIDM; dan
- Risiko-risiko yang menjejaskan prestasi model perniagaan tersebut (dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut) dan, khususnya, kaedah risiko-risiko ini diurus.

Penilaian model perniagaan adalah berdasarkan senario munasabah yang dijangkakan tanpa mengambil kira senario 'kes terburuk' atau 'kes tekanan'. Sekiranya aliran tunai selepas pengiktirafan awal direalisasikan dengan cara yang berbeza daripada jangkaan asal, PIDM tidak mengubah klasifikasi aset kewangan selebihnya yang dipegang dalam model perniagaan tersebut, tetapi sebaliknya memasukkan maklumat tersebut apabila menilai aset kewangan terbitan baru atau yang baru dibeli, bagi tempoh ke hadapan. Klasifikasi semula diambil kira dari bermulanya perubahan pertama tempoh pelaporan. Perubahan-perubahan ini dijangka jarang berlaku. Tiada perubahan ini berlaku dalam tempoh pelaporan.

Ujian 'hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan' (SPPI)

Sebagai langkah kedua proses klasifikasi, PIDM menilai terma-terma kontrak aset kewangan untuk mengenal pasti sama ada ia memenuhi ujian 'hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan' (SPPI).

'Prinsipal' untuk tujuan ujian ini ditakrifkan sebagai nilai saksama aset kewangan pada peringkat pengiktirafan awal dan boleh berubah sepanjang hayat aset kewangan (contohnya sekiranya pembayaran semula prinsipal atau pelunasan premium atau diskaun dibuat).

Dalam membuat penilaian ini, PIDM mempertimbangkan sama ada aliran tunai berkontrak adalah selaras dengan aturan peminjaman asas iaitu faedah atau pulangan hanya termasuk pertimbangan untuk nilai tunai hadapan, risiko kredit, risiko peminjaman asas lain dan margin keuntungan, yang selaras dengan aturan peminjaman asas. Sekiranya terma kontrak memperkenalkan pendedahan kepada risiko atau turun naik yang tidak konsisten dengan aturan peminjaman asas, aset kewangan berkenaan diklasifikasikan dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Aset kewangan yang terbabit dengan derivatif adalah dikira secara keseluruhan apabila menentukan sama ada aliran tunainya adalah semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)

Butiran klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan PIDM diterangkan di bawah.

Aset kewangan

(i) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit boleh panggil di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Ini termasuk pelaburan jangka pendek dalam instrumen pasaran wang serta pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada 90 hari dari tarikh pembelian. Tunai dan kesetaraan tunai dibawa pada kos terlunas di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah langsung. Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung juga dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

(ii) Sekuriti pelaburan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur seterusnya pada kos terlunas:

- aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak; dan
- terma kontrak aset kewangan yang menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu, yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan (iaitu melepasi 'ujian SPPI') ke atas amaun prinsipal tertunggak.

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur seterusnya pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (FVTOCI):

- aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan yang objektifnya tercapai melalui pengumpulan aliran tunai berkontrak dan penjualan aset kewangan tersebut; dan
- terma-terma kontrak aset kewangan tersebut juga menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu, yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)

(ii) Sekuriti pelaburan (sambungan)

Sekuriti pelaburan PIDM merangkumi Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, Nota Kewangan Bank Negara Malaysia dan Sekuriti Hutang Swasta yang mudah dipasarkan. PIDM melabur dalam sekuriti denominasi Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang dipegang sehingga tempoh matang bagi mengumpul aliran tunai berkontrak dan bukan untuk didagangkan. Aliran tunai berkontrak bagi sekuriti pelaburan tersebut adalah hanya untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak. Oleh yang demikian, sekuriti pelaburan ini diukur pada kos terlunas.

(iii) Akaun belum terima lain

Akaun belum terima lain merangkumi aset kewangan yang dipegang dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak, oleh itu dibawa pada kos terlunas dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(iv) Akaun belum bayar

Melainkan dinyatakan sebaliknya, PIDM mengukur liabiliti kewangannya pada kos terlunas, yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

Penyahiktirafan

(i) Aset kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila:

- hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat; atau
- PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut atau telah mengambil alih tanggungjawab untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah perjanjian "*pass-through*", dan sama ada:
 - o PIDM telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut; atau
 - o PIDM tidak memindahkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset tersebut, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset tersebut.

Apabila PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memeterai perjanjian "*pass-through*", dan tidak memindahkan atau tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset itu, aset masih diiktiraf selagi ada tahap penglibatan berterusan PIDM pada aset tersebut. Dalam kes itu, PIDM juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitan. Dalam hal ini, aset dan liabiliti yang telah dipindahkan diukur pada asas yang mencerminkan hak dan obligasi PIDM yang masih dikekalkan.

Apabila aset kewangan yang diukur pada kos terlunas dinyahiktirafkan, perbezaan di antara nilai bawaan aset dan jumlah penerimaan yang diterima serta belum terima adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Di samping itu, apabila suatu pelaburan dalam instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai FVTOCI dinyahiktirafkan, keuntungan atau kerugian yang sebelum ini terkumpul dalam rizab penilaian semula pelaburan, akan diklasifikasikan semula kepada keuntungan atau kerugian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)****(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)****(ii) Liabiliti kewangan**

Penyahiktirafan liabiliti kewangan akan dilakukan apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut telah dibatalkan atau ditamatkan atau luput. Jika suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh liabiliti lain daripada pemberi pinjaman yang sama, tetapi atas terma yang nyata berbeza atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan ke atas liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baharu berlaku. Perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.


Penjejasan nilai aset kewangan

PIDM mengiktiraf suatu peruntukan kerugian bagi jangkaan kerugian kredit (ECL) ke atas aset kewangannya yang diukur pada kos terlunas atau pada FVTOCI. Amaun kerugian kredit yang dijangkakan dikemas kini pada setiap tarikh pelaporan untuk mencerminkan perubahan risiko kredit sejak pengiktirafan awal instrumen hutang.

Bagi semua aset kewangan yang tertakluk kepada keperluan penjejasan nilai, PIDM mengiktiraf ECL jangka hayat apabila terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit berbanding pengiktirafan awal. Walau bagaimanapun, sekiranya risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, PIDM mengukur peruntukan kerugian bagi instrumen kewangan tersebut pada amaun yang sama dengan ECL selama 12 bulan.

ECL jangka hayat merupakan kerugian kredit yang dijangkakan daripada kesemua kebarangkalian kegagalan sesuatu instrumen kewangan, dalam tempoh hayatnya. Sebaliknya, ECL 12 bulan merupakan sebahagian daripada ECL jangka hayat yang mencerminkan kebarangkalian peristiwa kegagalan suatu instrumen kewangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal

		
Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 3
(Pengiktirafan awal)	(Peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal)	(Aset terjejas kredit)
Kerugian kredit 12 bulan yang dijangkakan	Jangka hayat kerugian kredit yang dijangkakan	Jangka hayat kerugian kredit yang dijangkakan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)

(i) Peningkatan ketara dalam risiko kredit

Dalam menilai sama ada risiko kredit ke atas instrumen kewangan telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, PIDM membandingkan risiko kegagalan berlaku bagi suatu instrumen kewangan pada tarikh pelaporan dengan risiko kegagalan berlaku bagi instrumen kewangan tersebut pada tarikh pengiktirafan awal. Dalam melaksanakan penilaian ini, PIDM mempertimbangkan kedua-dua maklumat kuantitatif dan kualitatif yang munasabah dan boleh disokong, termasuk pengalaman sejarah dan maklumat berpandangan ke hadapan yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Maklumat berpandangan ke hadapan yang dipertimbangkan termasuk yang diperolehi daripada laporan pakar ekonomi, penganalisa kewangan, badan-badan kerajaan serta pertimbangan pelbagai sumber luaran maklumat ekonomi sebenar dan ramalan.

Secara khusus, maklumat berikut diambil kira apabila menilai sama ada risiko kredit telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal:

- kemerosotan ketara yang sebenar atau yang dijangkakan dalam penarafan kredit luaran atau penilaian kredit oleh agensi penarafan yang diiktiraf, bagi instrumen kewangan tersebut;
- kemerosotan ketara dalam petunjuk pasaran luaran risiko kredit bagi instrumen kewangan tertentu, contohnya, peningkatan ketara dalam penyebaran kredit, harga swap mungkir kredit bagi peminjam, atau tempoh masa atau tahap yang mana nilai saksama suatu aset kewangan adalah rendah daripada kos terlunasnya;
- perubahan sedia ada atau yang diramalkan dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang dijangka akan menyebabkan pengurangan ketara dalam keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi hutangnya;
- kemerosotan ketara yang sebenar atau dijangkakan dalam hasil operasi peminjam;
- peningkatan ketara dalam risiko kredit ke atas instrumen kewangan lain peminjam yang sama;
- toleransi atau penstrukturan semula sebenar atau yang dijangkakan;
- perubahan buruk ketara yang sebenar atau dijangkakan dalam persekitaran kawal selia, ekonomi, atau operasi peminjam yang menyebabkan pengurangan ketara dalam keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi hutangnya.

Walau bagaimanapun, PIDM menganggap bahawa risiko kredit ke atas suatu aset kewangan telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal apabila pembayaran kontrak melebihi 30 hari lampau tempoh, kecuali PIDM mempunyai maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang menunjukkan sebaliknya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)****(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)****(i) Peningkatan ketara dalam risiko kredit (sambungan)**

Walaupun demikian, PIDM mengandaikan bahawa risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal sekiranya instrumen kewangan ditetapkan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh pelaporan. Suatu instrumen kewangan ditetapkan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah sekiranya:

- Instrumen kewangan tersebut mempunyai risiko kegagalan yang rendah;
- Peminjam mempunyai keupayaan kukuh untuk memenuhi obligasi aliran tunai berkontrak dalam tempoh terdekat; dan
- Perubahan buruk dalam keadaan ekonomi dan perniagaan dalam tempoh yang lebih panjang, berkemungkinan tetapi tidak semestinya mengurangkan keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi aliran tunai berkontraknya.

PIDM menganggap suatu aset kewangan mempunyai risiko kredit yang rendah apabila aset tersebut mempunyai penarafan kredit luaran 'gred pelaburan' menurut takrifan yang difahami di peringkat global atau sekiranya tiada penarafan luaran, aset tersebut mempunyai penarafan dalaman sebagai 'baik' atau 'berbayar' (*performing*). Baik atau berbayar bermaksud bahawa pihak yang terlibat mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan tiada amaun tidak berbayar sebelum ini.

PIDM sentiasa memantau keberkesanan kriteria yang digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit, serta menyemak kriteria tersebut sekiranya perlu bagi memastikan kriteria tersebut berupaya mengenal pasti peningkatan ketara dalam risiko kredit sebelum amaun tersebut lewat tempoh bayarannya.

(ii) Definisi kegagalan

PIDM menganggap perkara berikut sebagai peristiwa kegagalan bagi tujuan pengurusan risiko kredit dalaman, berdasarkan pengalaman sejarah yang menunjukkan bahawa aset kewangan yang memenuhi salah satu daripada kriteria berikut secara umumnya tidak boleh diperolehi semula:

- Apabila terdapat pelanggaran perjanjian kewangan oleh pihak yang terlibat; atau
- Maklumat yang dibangunkan secara dalaman atau diperolehi dari sumber luaran menunjukkan bahawa pihak berkenaan tidak mungkin membayar pemiutangnya, termasuk PIDM, secara penuh (tanpa mengambil kira sebarang cagaran yang mungkin dipegang oleh PIDM).

Walau bagaimanapun, PIDM menganggap kegagalan telah berlaku apabila pembayaran berkenaan suatu aset kewangan melebihi 90 hari lampau tempoh, kecuali apabila PIDM mempunyai maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai untuk menunjukkan bahawa kriteria kegagalan yang memberi tempoh lebih lama adalah lebih sesuai untuk digunakan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)

(iii) Aset kewangan terjejas kredit

Aset kewangan dianggap terjejas kredit apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan berkenaan, telah berlaku. Bukti bahawa suatu aset kewangan terjejas kredit termasuk data yang dapat diperhatikan mengenai peristiwa-peristiwa berikut:

- Kesukaran kewangan ketara yang dihadapi oleh penerbit atau peminjam;
- Pelanggaran kontrak, seperti peristiwa mungkir atau kelewatan tempoh bayaran yang ketara;
- Pemberi pinjaman kepada memberi konsesi peminjam yang dalam kebiasaannya tidak akan diberikan, atas sebab kemerosotan ekonomi atau kesukaran kewangan peminjam dalam memenuhi tuntutan kontrak;
- Peminjam berkemungkinan akan menghadapi kebangkrutan atau akan melalui pengaturan semula kewangan yang lain; atau
- Kehilangan pasaran yang aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh kesukaran kewangan.

(iv) Hapus kira

PIDM menghapus kira suatu aset kewangan apabila terdapat maklumat yang menunjukkan bahawa penghutang berada dalam kesukaran kewangan yang teruk dan tiada prospek pemulihan yang realistik, contohnya, apabila penghutang diletakkan di bawah proses pembubaran atau telah menghadapi prosiding kebangkrutan. Aset kewangan yang dihapus kira mungkin tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan di bawah prosedur pemulihan PIDM, dengan mengambil kira nasihat perundangan sekiranya wajar. Sebarang pemulihan yang dibuat adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(v) Pengukuran dan pengiktirafan kerugian kredit yang dijangkakan (ECL)

Pengukuran ECL merupakan fungsi kebarangkalian kegagalan, kerugian akibat kegagalan (iaitu tahap kerugian sekiranya berlaku kegagalan) dan pendedahan semasa kegagalan, seperti yang diterangkan di bawah:

- PD *Kebarangkalian kegagalan (Probability of Default)* merupakan anggaran kemungkinan kegagalan entiti yang mungkir terhadap obligasi/pembayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan (iaitu lebih dari 12 bulan atau sepanjang jangka hayat instrumen kewangan).
- EAD *Pendedahan semasa kegagalan (Exposure at Default)* merupakan anggaran pendedahan pada tarikh kegagalan masa hadapan, dengan mengambil kira perubahan yang dijangkakan dalam pendedahan selepas tarikh pelaporan, termasuk pembayaran balik prinsipal dan faedah atau pulangan, sama ada kontrak berjadual atau sebaliknya, pengurangan yang dijangkakan kepada komitmen kemudahan, dan faedah atau pulangan terakru daripada pembayaran yang tidak dibuat.
- LGD *Kerugian akibat kegagalan (Loss Given Default)* merupakan anggaran kerugian yang timbul akibat kegagalan yang berlaku dalam tempoh yang dinyatakan. Ia adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai berkontrak yang perlu dibayar dan yang perlu diterima oleh pemberi pinjaman, termasuk daripada realisasi apa-apa cagar atau pemulihan aset. Ia biasanya dinyatakan sebagai peratusan daripada EAD.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)****(a) Instrumen kewangan – MFRS 9 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)****(v) Pengukuran dan pengiktirafan kerugian kredit yang dijangkakan (ECL) (sambungan)**

Penilaian kebarangkalian kegagalan dan kerugian akibat kegagalan adalah berdasarkan data sejarah yang diselaraskan dengan maklumat berpandangan ke hadapan seperti yang diterangkan di atas, khususnya input makroekonomi seperti ukuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), yang telah dinilai mempunyai korelasi tertinggi kepada penarafan kredit.

Apabila menganggarkan ECL, khususnya instrumen hutang, PIDM mempertimbangkan beberapa senario di mana setiap senario dikaitkan dengan PD yang berbeza yang digunakan untuk mengukur ECL. Senario yang dipertimbangkan untuk tempoh pelaporan dan wajar senario ditentukan berdasarkan analisis statistik dan pertimbangan pakar, dengan mengambil kira pelbagai perwakilan hasil daripada setiap senario yang dipilih, serta keadaan persekitaran operasi pada tarikh pelaporan. Sekurang-kurangnya dua senario akan dipertimbangkan dalam menganggarkan ECL pada bila-bila masa. Senarai senario dan andaian utama yang mungkin dipertimbangkan oleh PIDM adalah seperti berikut:

Senario	Huraian – Senario Ekonomi Tempatan
Garis Asas	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka sama dengan situasi dan kadar pertumbuhan lampau. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara 3% dan 8%
Agak Negatif	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka lebih lemah daripada norma jangka panjang. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara 0% dan 3%
Kemelesetan	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka agak lembap atau negatif. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara 0% dan -6%

Sekiranya PIDM telah mengukur peruntukan kerugian bagi suatu instrumen kewangan pada amaun yang sama dengan ECL jangka hayat dalam tempoh pelaporan terdahulu, tetapi menentukan pada tarikh tempoh pelaporan semasa bahawa syarat-syarat bagi ECL jangka hayat tidak lagi dipenuhi, PIDM mengukur peruntukan kerugian pada amaun yang sama dengan 12 bulan ECL pada tarikh pelaporan semasa.

PIDM mengiktiraf penjejasan nilai pendapatan atau kerugian dalam keuntungan atau kerugian bagi semua instrumen kewangan dengan pelarasan yang sesuai dengan amaun bawaannya melalui akaun peruntukan kerugian, kecuali bagi pelaburan dalam instrumen hutang yang diukur pada FVTOCI, di mana peruntukan kerugian diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan terkumpul dalam rizab penilaian semula pelaburan, dan tidak mengurangkan amaun bawaan aset kewangan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(b) Instrumen kewangan – MFRS 139 (polisi yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018)

Pengiktirafan dan pengukuran awal

Apabila instrumen kewangan diiktiraf awal, ia diukur pada nilai saksama, dan khusus bagi pelaburan pegangan-hingga-matang, termasuk kos transaksi yang berkait secara langsung.

PIDM menentukan klasifikasi aset kewangannya pada pengiktirafan awal, dan kategorinya termasuk pelaburan pegangan-hingga-matang serta pinjaman dan akaun belum terima.

Kategori instrumen kewangan dan pengukuran seterusnya

(i) Aset kewangan

- **Pelaburan pegangan-hingga-matang**

Pelaburan yang diklasifikasi sebagai pegangan-hingga-matang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Pelaburan Kerajaan, Nota Kewangan Bank Negara dan Sekuriti Hutang Swasta yang mudah dipasarkan yang bertujuan untuk dipegang hingga matang dan tidak didagangkan. Sekuriti ini yang berbayaran tetap atau boleh ditentukan dan yang mempunyai tempoh matang tetap, dinyatakan pada kos yang diselaraskan bagi pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah kadar efektif faedah atau pulangan, dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang, serta ditolak sebarang kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf. Faedah atau pulangan yang diperoleh semasa memegang pelaburan ini, termasuk pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah kadar efektif faedah atau pulangan, serta sebarang kerugian penjejasan nilai akan diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Sekiranya, PIDM menjual atau mengklasifikasi semula amaun bukan tidak ketara bagi aset pegangan-hingga-matang sebelum tempoh matang (selain daripada dalam keadaan tertentu), semua kategori aset tersebut akan terjejas dan perlu diklasifikasi semula sebagai sedia-untuk-dijual. Tambahan itu, PIDM juga dilarang daripada mengklasifikasikan mana-mana aset kewangan pegangan-hingga-matang bagi tempoh masa dua tahun yang berikutnya.

- **Pinjaman dan akaun belum terima**

Pinjaman dan akaun belum terima telah dinyatakan pada nilai bersih dijangka boleh direalisasikan. Penjejasan nilai dibuat apabila ianya dikenal pasti.

(ii) Liabiliti kewangan

- **Akaun belum bayar**

PIDM mengukur semua liabiliti kewangan pada kos, yang bersamaan dengan nilai saksama bayaran yang perlu dibuat untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)****(b) Instrumen kewangan – MFRS 139 (polisi yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018) (sambungan)*****Penyahiktirafan***

Secara umumnya, syarat dan kriteria bagi penyahiktirafan aset kewangan dan liabiliti kewangan adalah sama di bawah MFRS 139 dan MFRS 9.

Khususnya, apabila suatu instrumen aset kewangan dinyahiktiraf secara keseluruhan, perbezaan antara amaun bawaan dan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf di dalam Pendapatan Komprehensif Lain akan diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Nilai saksama instrumen kewangan

Semua aset kewangan dan liabiliti kewangan yang mana nilai saksama diukur atau didedahkan dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki seperti yang dihuraikan dalam Nota 2.2 (a) di atas.

Penjejasan nilai aset kewangan

PIDM menilai, pada setiap tarikh pelaporan, sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang menunjukkan bahawa suatu aset kewangan terjejas.

• Pelaburan pegangan-hingga-matang

Bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif yang menunjukkan penjejasan nilai ke atas pelaburan pegangan-hingga-matang telah berlaku, PIDM mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian insolvensi atau kesukaran kewangan yang ketara di antara penerbit-penerbit dan penanggung-penanggung obligasi serta apa-apa kemungkiran atau kelewatan ketara dalam pembayaran.

Sekiranya wujud sebarang bukti sedemikian, amaun kerugian penjejasan nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan pelaburan dan nilai semasa anggaran aliran tunai hadapan yang didiskaunkan pada kadar efektif asal faedah atau pulangan bagi pelaburan tersebut. Dalam hal ini, nilai bawaan pelaburan pegangan-hingga-matang tersebut dikurangkan dan amaun kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian penjejasan nilai berkurangan dan pengurangan tersebut dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas penjejasan nilai diiktiraf, kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini akan dibalikkan semula setakat mana amaun bawaan pelaburan pegangan-hingga-matang tersebut tidak melebihi kos terlunasnya pada tarikh pembalikan. Amaun pembalikan diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

• Pinjaman dan akaun belum terima

Bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan nilai ke atas pinjaman dan akaun belum terima telah berlaku, PIDM mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian insolvensi atau kesukaran kewangan ketara penghutang, sebarang kemungkiran atau kelewatan dalam pembayaran atau apabila terdapat bukti objektif bahawa PIDM tidak dapat mengumpul semua pinjaman tertunggak atau akaun belum terima menurut terma-terma kredit.

Jika dalam tempoh seterusnya, amaun kerugian penjejasan nilai berkurangan dan pengurangan tersebut dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas penjejasan nilai diiktiraf, pembalikan kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(c) Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan PIDM pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai, melainkan pelaburan tersebut dipegang untuk jualan.

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan pelaksanaan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

Tambahan lagi, selaras dengan keperluan MFRS 10 *Consolidated Financial Statements*, PIDM tidak menyediakan penyata kewangan yang digabungkan kerana PIDM tidak memenuhi kesemua kriteria yang diperlukan untuk mempunyai kawalan ke atas subsidiari-subsidiarinya, sebagaimana yang ditakrif di dalam MFRS 10. Ini kerana PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut adalah dihubungkan secara langsung kepada Kumpulan Dana yang berkenaan. Perkara ini dibincangkan secara lanjut di Nota 3.1(a).

(d) Hartanah dan peralatan, dan susut nilai

Semua butiran hartanah dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada nilai kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperoleh oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian bagi tahun kewangan yang mana kos tersebut berlaku.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos selepas mengambil kira susut nilai dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi mengurangkan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan di atas tanah pegangan bebas	50 tahun
Perabot dan kelengkapan	20.00%
Kenderaan motor	20.00%
Ubah suai pejabat	20.00%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.33%

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. PIDM telah mempermodalkan tanah dan amaun tanah dipermodalkan adalah mengikut pengiktirafan awal menggunakan harga belian di samping kos-kos lain yang berkaitan yang dibelanjakan bagi membawa tanah tersebut kepada keadaannya pada masa sekarang.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)****(d) Hartanah dan peralatan, dan susut nilai (sambungan)**

Hartanah dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut sedia untuk diguna.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut. Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperolehi daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

(e) Penjejasan nilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, PIDM mengkaji amaun bawaan aset bukan kewangannya, bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian penjejasan nilai.

Bagi tujuan ujian penjejasan nilai aset-aset ini, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan ke atas penilaian individu setiap aset. Amaun yang boleh diperolehi semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan kos jualan dan nilai guna sesuatu aset. Dalam menentukan nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan ke nilai kini menggunakan kadar diskaun yang menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai tunai hadapan dan risiko aset tersebut. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperolehi semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawaannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperolehi semula.

Kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dalam tahun yang sama ia berlaku, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana penjejasan nilai tersebut hendaklah diakaunkan sebagai penilaian semula yang dikurangkan setakat mana akaun amaun kerugian penjejasan nilai itu tidak melebihi amaun yang diambil kira dalam rizab penilaian semula aset bagi aset tersebut.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset akan dibalikkan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang boleh diperolehi semula dengan anggaran susut nilai yang diiktiraf sebelumnya. Selain daripada aset muhibah, nilai bawaan aset boleh dinaikkan kepada amaun yang boleh diperolehi semula, selagi amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut telah diiktiraf pada tahun sebelumnya. Suatu pembalikan semula kerugian penjejasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diiktiraf dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula, yang mana, dalam situasi ini, pembalikan semula tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan penilaian semula.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(f) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans diiktiraf mengikut asas akrual. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk mengkredit semua pendapatan operasi secara langsung kepada, dan mengcajikan perbelanjaan terhadap Dana atau Kumpulan Dana yang berkaitan.

1. Pendapatan

Pendapatan premium dan levi yang diiktiraf dalam sesuatu tahun kewangan ditaksir berdasarkan premium dan levi yang ditaksirkan semasa tahun kewangan tersebut.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan pulangan efektif aset tersebut.

2. Perbelanjaan

Perbelanjaan yang berkaitan secara langsung kepada Dana atau Kumpulan Dana tertentu dicaj kepada Dana atau Kumpulan Dana tersebut.

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana atau Kumpulan Dana akan diagih berdasarkan ketetapan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) (Pindaan) Perintah 2017. Perintah 2017 yang dipinda ini menggantikan Perintah 2011 dimana asas pengagihan diganti dari premium dan levi kepada jumlah pendapatan yang diperolehi. Perintah 2017 yang dipinda ini berkuat kuasa dari tahun kewangan 2017 seterusnya dan tidak mengakibatkan perubahan terhadap maklumat perbandingan tahun sebelumnya.

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana atau Kumpulan Dana yang khusus boleh dikategorikan kepada dua kategori seperti berikut:

- (i) *Perbelanjaan yang boleh dikaitkan kepada Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans tetapi merupakan perbelanjaan tidak langsung bagi sistem masing-masing.* Pengagihan bagi kategori perbelanjaan ini adalah berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi untuk sistem masing-masing pada tahun kewangan tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2018, perbelanjaan telah diagihkan kepada sistem masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi untuk sistem masing-masing dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Kadar peruntukan yang digunakan sepanjang tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Sistem Insurans Deposit		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans			
	Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2018	80.66%	19.34%	35.01%	49.56%	4.96%	10.47%
	100%		100%			
2017	81.85%	18.15%	33.56%	51.39%	5.42%	9.63%
	100%		100%			

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)****(f) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan (sambungan)**

- (ii) *Perbelanjaan yang merupakan perbelanjaan biasa atau kos tidak langsung untuk mentadbir kedua-dua Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.* Perbelanjaan yang tidak boleh dirujuk secara khusus kepada mana-mana Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, perlu diperuntukkan berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi bagi setiap Kumpulan Dana di dalam Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2018, perbelanjaan sebegini telah dicajkan kepada Dana masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi bagi setiap Dana dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Asas pengagihan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah	Sistem Insurans Deposit		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans			
		Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2018	100%	63.88%	15.32%	7.28%	10.31%	1.03%	2.18%
2017	100%	63.81%	14.15%	7.40%	11.33%	1.19%	2.12%

(g) Manfaat kakitangan**(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan manfaat lain seperti faedah kesihatan dan elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan PIDM. Cuti berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok tambah atas kelayakan masa hadapan. Cuti berganjaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diiktiraf pada masa ketidakhadiran berlaku.

(ii) Manfaat pasca-pekerjaan**1. Rancangan caruman tetap**

Rancangan caruman tetap ialah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan yang mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti berasingan. PIDM tidak mempunyai obligasi untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian apabila ia berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(g) Manfaat kakitangan (sambungan)

(ii) Manfaat pasca-pekerjaan (sambungan)

2. Rancangan Manfaat ditentukan

PIDM melaksanakan satu rancangan manfaat ditentukan tanpa pendanaan yang dikenali sebagai Rancangan Persaraan Jangka Panjang dilaksanakan berkuat kuasa pada 1 Januari 2016. Rancangan Persaraan Jangka Panjang memberi manfaat kepada pekerja yang berbentuk satu tahap jaminan pembayaran persaraan secara sekaligus akan diberikan berdasar gaji akhir pekerja. Pembayaran manfaat Rancangan Persaraan Jangka Panjang bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji pada tahun terakhir persaraan.

Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang yang diiktirafkan di dalam kedudukan penyata kewangan adalah nilai kini obligasi Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada akhir tempoh pelaporan, termasuk pelarasan bagi untung / rugi aktuari dan mana-mana kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf.

PIDM akan menentukan perbelanjaan faedah bagi liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada tempoh tersebut dengan mengguna pakai kadar diskaun untuk mengukur obligasi Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada permulaan tempoh tahunan kepada liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang yang seterusnya. Perbelanjaan faedah dan perbelanjaan lain berkaitan dengan Rancangan Persaraan Jangka Panjang akan dinyatakan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

(h) Mata wang asing

(i) Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi yang mana PIDM beroperasi (mata wang fungsian).

(ii) Urus niaga mata wang asing

Bagi penyediaan penyata kewangan PIDM, urus niaga dalam mata wang asing selain daripada mata wang fungsian PIDM akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, butiran kewangan dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing akan ditukar pada kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat daripada penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan. Perbezaan tukaran asing bagi penukaran butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan kecuali bagi perbezaan disebabkan penukaran butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab. Perbezaan tukaran asing akibat daripada butiran bukan kewangan tersebut juga akan diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)****(i) PIDM sebagai pihak pemajak – MFRS 16 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018)**

PIDM menilai sama ada suatu kontrak merupakan pajakan atau mengandungi terma pajakan, dari permulaan kontrak tersebut. PIDM mengiktiraf suatu aset berkaitan hak penggunaan serta liabiliti pajakan yang sepadan bagi semua perjanjian pajakan di mana ia adalah pemajak. Terkecuali adalah pajakan jangka pendek (ditakrifkan sebagai pajakan dengan tempoh pajakan selama 12 bulan atau kurang) dan pajakan aset bernilai rendah, di mana PIDM mengiktiraf pembayaran pajakan tersebut sebagai perbelanjaan operasi mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan, melainkan terdapat kaedah sistematik lain adalah lebih sesuai bagi corak masa di mana manfaat ekonomi aset pajakan itu digunakan.

Liabiliti pajakan di peringkat awalnya diukur pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan yang belum berbayar pada tarikh permulaan, yang didiskaunkan dengan menggunakan kadar tersirat bagi pajakan tersebut. Jika kadar ini tidak dapat ditentukan dengan tepat, PIDM menggunakan kadar peminjaman tambahannya.

Pembayaran pajakan yang termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan terdiri daripada:

- pembayaran pajakan tetap (termasuk isi kandungannya adalah pembayaran tetap), selepas ditolak sebarang insentif pajakan;
- pembayaran pajakan boleh ubah yang bergantung kepada suatu indeks atau kadar, yang pada mulanya diukur dengan menggunakan indeks atau kadar berkenaan pada tarikh permulaan;
- amaun yang dijangka dibayar oleh pemajak di bawah jaminan nilai sisa;
- harga laksana opsyen pembelian, sekiranya pemajak adalah munasabah pasti untuk melaksanakan opsyen tersebut; dan
- pembayaran penalti bagi penamatan pajakan, sekiranya terma pajakan berkenaan ada mencerminkan suatu opsyen bagi menamatkan pajakan tersebut.

Liabiliti pajakan dibentangkan secara berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Liabiliti pajakan seterusnya diukur dengan menaikkan amaun bawaan untuk mencerminkan faedah atau pulangan ke atas liabiliti pajakan (menggunakan kaedah kadar efektif bagi faedah atau pulangan) dan dengan mengurangkan amaun bawaan untuk mencerminkan pembayaran pajakan yang dibuat.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(i) **PIDM sebagai pihak pemajak – MFRS 16 (polisi yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018) (sambungan)**

PIDM mengukur semula liabiliti pajakan (dan membuat penyesuaian yang sepadan dengan aset berkaitan hak penggunaan) apabila:

- terma pajakan telah berubah atau terdapat perubahan dalam penilaian pelaksanaan opsyen pembelian, di mana liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskaun yang disemak semula;
- pembayaran pajakan berubah disebabkan perubahan dalam indeks atau kadar atau perubahan dalam jangkaan pembayaran di bawah jaminan nilai sisa, di mana liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskaun awal (kecuali perubahan pembayaran pajakan adalah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah atau pulangan terapan, di mana kadar diskaun yang disemak semula akan digunakan); atau
- kontrak pajakan diubahsuai dan pengubahsuaian pajakan tersebut tidak diambil kira sebagai pajakan berasingan. Dalam hal ini, liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskaun yang disemak semula.

PIDM tidak membuat sebarang pelarasan sedemikian dalam tempoh semasa.

Aset berkaitan hak penggunaan terdiri daripada pengukuran awal liabiliti pajakan yang sepadan, pembayaran pajakan yang telah dibuat pada atau sebelum hari permulaan dan sebarang kos langsung permulaan. Ia kemudian diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai.

Apabila PIDM menanggung obligasi bagi kos untuk menghapus dan mengeluarkan suatu aset pajakan, atau memulihkan tapak di mana aset tersebut berada atau memulihkan aset tersebut kepada keadaan asal seperti yang diperlukan oleh terma dan syarat pajakan, suatu peruntukan perlu diiktiraf dan diukur di bawah MFRS 137. Kos tersebut dimasukkan dalam nilai aset berkaitan hak penggunaan yang berkenaan.

Aset berkaitan hak penggunaan adalah disusut nilai dalam jangka lebih pendek antara tempoh pajakan atau tempoh hayat aset dasar. Sekiranya suatu pajakan berpindah milik kepada pemajak atau kos aset berkaitan hak penggunaan mencerminkan bahawa PIDM dijangka untuk melaksanakan opsyen pembelian, aset berkaitan hak penggunaan tersebut akan disusut nilai berdasarkan tempoh hayat aset dasar berkenaan. Susut nilai bermula dari tarikh permulaan pajakan.

Aset berkaitan hak penggunaan dibentangkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

PIDM mengguna pakai MFRS 136 *Impairment of Assets* untuk menentukan sama ada aset berkaitan hak penggunaan adalah terjejas dan mengambil kira kerugian penjejasan nilai yang dikenal pasti seperti yang dikehendaki dalam Nota 2.2 (e).

Sewa boleh ubah yang tidak bergantung kepada indeks atau kadar tidak dimasukkan dalam pengukuran liabiliti pajakan dan aset berkaitan hak penggunaan. Pembayaran yang berkaitan adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh yang mana peristiwa atau keadaan yang menyebabkan pembayaran tersebut berlaku dan dimasukkan dalam perenggan "perbelanjaan operasi dan pentadbiran" di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Sebagai amalan praktikal, MFRS 16 membenarkan pemajak untuk tidak memisahkan komponen bukan pajakan, dan sebaliknya mempertimbangkan sebarang pajakan atau komponen bukan pajakan yang berkaitan sebagai suatu aturan tunggal. PIDM telah mengguna pakai amalan praktikal ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)****(j) PIDM sebagai pihak pemajak – MFRS 117 (polisi yang diguna pakai sebelum 1 Januari 2018)**

Pajakan diklasifikasi sebagai pajakan kewangan apabila terma pajakan tersebut memindahkan semua risiko dan pulangan pemilikan secara ketara kepada pemajak. Semua pajakan lain diklasifikasi sebagai pajakan operasi.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai suatu perbelanjaan dengan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan, melainkan terdapat kaedah sistematik lain adalah lebih sesuai bagi corak masa di mana manfaat ekonomi aset yang dipajak itu digunakan. Sewaan luar jangka yang timbul daripada pajakan operasi diiktiraf sebagai suatu perbelanjaan dalam tempoh di mana ia berlaku.

Sekiranya insentif pajakan diterima bagi mengadakan pajakan operasi, insentif sedemikian diiktiraf sebagai suatu liabiliti. Manfaat agregat insentif tersebut diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewaan dengan menggunakan kaedah garis lurus, melainkan terdapat kaedah sistematik lain adalah lebih sesuai bagi corak masa di mana manfaat ekonomi aset yang dipajak itu digunakan.

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan**Piawaian, Tafsiran dan Pindaan MFRS yang baru dan disemak semula**

Dasar perakaunan yang diguna pakai adalah konsisten dengan dasar-dasar perakaunan tahun kewangan sebelum ini.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah diterbitkan oleh MASB, yang berkuatkuasa dalam tempoh pelaporan kewangan semasa dan telah diterima pakai oleh PIDM dalam penyata kewangan ini:

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018:

- MFRS 9 *Financial Instruments* (IFRS 9 seperti yang diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014)
- Amendments to MFRS 1 *First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards (Annual Improvements 2014-2016 Cycle)*
- IC Interpretation 22 Foreign Currency Transactions and Advance Consideration

Pemakaian MFRS, tafsiran dan pindaan di atas tidak memberi sebarang kesan yang ketara ke atas pendedahan atau amaun yang dilaporkan dalam penyata kewangan, ini selain daripada yang berikut:

MFRS 9 *Financial Instruments* (IFRS 9 seperti yang diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014)

Pada tarikh berkuat kuasa, PIDM akan mengguna pakai MFRS 9 secara retrospektif dengan pilihan untuk tidak menyatakan semula maklumat perbandingan, kerana kesannya adalah tidak ketara. Oleh yang demikian, PIDM telah mengguna pakai MFRS 9 dan pindaan berbangkit kepada MFRS 7 yang diguna pakai untuk pendedahan bagi tahun 2018 dan tidak bukan kepada tempoh perbandingan. Begitu juga, dasar perakaunan bagi instrumen kewangan perbandingan adalah menurut MFRS 139.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)

MFRS 9 Financial Instruments (IFRS 9 seperti yang diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014) (sambungan)

MFRS 9 memperkenalkan keperluan baharu bagi:

- 1) Klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan;
- 2) Penjejasan nilai aset kewangan; dan
- 3) Perakaunan lindung nilai am.

Butiran keperluan baharu ini serta kesannya terhadap penyata kewangan PIDM dihuraikan di bawah. PIDM telah mengguna pakai MFRS 9 menurut peruntukan peralihan yang dinyatakan dalam MFRS 9.

Klasifikasi dan pengukuran aset kewangan

Tarikh penggunaan awal (iaitu tarikh di mana PIDM mula menilai aset kewangan dan liabiliti kewangan sedia ada menurut keperluan MFRS 9) adalah pada 1 Januari 2018. Oleh itu, PIDM telah mengguna pakai keperluan MFRS 9 terhadap instrumen yang masih terus diiktiraf setakat 1 Januari 2018 dan bukan terhadap instrumen yang telah dinyahiktiraf setakat 1 Januari 2018. Amaun bandingan berkaitan dengan instrumen yang terus diiktiraf setakat 1 Januari 2018 tidak dinyatakan semula menurut keperluan MFRS 9.

Semua aset kewangan yang diiktiraf yang berada dalam skop MFRS 9 adalah diukur kemudiannya pada kos terlunas atau nilai saksama berdasarkan model perniagaan entiti dalam mengurus aset kewangan serta ciri-ciri aliran tunai berkontrak bagi aset kewangan tersebut.

Secara khusus:

- instrumen hutang yang dipegang dalam suatu model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak, dan mempunyai aliran tunai berkontrak yang terdiri daripada hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak, diukur kemudiannya pada kos terlunas;
- instrumen hutang yang dipegang dalam suatu model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak dan juga menjual instrumen hutang tersebut, dan mempunyai aliran tunai berkontrak yang terdiri daripada hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak, diukur kemudiannya pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (FVTOCI);
- Semua instrumen hutang dan pelaburan ekuiti lain diukur kemudiannya pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (FVTPL).

Walaupun demikian, PIDM boleh membuat pemilihan/penentuan berikut yang tidak boleh dibatal pada pengiktirafan awal aset kewangan:

- PIDM boleh membuat pemilihan yang tidak boleh dibatal untuk mengemukakan perubahan seterusnya dalam nilai saksama suatu pelaburan ekuiti yang tidak dipegang untuk didagangkan atau bukan pertimbangan luar jangka yang diiktiraf oleh pihak pemeroleh bagi suatu transaksi gabungan perniagaan dalam pendapatan komprehensif lain; dan
- PIDM boleh membuat penentuan yang tidak boleh dibatal terhadap suatu pelaburan hutang yang memenuhi kriteria kos terlunas atau FVTOCI tetapi diukur pada FVTPL, sekiranya dengan berbuat demikian, ianya dapat mengelak atau mengurangkan dengan ketara ketidaksamaan perakaunan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)

MFRS 9 Financial Instruments (IFRS 9 seperti yang diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014) (sambungan)*Klasifikasi dan pengukuran aset kewangan (sambungan)*

Dalam tahun semasa, PIDM tidak menentukan sebarang pelaburan hutang yang memenuhi kriteria kos terlunas atau FVTOCI tetapi diukur pada FVTPL.

Apabila suatu pelaburan hutang yang diukur pada FVTOCI dinyahtirafkan, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain, perlu diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian sebagai pelarasan semula klasifikasi. Apabila suatu pelaburan ekuiti yang ditentukan untuk diukur pada FVTOCI dinyahtirafkan, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain, akan kemudiannya dipindahkan kepada pendapatan tertahan.

Instrumen hutang yang diukur kemudiannya pada kos terlunas atau pada FVTOCI adalah tertakluk kepada keperluan penjejasan nilai.

PIDM menyemak semula dan menilai aset kewangan sedia ada setakat 1 Januari 2018 berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh tersebut dan membuat kesimpulan bahawa pemakaian awal MFRS 9 ke atas aset kewangannya yang dikelaskan sebagai pegangan-hingga-matang dan pinjaman dan akaun belum terima di bawah MFRS 139 di mana ianya diukur pada kos terlunas, masih terus diukur pada kos terlunas di bawah MFRS 9. Ini adalah kerana aset kewangan tersebut dipegang dalam suatu model perniagaan dengan tujuan untuk mengumpul aliran tunai berkontrak dan aliran tunai ini terdiri daripada hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak.

Jadual berikut merumuskan kesan terhadap klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan PIDM:

Aset kewangan / Liabiliti kewangan	Nota	Kategori pengukuran asal dibawah MFRS 139	Amaun (RM)	Kategori pengukuran baru dibawah MFRS 9	Amaun (RM)
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	Pada nilai kos dan pegangan-hingga-matang	133,123	Kos terlunas	133,123
Pelaburan	5	Pegangan-hingga-matang	3,873,567	Kos terlunas	3,873,567
Aset kewangan lain	6a	Pinjaman dan akaun belum terima	41,770	Kos terlunas	41,770
Liabiliti kewangan lain	11a	Pada nilai kos	(4,218)	Kos terlunas	(4,218)

Tiada klasifikasi dan pengukuran semula aset kewangan dan liabiliti kewangan PIDM telah timbul daripada pemakaian MFRS 9.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)

MFRS 9 Financial Instruments (IFRS 9 seperti yang diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014) (sambungan)

Model penjejasan nilai kerugian kredit yang dijangka

Berhubung dengan penjejasan nilai aset kewangan, MFRS 9 menghendaki penggunaan model kerugian kredit yang dijangka berbanding model kerugian kredit yang ditanggung di bawah MFRS 139. Model kerugian kredit yang dijangka menghendaki PIDM untuk mengiktiraf peruntukan kerugian kredit yang dijangka (ECL) dan perubahan dalam ECL pada setiap tarikh pelaporan bagi mencerminkan perubahan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal aset kewangan yang berkenaan. Dalam lain kata, suatu peristiwa kredit semestinya berlaku sebelum ECL diiktiraf.

PIDM mempunyai tiga jenis aset kewangan yang tertakluk kepada model penjejasan nilai kerugian kredit yang dijangka menurut MFRS 9:

- Instrumen hutang yang dibawa pada kos terlunas;
- Aset kewangan lain; dan
- Semua deposit termasuk pelaburan dalam pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap

Hasil penilaian yang menilai sama ada terdapat peningkatan ketara risiko kredit sejak pengiktirafan awal instrumen kewangan yang masih diiktiraf pada tarikh pemakaian awal MFRS 9 (iaitu 1 Januari 2018) adalah seperti berikut:

Item sedia ada pada 1 Januari 2018 yang tertakluk kepada keperluan peruntukan MFRS 9	Nota	Atribut risiko kredit pada 1 Januari 2018	Elaun kerugian tambahan kumulatif yang diiktiraf pada 1 Januari 2018 (RM)
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	4	Perkara-perkara ini dinilai mempunyai risiko kredit yang rendah pada setiap tarikh pelaporan berdasarkan penilaian kredit luaran masing-masing. Oleh itu, PIDM menganggap bahawa risiko kredit ke atas instrumen kewangan ini tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal (seperti yang dibenarkan oleh MFRS 9) dan mengiktiraf 12-bulan untuk aset-aset tersebut.	–
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia dan Nota Kewangan Bank Negara	5		–
Sekuriti Hutang Swasta	5		–

Selain daripada pindaan penting kepada MFRS 7 yang menghendaki lebih banyak penzahiran di dalam penyata kewangan mengenai pendedahan PIDM terhadap risiko kredit (lihat Nota 22 (e) untuk butirannya), pemakaian piawaian ini tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap penyata kewangan PIDM. Peruntukan penjejasan nilai di bawah MFRS 139 berdasarkan model kerugian kredit yang ditanggung setakat 1 Januari 2018 adalah tidak ketara, dan ianya kekal tidak ketara apabila penilaian semula pada tarikh berkenaan dibuat menurut keperluan model kerugian kredit yang dijangka di bawah MFRS 9. Ianya juga kekal tidak ketara sepanjang tempoh pelaporan kewangan semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)*****MFRS 9 Financial Instruments (IFRS 9 seperti yang diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014) (sambungan)****Klasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan*

Perubahan ketara yang diperkenalkan oleh MFRS 9 dalam klasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan adalah berkaitan dengan perakaunan perubahan nilai saksama liabiliti kewangan yang ditentukan pada FVTPL akibat perubahan risiko kredit penerbit.

Secara khusus, MFRS 9 menghendaki perubahan dalam nilai saksama liabiliti kewangan akibat perubahan risiko kredit bagi liabiliti berkenaan dikemukakan dalam pendapatan komprehensif lain, melainkan apabila kesan pengiktirafan perubahan risiko kredit bagi liabiliti tersebut di dalam pendapatan komprehensif lain akan mewujudkan atau meningkatkan ketidaksamaan perakaunan dalam keuntungan atau kerugian. Perubahan dalam nilai saksama akibat risiko kredit suatu liabiliti kewangan tidak akan diklasifikasikan semula kepada keuntungan atau kerugian, tetapi sebaliknya dipindahkan kepada pendapatan tertahan apabila liabiliti kewangan tersebut dinyahtirafkan. Di bawah MFRS 139 sebelum ini, keseluruhan amaun bagi perubahan nilai saksama untuk suatu liabiliti kewangan yang ditentukan pada FVTPL akan dinyatakan dalam keuntungan atau kerugian.

Perubahan dalam dasar perakaunan ini tidak menjejaskan PIDM kerana PIDM tidak mempunyai sebarang liabiliti kewangan yang ditentukan pada FVTPL. Selain daripada itu, pemakaian MFRS 9 tidak mempunyai kesan ke atas klasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan PIDM.

Pendedahan berkaitan dengan pemakaian awal MFRS 9

Tidak ada aset kewangan atau liabiliti kewangan yang sebelum ini ditentukan oleh PIDM pada FVTPL di bawah MFRS 139 yang tertakluk kepada klasifikasi semula atau yang dipilih oleh PIDM untuk diklasifikasikan semula selepas pemakaian MFRS 9. Tiada aset kewangan atau liabiliti kewangan yang dipilih oleh PIDM untuk ditentukan pada FVTPL pada tarikh pemakaian awal MFRS 9. Tiada juga aset kewangan atau liabiliti yang telah diklasifikasi semula berikutan peralihan kepada MFRS 9.

Berikut adalah piawaian perakaunan dan pindaan terbitan MASB, yang berkuat kuasa dalam tempoh pelaporan kewangan semasa, tetapi pada masa ini, tidak berkaitan dengan operasi PIDM:

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula atau selepas 1 Januari 2018:

- MFRS 15 *Revenue from Contracts with Customers*
- Amendments to MFRS 2 *Classification and Measurement of Share-based Payment Transactions*
- Amendments to MFRS 4 *Insurance Contracts: Applying MFRS 9 Financial Instruments with MFRS 4 Insurance Contracts*
- Amendments to MFRS 140 *Investment Property: Transfers of Investment Property*
- Amendments to MFRS 128 *Investments in Associates and Joint Ventures (Annual Improvements 2014-2016 Cycle)*

Pindaan berikut telah dikeluarkan oleh MASB telah diterima pakai awal dalam tempoh pelaporan kewangan semasa dan telah diterima pakai oleh PIDM dalam penyata kewangan ini:

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019:

- MFRS 16 Leases

Dalam tahun semasa, PIDM buat pertama kali, telah mengguna pakai MFRS 16 Leases (seperti yang diterbitkan oleh MASB pada 15 April 2016) sebelum tarikh kuat kuasanya.

MFRS 16 memperkenalkan keperluan baharu atau dipinda berkaitan dengan perakaunan pajakan. Ia memperkenalkan perubahan ketara kepada perakaunan pemajak dengan memansuhkan perbezaan antara pajakan operasi dan kewangan dan menghendaki pengiktirafan aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan bagi semua pajakan, pada permulaan pajakan, kecuali pajakan jangka pendek dan pajakan aset nilai rendah. Berbeza dengan perakaunan pemajak, keperluan bagi perakaunan pemberi pajak kekal tidak banyak berubah. Butiran mengenai keperluan baharu ini dihuraikan dalam Nota 2.2 (i). Kesan pemakaian MFRS 16 terhadap penyata kewangan PIDM diterangkan di bawah.

Tarikh pemakaian awal MFRS 16 bagi PIDM adalah pada 1 Januari 2018.

PIDM telah mengguna pakai MFRS 16 melalui pendekatan retrospektif dengan kesan terkumpul ketika mula mengguna pakai Piawaian ini, diiktiraf pada tarikh pemakaian awal tanpa penyataan semula maklumat perbandingan ("pendekatan retrospektif yang diubah suai").

Bagi tujuan pemakaian pendekatan retrospektif yang telah diubahsuai kepada pajakannya, PIDM memilih untuk mengukur semua aset berkaitan hak penggunaan sebagai amaun yang sama dengan liabiliti pajakan, diselaraskan dengan sebarang amaun prabayaran atau bayaran pajakan terakru bagi pajakan yang diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sejurus sebelum tarikh mula pemakaian.

Kesan takrifan baharu pajakan

PIDM telah menggunakan peruntukan amalan praktikal yang tersedia untuk peralihan kepada MFRS 16, di mana ia tidak perlu menilai semula suatu kontrak lama berkaitan pajakan. Oleh itu, takrifan pajakan mengikut MFRS 117 dan Int. IC 4 telah terus digunakan untuk pajakan yang dibuat atau diubahsuai sebelum 1 Januari 2018.

Perubahan takrifan pajakan adalah terutamanya berkaitan dengan konsep kawalan. MFRS 16 menentukan sama ada suatu kontrak mengandungi pajakan berdasarkan sama ada pelanggan mempunyai hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi satu tempoh masa, apabila membuat pembayaran.

PIDM menggunakan takrifan pajakan dan panduan berkaitan yang dinyatakan dalam MFRS 16 bagi semua kontrak pajakan yang dibuat atau diubahsuai pada atau selepas 1 Januari 2018 (sama ada ia sebagai pemberi pajak atau pemajak dalam kontrak pajakan). Sebagai persediaan untuk kali pertama mengguna pakai MFRS 16, PIDM telah menjalankan satu projek pelaksanaan. Projek tersebut menunjukkan bahawa takrifan baharu dalam MFRS 16 tidak akan mengubah dengan ketara skop kontrak yang memenuhi takrifan pajakan bagi PIDM.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)*****MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019: (sambungan)****Kesan terhadap Perakaunan Pemajak**Pajakan operasi sebelum ini*

MFRS 16 mengubah kaedah PIDM dalam mempertimbangkan pajakan yang sebelum ini diklasifikasi di bawah MFRS 117, iaitu di luar lembaranimbangan.

Dengan mengguna pakai MFRS 16, bagi semua pajakan (kecuali yang dinyatakan di bawah), PIDM:

- (a) mengiktiraf aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan, yang mulanya diukur pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan masa hadapan;
- (b) mengiktiraf susut nilai aset berkaitan hak penggunaan dan kos kewangan pajakan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian; dan
- (c) mengasingkan jumlah amaun tunai yang dibayar kepada dua bahagian iaitu bahagian prinsipal (dinyatakan dalam aktiviti pembiayaan) dan faedah atau kos kewangan (dinyatakan dalam aktiviti operasi) di dalam Penyata Aliran Tunai.

Insentif pajakan (contohnya, tempoh sewa percuma) diiktiraf sebagai sebahagian daripada pengukuran aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan. Sebaliknya, di bawah MFRS 117 ianya menyebabkan pengiktirafan liabiliti insentif pajakan, yang dilunaskan sebagai pengurangan perbelanjaan sewa mengikut kaedah garis lurus.

Di bawah MFRS 16, aset berkaitan hak penggunaan diuji bagi penjejasan nilai menurut MFRS 136 *Impairment of Assets*. Ini menggantikan keperluan sebelum ini untuk mengiktiraf peruntukan untuk kontrak pajakan yang membebaskan.

Bagi pajakan jangka pendek (tempoh pajakan 12 bulan atau kurang) dan pajakan aset bernilai rendah (seperti pembahagi air), PIDM memilih untuk mengiktiraf perbelanjaan pajakan mengikut kaedah garis lurus seperti yang dibenarkan oleh MFRS 16. Perbelanjaan ini dinyatakan dalam perbelanjaan lain dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

PIDM menggunakan pendekatan praktikal berikut apabila mengguna pakai MFRS 16 bagi pajakan yang sebelum ini diklasifikasi sebagai pajakan operasi di bawah MFRS 117.

- Mengguna pakai kadar diskaun tunggal kepada portfolio pajakan yang mempunyai ciri-ciri yang sama.
- Tidak memasukkan kos langsung permulaan bagi pengukuran aset berkaitan hak penggunaan pada tarikh pemakaian awal.
- Menggunakan pengalaman lalu ketika menentukan tempoh pajakan sekiranya kontrak mengandungi pilihan untuk melanjutkan atau menamatkan pajakan tersebut.
- Tidak mengiktiraf aset berkaitan hak penggunaan atau liabiliti pajakan bagi pajakan dengan tempoh pajakan berakhir dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh pemakaian awal.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019: (sambungan)

Kesan terhadap Perakaunan Pemberi Pajak

MFRS 16 tidak mengubah dengan ketara kaedah perakaunan bagi pemberi pajak. Di bawah MFRS 16, pemberi pajak terus mengklasifikasi pajakan sama ada sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi dan mengambil kira kedua-dua jenis pajakan ini secara berbeza. Walau bagaimanapun, MFRS 16 telah mengubah dan memperluaskan pendedahan yang diperlukan, khususnya mengenai cara pemberi pajak menguruskan risiko yang timbul daripada baki kepentingan di dalam suatu aset pajakan.

Di bawah MFRS 16, pemberi pajak pertengahan mengambil kira pajakan utama dan sub-pajakan sebagai dua kontrak berasingan. Pemberi pajak pertengahan dikehendaki mengklasifikasi sub-pajakan sebagai pajakan kewangan atau operasi dengan merujuk kepada aset berkaitan hak penggunaan yang timbul daripada pajakan utama (dan bukan merujuk kepada aset pendasar sebagaimana dinyatakan di bawah MFRS 117). PIDM tidak mempunyai sebarang pajakan sebagai pemberi pajak. Oleh itu perakaunan pemberi pajak tidak mempunyai sebarang kesan kepada PIDM.

Kesan kewangan pemakaian awal MFRS 16

Dengan peralihan kepada MFRS 16, PIDM mengiktiraf penambahan sebanyak RM28.9 juta bagi aset berkaitan hak penggunaan dan juga liabiliti pajakan.

Apabila mengukur liabiliti pajakan, PIDM mendiskaun pembayaran pajakan menggunakan kadar peminjaman tambahan pada 1 Januari 2018. Kadar purata wajaran yang diguna pakai adalah 5.76%.

Komitmen pajakan operasi pada 31 Disember 2017 seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan PIDM

Diskaun menggunakan kadar pinjaman tambahan pada 1 Januari 2018

- Pengecualian pengiktirafan untuk pajakan jangka pendek
- Opsyen sambungan yang munasabah pasti untuk dilaksanakan
- Pengubahsuaian pajakan pada 1 Januari 2018
- Perubahan dalam cukai perkhidmatan

Liabiliti pajakan diiktiraf pada 1 Januari 2018

**1 Januari
2018
RM'000**

23,757

21,363

(57)

8,924

(159)

(1,209)

28,862

Piawaian MFRS baharu dan disemak semula, Tafsiran dan Pindaan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran kepada rangka kerja MFRS terbitan MASB, yang akan berkuat kuasa pada tempoh pelaporan kewangan masa hadapan tetapi pada masa ini tidak berkaitan dengan operasi PIDM:

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)**2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)**

Piawaian MFRS baharu dan disemak semula, Tafsiran dan Pindaan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019:

- Amendments to MFRS 3 *Business Combinations (Annual Improvements 2015-2017 Cycle)*
- Amendments to MFRS 11 *Joint Arrangements (Annual Improvements 2015-2017 Cycle)*
- Amendments to MFRS 112 *Income Taxes (Annual Improvements 2015-2017 Cycle)*
- Amendments to MFRS 123 *Borrowing Costs (Annual Improvements 2015-2017 Cycle)*
- Amendments to MFRS 128 *Long-term Interests in Associates and Joint Ventures*
- IC Interpretation 23 *Uncertainty over Income Tax Treatments*

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020:

- Amendments to MFRS 3 *Definition of a Business*

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021:

- MFRS 17 *Insurance Contracts*

Berikut adalah pindaan dan tafsiran terbitan MASB yang akan berkuat kuasa bagi tempoh pelaporan kewangan masa hadapan dan belum diterima pakai oleh PIDM di dalam penyata kewangan ini:

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019:

- Amendments to MFRS 9 *Prepayment Features with Negative Compensation*
- Amendments to MFRS 119 *Plan Amendment, Curtailment or Settlement*

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020:

- Amendments to MFRS 101 *Definition of Material*
- Amendments to MFRS 108 *Definition of Material*

PIDM tidak menjangkakan bahawa pemakaian Piawaian MFRS yang disenaraikan di atas akan memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan PIDM pada masa akan datang, kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

Piawaian MFRS baharu dan disemak semula, Tafsiran dan Pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa

Amendments to MFRS 9 Prepayment Features with Negative Compensation

Pindaan kepada MFRS 9 ini menjelaskan bahawa bagi tujuan menilai sama ada ciri prabayaran memenuhi syarat SPPI, pihak yang melaksanakan opsyen boleh membayar atau menerima pampasan yang munasabah untuk prabayaran tanpa mengira sebab untuk prabayaran tersebut. Dalam erti kata lain, ciri-ciri prabayaran dengan pampasan negatif tidak secara automatiknya menggagalkan ujian SPPI.

Pindaan ini akan diguna pakai bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019, di mana pemakaian lebih awal adalah dibenarkan. Terdapat peruntukan peralihan khusus yang tersedia, tetapi bergantung kepada masa pindaan ini diguna pakai untuk pertama kali, berbanding dengan pemakaian asal MFRS 9.

PIDM tidak menjangkakan bahawa pemakaian pindaan ini pada masa hadapan akan memberi kesan kepada penyata kewangan PIDM.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)

Piawaian MFRS baharu dan disemak semula, Tafsiran dan Pindaan yang telah diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)

Amendments to MFRS 119 Employee Benefits Plan Amendment, Curtailment or Settlement

Pindaan ini menentukan bagaimana entiti-entiti menentukan perbelanjaan persaraan apabila berlaku perubahan kepada suatu rancangan manfaat persaraan ditentukan.

Apabila perubahan kepada suatu rancangan — pindaan, pengurangan atau penyelesaian — berlaku, MFRS 119 menghendaki entiti untuk mengukur semula liabiliti (atau aset) manfaat bersih yang ditetapkan. Pindaan ini menghendaki entiti untuk:

- Mengira kos perkhidmatan lampau atau pendapatan atau kerugian atas penyelesaian yang dikira dengan mengukur liabiliti (aset) yang ditentukan dengan menggunakan andaian yang telah dikemas kini. Entiti harus mengabaikan kesan had tertinggi aset.
- Mengira kos perkhidmatan semasa dan faedah atau pulangan bersih ke atas liabiliti (aset) manfaat bersih yang ditentukan dengan menggunakan andaian yang dikemas kini.

PIDM juga mempunyai rangka kerja pembiayaan untuk menguruskan keperluan pembiayaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Objektif utama rangka kerja itu adalah untuk memastikan PIDM mempunyai sumber kewangan mencukupi bagi operasi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mantap. Rangka kerja pembiayaan itu juga mengambil kira peranan PIDM dalam jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan serta objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

c. Risiko kecairan (sambungan)

- i. **Pembiayaan dalaman** disediakan menerusi pengumpulan lebih bersih operasi selepas perbelanjaan. Pengumpulan lebih bersih dikreditkan ke dalam Dana perlindungan masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa depan yang mungkin timbul hasil daripada penyediaan program perlindungan konsumer kewangan.
- ii. **Pembiayaan luaran** boleh diperolehi menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pinjaman daripada pasaran modal atau sumber-sumber lain yang dianggap perlu dan sesuai. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk meminjam atau memperolehi dana bagi memenuhi obligasinya. PIDM boleh meminjam daripada Kerajaan dengan kelulusan Menteri Kewangan dengan terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

Tiada perubahan kepada pendedahan PIDM terhadap risiko kecairan atau cara risiko ini diuruskan dan diukur.

d. Risiko pasaran

Risiko pasaran PIDM berkait rapat dengan risiko kerugian yang disebabkan oleh perubahan negatif dalam nilai pegangan aset berikutan pergerakan dalam kadar atau harga pasaran. Risiko pasaran bagi PIDM termasuk risiko yang berkaitan dengan pelaburan. Pendedahan risiko pasaran PIDM boleh berubah semasa operasi biasa atau kesan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Semasa operasi biasa, PIDM melabur di dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana yang bertujuan untuk dipegang sehingga matang. Oleh itu, pendedahan PIDM kepada risiko pasaran dalam konteks pelaburan ini ialah minimum.

Tiada perubahan kepada pendedahan PIDM terhadap risiko pasaran atau cara risiko ini diuruskan dan diukur.

e. Risiko kredit

PIDM melabur dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, Nota Kewangan Bank Negara, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya akan gagal dalam pembayaran dan oleh itu, menganggap risiko kredit ke atas aset pelaburannya amat minimum.

Selain sekuriti pelaburan Kerajaan dan Nota Kewangan Bank Negara, PIDM juga mempunyai pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta yang merupakan sebahagian daripada aset pelaburan yang dipindahkan daripada bekas Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang sebelum ini ditadbir oleh Bank Negara Malaysia. Pelaburan ini telah dipindahkan kepada PIDM dalam tahun 2011 dan merangkumi Sekuriti Hutang Swasta yang diterbitkan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan yang terus mengekalkan penarafan AAA atau tiada penarafan pada tahun semasa.

2018

Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta

– Nilai prinsipal (RM'000)

2017

Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta

– Nilai prinsipal (RM'000)

Penarafan Sekuriti Hutang Swasta

Bekas Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans

	20,000	10,000
	25,000	20,000
	AAA	Tiada penarafan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

e. Risiko kredit (sambungan)

Selain daripada portfolio IGSF, PIDM juga memegang Sekuriti Hutang Swasta lain yang dikeluarkan oleh entiti yang berkaitan dengan kerajaan selaras dengan Polisi Pelaburan. Pada 31 Disember 2018, nilai utama Sekuriti Hutang Swasta ini berjumlah RM225 juta.

PIDM secara berterusan memantau kedudukan kredit penerbit Sekuriti Hutang Swasta untuk sebarang penurunan harga dalam penilaian kredit.

Dalam menentukan kerugian kredit yang dijangkakan bagi aset-aset ini, PIDM telah mengambil kira sejarah pengalaman kegagalan, kedudukan kewangan pihak berkaitan, serta prospek masa hadapan industri di mana penerbit sekuriti dan nota beroperasi. Maklumat tersebut diperolehi daripada laporan pakar ekonomi, laporan penganalisis kewangan. Juga jika perlu, dalam menganggarkan kebarangkalian berlaku kegagalan setiap aset kewangan bagi tempoh masa penilaian kerugian masing-masing, serta kerugian apabila berlaku kegagalan bagi setiap kes, pertimbangan diberi kepada pelbagai sumber luaran mengenai maklumat ekonomi sebenar dan yang diramalkan.

Maklumat penarafan kredit dibekalkan oleh agensi penarafan bebas yang tersedia dan, jika tidak tersedia, PIDM menggunakan maklumat kewangan yang tersedia kepada pihak awam dan rekod PIDM sendiri untuk menilai pihak berkaitan utamanya.

Rangka kerja semasa PIDM berkenaan penggredan risiko kredit merangkumi kategori berikut:

Kategori	Huraian	Asas bagi pengiktirafan kerugian kredit yang dijangkakan
Berbayar/ baik	Pihak terbabit mempunyai risiko kegagalan yang rendah dan tidak mempunyai amaun lampau tempoh	ECL 12 bulan
Meragukan	Amaun adalah >30 hari lampau tempoh atau terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal	ECL jangka hayat – tidak terjejas kredit
Mungkir	Amaun adalah >90 hari lampau tempoh dan terdapat bukti yang menunjukkan aset adalah terjejas kredit	ECL jangka hayat – terjejas kredit
Hapus kira	Terdapat bukt bahawa penghutang mengalami kesukaran kewangan yang teruk dan PIDM tidak mempunyai prospek realistik untuk pulih	Amaun hapus kira

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

e. Risiko kredit (sambungan)

Jadual di bawah memperincikan kualiti kredit aset kewangan PIDM serta pendedahan maksimum PIDM terhadap risiko kredit mengikut gred penarafan risiko kredit.

31 Disember 2018	Nota	Penarafan kredit luar	Penarafan kredit dalam	12-bulan ECL atau jangka hayat
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5	<i>Sovereign</i>	Berbayar / baik	12-bulan ECL
Sekuriti Hutang Swasta	5	AAA	Berbayar / baik	12-bulan ECL
Pendapatan pelaburan belum terima	6	<i>Sovereign & AAA</i>	Berbayar / baik	12-bulan ECL
Deposit	6	Tidak berkenaan	Berbayar / baik	12-bulan ECL
Akaun belum terima lain	6	Tidak berkenaan	Berbayar / baik	12-bulan ECL

Analisa sensitiviti

Asas dan huraian umum mengenai input dan andaian utama dalam menentukan dan mengukur ECL dinyatakan dalam Nota 2.2 (a) (i) hingga (v). Seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.2 mengenai sumber utama anggaran ketidakpastian, pengiraan ECL merupakan keluaran model kompleks dengan sebilangan andaian pendasar mengenai pilihan input boleh ubah dan kebergantungannya, dan oleh itu, adalah sensitif kepada perubahan dalam andaian utama dan input boleh ubah ini.

Memandangkan aset kewangan PIDM terutamanya terdiri daripada aset berkaitan pelaburan, termasuk akaun pendapatan pelaburan belum terima, andaian yang paling ketara yang memberi kesan kepada peruntukan ECL adalah yang memberi kesan kepada kebarangkalian kegagalan (PD) dan kerugian akibat kegagalan (LGD) aset-aset tersebut.

Aset pelaburan PIDM terutamanya adalah aset berisiko rendah yang terdiri daripada Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia serta Nota Kewangan Bank Negara Malaysia. Satu-satunya kategori aset pelaburan yang mungkin lebih terdedah kepada penjejasan nilai berkaitan risiko kredit adalah ke atas Sekuriti Hutang Swasta yang dipegang oleh PIDM yang diberi penarafan minimum AAA. Oleh itu, bagi tujuan melaksanakan analisa sensitiviti, satu-satunya senario yang diandaikan adalah penurunan satu tahap dalam penarafan kredit, iaitu daripada AAA kepada AA1, yang mana memberi kesan sepadan kepada PD yang berkenaan. Walau bagaimanapun, penurunan satu tahap ini tidak bermaksud penjejasan nilai yang ketara yang memerlukan peruntukan ECL jangka hayat.

Berkenaan dengan LGD, bagi tujuan melaksanakan analisa sensitiviti, dua senario diandaikan iaitu peningkatan dan penurunan LGD masing-masing sebanyak 10%.

Kesan ke atas keuntungan atau kerugian PIDM yang timbul daripada pergerakan PD dan LGD seperti yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

e. Risiko kredit (sambungan)

Anggapan PD adalah asas pergerakan penarafan kredit dari AAA kepada AA1, tetapi kekal dalam Tahap 1 – 12-bulan ECL.

		LGD meningkat 10% RM'000	LGD menurun 10% RM'000
	Nota		
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5	—	—
Sekuriti Hutang Swasta	5	(110)	(18)
Pendapatan Pelaburan belum terima	6	(2)	(2)
Deposit	6	—*	—*
Akaun belum terima lain	6	—*	—*
Peningkatan / (penurunan) dalam lebihan bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2018		(112)	(20)

* Kesan pergerakan pada PD dan LGD ke atas pengiraan ECL bagi kelas aset kewangan kekal tidak ketara.

23. NILAI SAKSAMA

PIDM mempunyai rangka kerja dan polisi yang mapan yang memberi panduan mengenai penilaian praktikal, prinsip dan pendekatan analitikal bagi penubuhan penilaian berhemat instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama instrumen kewangan ialah jumlah yang mana instrumen tersebut boleh ditukar atau diselesaikan antara pihak-pihak berpengetahuan dan bersetuju dalam transaksi wajar, selain daripada jualan paksa atau pembubaran. Penilaian instrumen kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga yang tersenarai dalam pasaran aktif atau dengan menggunakan teknik-teknik penilaian berdasarkan input boleh cerap atau input tidak boleh dicerap. Pertimbangan pengurusan telah dijalankan dalam memilih dan mengguna-pakai parameter, andaian dan teknik-teknik pemodelan yang sesuai yang mana beberapa atau kesemua input parameter tidak boleh dicerap dalam memperoleh nilai saksama.

Di samping itu, PIDM terus memantapkan reka bentuk dan metodologi serta proses pengesahan yang digunakan untuk menghasilkan penilaian. Model penilaian disahkan secara dalaman dan luaran, dengan semakan berkala bagi memastikan model masih sesuai untuk diguna.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

23. NILAI SAKSAMA (sambungan)

Penilaian nilai saksama

i. Tahap 1: Sebut harga

Merujuk kepada instrumen kewangan yang terdapat dalam pasaran aktif sekiranya sebut harga adalah mudah dan boleh didapati daripada pertukaran, peniaga, broker, perkhidmatan penetapan harga atau agensi kawal selia. Harga tersebut juga perlu mewakili urusan niaga pasaran sebenar dan kerap berlaku pada asas wajar. Instrumen kewangan sedemikian termasuk sekuriti kerajaan yang aktif diniagakan.

ii. Tahap 2: Teknik penilaian menggunakan input boleh diperhatikan

Merujuk kepada input selain daripada sebut harga yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga). Contoh Tahap 2 instrumen kewangan termasuk bon korporat dan bon kerajaan yang lain.

iii. Tahap 3: Teknik penilaian menggunakan input tidak boleh diperhatikan secara ketara

Merujuk kepada instrumen kewangan yang mana nilai saksama diukur menggunakan input pasaran tidak boleh diperhatikan secara ketara. Teknik penilaian adalah konsisten dengan Tahap 2. Teknik penilaian yang dipilih menggabungkan andaian sendiri PIDM dan datanya. Contoh instrumen Tahap 3 termasuk bon korporat dalam pasaran yang kurang kecairan.

Kelas dan kategori instrumen kewangan dan nilai saksamanya

Jadual berikut menggabungkan maklumat mengenai:

- kelas instrumen kewangan berdasarkan jenis dan ciri-ciri;
- amaun bawaan instrumen kewangan; dan
- tahap hierarki nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang mana nilai saksamanya didedahkan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

23. NILAI SAKSAMA (sambungan)

Kelas dan kategori instrumen kewangan dan nilai saksamanya (sambungan)

31 Disember 2018

	Nilai bawaan	Nilai saksama		
		Tahap		
		1	2	3
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset kewangan - Kos dilunaskan				
Pelaburan (Nota 5)	3,873,567	–	3,870,969	–
Tunai dan kesetaraan tunai (Nota 4)	133,123	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Aset kewangan lain (Nota 6a)	41,770			
Jumlah aset kewangan	4,048,460			
Liabiliti kewangan - Kos dilunaskan				
Liabiliti kewangan lain (Nota 11a)	4,219	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Liabiliti pajakan (Nota 10)	24,735			
Jumlah liabiliti kewangan	28,954	–	–	–

31 Disember 2017

	Nilai bawaan	Nilai saksama		
		Tahap		
		1	2	3
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset kewangan - Kos dilunaskan				
Pelaburan (Nota 5)	3,498,582	–	3,499,613	–
Tunai dan kesetaraan tunai (Nota 4)	26,163	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Aset kewangan lain (Nota 6a)	37,018			
Jumlah aset kewangan	3,561,763			
Liabiliti kewangan - Kos dilunaskan				
Liabiliti kewangan lain (Nota 11a)	9,371	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Liabiliti pajakan (Nota 10)	–			
Jumlah liabiliti kewangan	9,371	–	–	–

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

23. NILAI SAKSAMA (sambungan)

Kelas dan kategori instrumen kewangan dan nilai saksamanya (sambungan)

Nilai saksama pelaburan adalah lebih rendah daripada jumlah bawaannya disebabkan oleh sensitiviti harga sekuriti ini yang timbul daripada pergerakan kadar faedah dan kadar pulangan, dan bukan disebabkan oleh kemerosotan kredit sekuriti tersebut. Oleh kerana pelaburan ini dipegang-hingga-matang, pendedahan risiko yang timbul daripada pergerakan kadar faedah dan kadar pulangan tidak memberi impak yang ketara kepada penyata kewangan. Rujuk kepada Nota 22 (b) mengenai pendedahan pengurusan risiko kadar faedah dan kadar risiko pulangan.

Nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama (tetapi pendedahan nilai saksama adalah diperlukan)

Nilai saksama instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai Tahap 2 ke atas ditentukan dengan menggunakan input yang boleh diperhatikan. Khususnya, bagi pelaburan pada kos terlunas, nilai saksama yang didedahkan menunjukkan nilai pasarannya pada penghujung tahun kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran yang ditunjukkan yang diperolehi daripada agensi penetapan harga bon.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

24. LIABILITI LUAR JANGKA**Pendedahan kepada kerugian**

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

Sepanjang tahun, tiada kejadian berlaku yang memerlukan PIDM membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Jika suatu institusi ahli dianggap tidak berdaya maju oleh badan kawal selia, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa yang perlu untuk campur tangan dan menyelesaikan institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan rizab Kumpulan Dana menerusi pengumpulan lebih bersih operasi tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi.

Lebih terkumpul disimpan di dalam setiap Kumpulan Dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ianya berlaku. Seperti yang dibincangkan di dalam penyata kewangan Nota 12, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi memastikan tahap dana yang mencukupi untuk membiayai jangkaan kerugian bersih dari aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Sekiranya sesuatu Kumpulan Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi kewajipannya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Pendedahan operasi

Kontraktor utama yang bertanggungjawab terhadap pembinaan pusat pemulihan bencana PIDM telah membuat tuntutan terhadap PIDM melalui prosiding timbang tara. PIDM telah memfailkan kes pembelaan dan membuat tuntutan balas sebagai tindak balas terhadap tuntutan kontraktor utama tersebut. Pendedahan tuntutan terhadap PIDM adalah kira-kira RM1.2 juta. Selepas pertimbangan nasihat undang-undang yang sewajarnya, walaupun berkemungkinan tuntutan tersebut berjaya, kebarangkaliannya adalah rendah. Oleh itu, tiada peruntukan telah dibuat di dalam penyata kewangan.



GLOSARI ISTILAH

Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank Islam ahli atau bank perdagangan ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit Islam.

Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan konvensional dan faedah diperolehi, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit konvensional.

Dana Perlindungan Insurans Am

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans am dan faedah diperolehi, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Insurans Hayat

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan operasi perniagaan insurans hayat dan faedah diperolehi, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Am

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful am dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Keluarga

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana sasaran

Dana sasaran, pada umumnya, merupakan paras dana terkumpul yang diperlukan bagi menanggung dengan sewajarnya kerugian yang dijangkakan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Indeks Keterlibatan Berterusan

Kekuatan hubungan kakitangan terhadap PIDM berdasarkan komitmen dalam mencapai matlamat kerja, pemberdayaan dan pengalaman kerja yang menggalakkan kesejahteraan.

Institusi ahli

Ahli PIDM yang terdiri daripada ahli penginsurans dan bank ahli.

Ahli penginsurans

Semua syarikat insurans (termasuk subsidiari syarikat insurans asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat dan / atau am di Malaysia, serta pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau am di Malaysia. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh ahli penginsurans boleh didapati di laman web PIDM.

Bank ahli

Semua bank perdagangan (termasuk subsidiari bank-bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh bank ahli boleh didapati di laman web PIDM.

Intervensi dan resolusi kegagalan

Intervensi merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi ahli bagi menangani keprihatinan tertentu terhadap institusi ahli. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang resolusi kegagalan diambil ke atas institusi ahli tersebut. Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan bagi menangani sesebuah institusi ahli yang gagal yang telah diisytiharkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai tidak berdaya maju.

Jaringan keselamatan kewangan

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit pemantauan dan pengawalseliaan berhemat, dan pemberi pinjaman usaha akhir.

Jumlah Deposit Diinsuranskan

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM dalam institusi ahli.

Kumpulan Dana Perlindungan

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Konvensional, Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Islam

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Takaful

Merujuk kepada Dana Perlindungan Takaful Am, dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Manfaat insurans

Jumlah yang dibayar dibawah liputan polisi yang ditanggung oleh sesebuah syarikat insurans atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan insurans bagi syarikat insurans tersebut.

Manfaat takaful

Amaun yang dibayar di bawah perlindungan sijil takaful yang mana pengendali takaful bertanggungjawab kepada mana-mana individu dalam operasi biasa perniagaan takaful atau pengendali takaful.

Mata wang asing

Mana-mana mata wang selain Ringgit Malaysia, iaitu mata wang Malaysia.

GLOSARI ISTILAH

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan-1

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan-1 dikira sebagai peratusan daripada Modal Ekuiti Biasa Kumpulan-1 bank ahli daripada aset berwajaran risiko mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal Bank Negara Malaysia. Modal Ekuiti Biasa Kumpulan-1 adalah modal kualiti tertinggi untuk bank ahli, manakala aset berwajaran risiko dikira berdasarkan pengagregatan aset bank berwajaran terhadap faktor-faktor yang berkaitan dengan risiko bank. Keperluan kawal selia minimum untuk Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan-1 adalah 4.5%.

Pembayaran Balik

Proses yang dilaksanakan oleh PIDM untuk membayar balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit yang layak, atau manfaat yang dilindungi kepada benefisiari takaful atau individu yang diinsuranskan yang layak bagi institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut seksyen 56 dan 57, serta seksyen 80 dan 81 Akta PIDM.

Pemilik polisi

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada polisi insurans dan termasuk pemilik serah hak, iaitu wakil persendirian pemilik polisi yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pemilik sijil takaful

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada sijil takaful dan termasuk pemilik serah hak, iaitu wakil persendirian pemilik sijil yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pengurusan Risiko Organisasi

Rangka kerja ini diterima pakai secara menyeluruh dalam organisasi bertujuan memastikan dan menunjukkan bahawa risiko utama sesebuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Prinsip Syariah

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, Sunnah (hadis dan perlakuan Nabi Muhammad s.a.w.), Ijma' (persetujuan cendekiawan Islam) dan Qiyas (perumpamaan).

Rosot nilai

Sesuatu pinjaman / aset pembiayaan dianggap merosot nilai sekiranya bukti objektif rosot nilai adalah disebabkan oleh (i) suatu peristiwa kerugian yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut; (ii) suatu peristiwa kerugian yang mempunyai impak terhadap aliran tunai masa depan yang dianggarkan; dan (iii) anggaran jumlah kerugian andal yang boleh dibuat.

Sistem Insurans Deposit

Sistem yang dibangunkan oleh PIDM untuk melindungi pendeposit terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan yang ditempatkan dengan bank ahli dan bagi menyelesaikan bank ahli, sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

Sistem Levi Berbeza

Sistem yang mengenakan levi kepada ahli penginsurans pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful

Sistem yang mengenakan levi kepada pengendali takaful pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Deposit

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses maklumat pendeposit untuk mengira jumlah deposit yang diinsuranskan mengikut entiti. Sistem ini mengendalikan proses yang termasuk pengagregatan akaun deposit bagi entiti yang sama, membuat pelarasan pembayaran, penahanan pembayaran dan menjana fail pembayaran untuk tujuan pembayaran.

Sistem Pengurusan Pembayaran

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses pembayaran balik kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran balik.

Sistem Pengurusan Tuntutan

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memantau kemajuan tuntutan dan jumlah yang perlu dibayar kepada benefisiari takaful atau individu yang diinsuranskan sekiranya berlaku pembayaran balik.

Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk mengekalkan butiran perinci pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran.

Sistem Penilaian Risiko

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk menilai tahap dan kawalan risiko institusi ahli dan menyediakan kedua-dua risiko semasa (risiko agregat) dan prospek (arah risiko) institusi ahli. Ini adalah supaya risiko baru muncul dapat dikenal pasti dan tindakan diambil tepat pada masanya, sebelum risiko tersebut menjadi kenyataan.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Sistem yang dibangunkan oleh PIDM untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak dan bagi menyelesaikan ahli penginsurans, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

Sistem Premium Berbeza

Sistem yang mengenakan premium kepada bank ahli pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

RUJUKAN TEKNIKAL

SUMBER DANA DAN KEUPAYAAN KEWANGAN

Rangka Kerja Pembiayaan

Sebagai sebuah badan berkanun, sumber pembiayaan dan keupayaan masa depan bagi memenuhi liabiliti dan komitmen sekiranya berbangkit, jelas dinyatakan dalam Akta PIDM. Penting sekali bagi kami untuk mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mentadbir dan mengendalikan secara efektif Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mapan. Keperluan terhadap sumber kewangan yang tersedia adalah kritikal dalam memastikan kami berupaya memenuhi obligasi dengan tahap keyakinan yang tinggi apabila perlu. Sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan, kami mempunyai pendedahan secara langsung kepada kerugian akibat fungsi melindungi deposit yang disimpan di bank-bank ahli serta manfaat takaful dan insurans yang disediakan oleh ahli penginsurans. Bagi tahun semasa, tiada sebarang peristiwa yang memerlukan kami merekodkan peruntukan khusus di dalam penyata kewangan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) *MFRS 137 Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Rangka kerja pembiayaan kami menekankan perlunya sumber kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan mandatnya secara efektif serta menangani pendedahan risiko yang dihadapi. Objektif utama rangka kerja pembiayaannya adalah untuk:

- (a) memastikan ketersediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi membolehkan kami membiayai operasi harian; dan
- (b) membina rizab bagi memastikan kami berupaya memenuhi obligasi masa depan kepada pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans. Rangka kerja pembiayaan tersebut, mengambil kira peranan kami sebagai salah satu daripada pihak berkuasa jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan, serta menyediakan objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

Pembiayaan Dalaman

Dana dalaman kami dibangunkan menerusi pengumpulan lebih bersih daripada operasi. Lebih bersih tahunan dikreditkan dan dikumpulkan dalam Dana masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa depan yang mungkin berbangkit akibat daripada menyediakan sistem perlindungan konsumer kewangan. Seperti dinyatakan sebelum ini, perbelanjaan operasi dikreditkan kepada Dana masing-masing mengikut asas peruntukan kos seperti diuraikan dalam Nota 2.2(f)(2) kepada penyata kewangan dan tiada percampuran antara Dana-dana tersebut.

Objektif Dana Sasaran dan Prinsip-prinsip Panduan

Terma dana sasaran atau nisbah rizab sasaran secara umum merujuk kepada tahap dana dalaman yang disasar untuk dikumpul dalam jangka masa panjang bagi mencapai matlamat dan memenuhi mandat kami. Dana sasaran diwujudkan untuk menampung jangkaan kerugian bersih yang timbul daripada mana-mana aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Objektif membangunkan rangka kerja dana sasaran adalah untuk: (a) menyediakan asas dalam menilai kecukupan paras semasa Dana-dana; dan (b) mengenal pasti pendekatan yang sistematik untuk menentukan paras sasaran Dana masing-masing.

Rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, Dana Perlindungan Insurans Am dan Dana Perlindungan Insurans Hayat, masing-masing diwujudkan pada tahun 2011, 2015 dan 2016. Rangka kerja dana sasaran bagi Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga disiapkan dan dilaksanakan dalam tahun 2018.

RUJUKAN TEKNIKAL

Objektif Dana Sasaran dan Prinsip-prinsip Panduan (sambungan)

Pembangunan rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga adalah berdasarkan prinsip-prinsip panduan yang sama, seperti berikut:

- (a) **Prinsip Pertama:** Dana sasaran perlu diwujudkan untuk menangani kegagalan berkala dan bukan kegagalan sistemik.
- (b) **Prinsip Kedua:** Dana sasaran hendaklah menampung kerugian bersih yang mungkin dijangka timbul daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.
- (c) **Prinsip Ketiga:** Secara optimumnya, penentuan paras dana sasaran perlu mengimbangi kesan terhadap pihak pemegang kepentingan, dari segi saiz dana sasaran dan rangka masa bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.
- (d) **Prinsip Keempat:** Paras dana sasaran perlu ditetapkan sebagai "jajaran" dan bukannya amaun yang mutlak.

Pendekatan Model Dana Sasaran

Dalam membangunkan dana sasaran, kami menerima pakai kedua-dua pemodelan statistik dan pendekatan mengikut budi bicara bagi menentukan jajaran dana sasaran:

(a) Pendekatan pemodelan statistik

Kami menerima pakai model statistik Nilai-pada-Risiko dalam membangunkan rangka kerja dana sasaran. Di bawah pendekatan pemodelan statistik ini, Nilai-pada-Risiko ditentukan untuk menilai pendedahan kami kepada kerugian bersih berpandukan anggaran kebarangkalian kegagalan institusi ahli, pendedahan semasa kegagalan, korelasi kegagalan dan kemungkinan pemulihan berlaku dalam sebarang tindakan intervensi dan resolusi kegagalan ke atas institusi ahli yang tidak berdaya maju. Bagi menentukan kecukupan tahap dana untuk menampung kerugian bersih, berdasarkan tahap keyakinan tertentu, kami memanfaatkan simulasi *Monte Carlo* yang digunakan dalam model statistik Nilai-pada-Risiko. Simulasi berkenaan menggunakan bilangan senario kerugian yang ketara untuk membina agihan kerugian statistik bertujuan untuk menentukan paras dana sasaran yang mampu menampung kerugian atau memenuhi kos insolvensi dalam tempoh masa dan paras keyakinan yang tertentu.

(b) Pendekatan mengikut budi bicara

Dalam menentukan jajaran dana sasaran, kami juga mengambil kira faktor kualitatif lain seperti mandat dan kuasa perundangan kami, landskap industri perbankan dan insurans dan persekitaran operasi serta rejim kawal selia dan penyeliaan kewangan di Malaysia. Faktor-faktor kualitatif ini digunakan secara langsung dalam model statistik atau digunakan dalam penentuan jajaran dana sasaran.



RUJUKAN TEKNIKAL

Risiko dan Sensitiviti terhadap Pemodelan Dana Sasaran

Proses penganggaran paras dana sasaran tertakluk kepada ketidakpastian kerana input-input kepada model tersebut adalah berdasarkan kepada set andaian. Justeru, model tersebut berasaskan dan bergantung kepada beberapa faktor utama seperti berikut:

Jadual 1: Faktor-faktor Sensitif Utama Model Dana Sasaran

Persekitaran Operasi - Model tersebut berasaskan kepada andaian bahawa persekitaran operasi institusi ahli tidak berubah dengan ketara dalam jangka masa terdekat. Ini termasuk keadaan ekonomi dan profil risiko setiap institusi ahli, landskap industri kewangan dan juga rejim pengawalseliaan. Perubahan ketara atau drastik kepada ciri-ciri ini atau ciri-ciri yang lain mungkin menghasilkan paras dana sasaran dalam jajaran tertentu yang berbeza berbanding apa yang diperlukan sebelumnya. Namun demikian, persekitaran operasi akan dikaji semula dan disahkan berdasarkan model yang digunakan pada setiap tahun.

Mandat dan kuasa - Mandat dan kuasa yang ditentukan dalam Akta PIDM, antara lainnya, membolehkan kami melaksanakan intervensi dan resolusi terhadap institusi ahli bermasalah dengan segera bagi meminimumkan kesan kegagalan institusi tersebut terhadap sistem kewangan. Pemodelan dan anggaran dana sasaran dibuat berdasarkan mandat dan kuasa semasa yang digariskan dalam Akta PIDM. Sebarang perubahan ketara terhadap mandat dan kuasa kami mungkin menjejaskan andaian yang dibuat menggunakan model, dan seterusnya anggaran paras dana sasaran. Bagaimanapun, kami tidak menjangka berlakunya sebarang perubahan ketara dalam mandat dan kuasa kami dalam tempoh terdekat ini.

Dana sasaran ini tidak statik dan akan dikaji semula serta disahkan setiap tahun bagi memastikan paras dana ini adalah relevan dan sejajar dengan sebarang perubahan andaian atau input yang digunakan.

Pemboleh Ubah Input Utama bagi Model Statistik

Model statistik ini menentukan jangkaan kerugian menggunakan pemboleh ubah input utama berikut:

Jadual 2: Pemboleh Ubah Input Utama dan Andaian bagi Pemodelan Dana Sasaran

Pemboleh Ubah Input Utama	Kumpulan Dana				
	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Perlindungan Takaful Am	Dana Perlindungan Takaful Keluarga
Kebarangkalian Kegagalan (Probability of Default - PD)	Kami menggunakan kadar kegagalan purata seperti yang dilaporkan oleh Institusi Penilaian Kredit Luaran dalam kajian kegagalan tahunan mereka. Kadar purata kegagalan ditanda aras dengan penarafan risiko paling konservatif dengan mengambil kira penarafan risiko kawal selia institusi ahli dan penilaian penarafan dalaman kami.				
Kerugian Akibat Kegagalan (Loss Given Default - LGD)	Pertimbangan kemungkinan pemulihan berdasarkan andaian pembubaran institusi ahli, selepas mengambil kira pendedahan risiko berkaitan terutamanya risiko kredit dan pasaran ketika pelaksanaan pemulihan aset.				

RUJUKAN TEKNIKAL

Jadual 2: Pemboleh Ubah Input Utama dan Andaian bagi Pemodelan Dana Sasaran (sambungan)

Pemboleh Ubah Input Utama	Kumpulan Dana				
	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Perlindungan Takaful Am	Dana Perlindungan Takaful Keluarga
Pendedahan Semasa Kegagalan (<i>Exposure At Default - EAD</i>)	Kami mengambil kira dua pendekatan kepada intervensi, iaitu pendekatan secara pembubaran, atau resolusi urus niaga yang berterusan. Jumlah Deposit Diinsuranskan (pada had RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli) dan kemungkinan permodalan semula bank ahli adalah digunakan sebagai proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan.	Kami mengambil kira beberapa komponen pendedahan sebagai proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan, untuk menunjukkan jumlah pendedahan kewangan terhadap kami sekiranya berlaku kegagalan mana-mana ahli penginsurans am. Pendedahan Semasa Kegagalan menunjukkan pendedahan tuntutan dan liabiliti premium ahli penginsurans am seperti yang diterima pakai dalam Rangka Kerja Risiko Berasaskan Modal bagi Penginsurans, bersama-sama dengan pendedahan risiko operasi dan kos yang bakal terlibat sekiranya berlaku pembubaran ahli penginsurans am.	Kami mengambil kira liabiliti penilaian aktuari untuk ahli penginsurans hayat sebagai proksi untuk menentukan Pendedahan Semasa Kegagalan, tanpa mengira manfaat insurans yang dilindungi oleh PIDM. Pendedahan Semasa Kegagalan menunjukkan risiko kepada ahli penginsurans hayat dalam sebarang penilaian terkurang liabiliti insurans dan pengalaman tuntutan yang menjejaskan melebihi daripada jumlah rizab yang disediakan.	Kami mengambil kira beberapa komponen pendedahan sebagai proksi Pendedahan Semasa Kegagalan, untuk menunjukkan jumlah pendedahan kewangan kepada PIDM sekiranya berlaku kegagalan mana-mana ahli takaful. Proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan bertujuan untuk meminimumkan risiko ahli takaful dalam sebarang penilaian terkurang liabiliti takaful dan pengalaman tuntutan yang menjejaskan melebihi daripada jumlah rizab yang disediakan. Pendedahan Semasa Kegagalan juga mengambil kira pendedahan risiko operasi dan kos yang bakal terlibat sekiranya berlaku pembubaran sesebuah ahli takaful.	

RUJUKAN TEKNIKAL

Jadual 2: Pemboleh Ubah Input Utama dan Andaian bagi Pemodelan Dana Sasaran (sambungan)

Pemboleh Ubah Input Utama	Kumpulan Dana				
	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Perlindungan Takaful Am	Dana Perlindungan Takaful Keluarga
Pendedahan Semasa Kegagalan (<i>Exposure At Default - EAD</i>) (sambungan)				Pendedahan Semasa Kegagalan mempertimbang-kan jumlah liabiliti peserta dana takaful am dan liabiliti perbelanjaan dana pengendali. Bagi liabiliti dana takaful am, termasuk liabiliti tuntutan dan liabiliti caruman daripada Dana Risiko Peserta seperti yang diterima pakai dalam Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful.	Kami mengambil kira jumlah liabiliti peserta dana takaful keluarga dan liabiliti perbelanjaan dana pengendali sebagai proksi dalam menentukan Pendedahan Semasa Kegagalan, tanpa mengira manfaat insurans yang kami lindungi. Pendedahan dikira berkenaan dengan peserta dana takaful keluarga terdiri daripada Liabiliti Penilaian Aktuari daripada Dana Risiko Peserta dan nilai terkumpul dalam Dana Pelaburan Peserta (bagi sijil-sijil selain yang berkaitan pelaburan).

Pengurusan Dana Perlindungan apabila Mencapai Paras Dana Sasaran

Apabila Dana Sasaran mencapai jajaran tinggi, kami boleh mempertimbangkan pengurangan kadar premium atau levi atau memberi rebat premium atau levi, antaranya berdasarkan penilaian persekitaran ekonomi dan keadaan industri. Dalam pengurusan pengumpulan Dana-dana, penting bagi kami untuk memastikan rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli atau rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans, terus memberikan insentif kepada institusi ahli supaya mereka memperbaiki profil risiko dan agar ahli baharu juga membayar premium atau levi terhadap deposit atau manfaat yang dilindungi oleh kami.

Pembiayaan Luaran

Kami boleh mendapatkan dana luaran sama ada menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pasaran modal atau sumber-sumber lain sekiranya perlu dan wajar. Akta PIDM memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyediakan pinjaman bagi tujuan memenuhi obligasi kami. Pinjaman seumpama ini akan mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. Pembiayaan juga boleh diperolehi daripada pasaran modal, melalui penerbitan sekuriti hutang, yang juga merupakan salah satu pilihan apabila keadaan persekitaran atau pasaran adalah kondusif untuk berbuat demikian.

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Tel: 603 2173 7436 / 2265 6565 Faks: 603 2173 7527 / 2260 7432
Talian Maklumat Bebas Tol: 1-800-88-1266 Emel: info@pidm.gov.my
www.pidm.gov.my